

LAPORAN PERSIDANGAN

PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA MESYUARAT PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEDUA BELAS

Tarikh : 3 MEI 2012 (Khamis)
Jam : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, Pulau Pinang

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	Y.B. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain	Speaker
2.	Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng	Ketua Menteri - Air Putih
3.	Y.B. Dato' Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
4.	Y.B. Dato' Faiza bt. Zulkifli	Penasihat Undang-undang Negeri
5.	Y.B. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri
6.	Y.B. Dato' Mansor Bin Othman	Timbalan Ketua Menteri I/Penanti
7.	Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/Perai
8.	Y.B. Tuan Chow Kon Yeow	Padang Kota
9.	Y.B. Tuan Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
10.	Y.B. Tuan Lim Hock Seng	Bagan Jermal
11.	Y.B. Tuan Law Heng Kiang	Batu Lintang
12.	Y.B. Tuan Phee Boon Poh	Sungai Puyu
13.	Y.B. Tuan Law Choo Kiang	Bukit Tambun
14.	Y.B. Tuan Wong Hon Wai	Air Itam
15.	Y.B. Puan Ong Kok Fooi	Berapit
16.	Y.B. Tuan Koay Teng Hai	Pulau Tikus
17.	Y.B. Tuan Maktar Bin Haji Shapee	Sungai Bakap
18.	Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady	Bagan Dalam

19. Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
20. Y.B. Tuan Ng Wei Aik	Komtar
21. Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
22. Y.B. Tuan Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
23. Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh	Datok Keramat
24. Y.B. Tuan Tan Cheong Heng	Padang Lalang
25. Y.B. Tuan Ong Khan Lee	Kebun Bunga
26. Y.B. Tuan Ong Chin Wen	Bukit Tengah
27. Y.B. Tuan Sim Tze Tzin	Pantai Jerejak
28. Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji	Seri Delima
29. Y.B. Tuan Koid Teng Guan	Sungai Pinang
30. Y.B. Tuan Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
31. Y.B. Tuan Tan Beng Huat	Jawi
32. Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam	Batu Uban
33. Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim	Penaga
34. Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed	Sungai Dua
35. Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggal
36. Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah	Seberang Jaya
37. Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya	Permatang Berangan
38. Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad	Pulau Betong
39. Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
40. Y.B. Puan Hajah Zabariah Bt. Wahab	Bertam

TIDAK HADIR

Y.B. Dato' Tan Hock Leong	Timbalan Speaker/Machang Bubuk
Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya	Telok Bahang
Y.B. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid	Telok Ayer Tawar
Y.B. Tuan Syed Amerruddin Bin Dato' Syed Ahmad	Bayan Lepas

TURUT HADIR

Encik Md. Puat Bin Romli - Setiausaha Dewan

Dewan mula bersidang pada jam 9.45 pagi.

Y.B. Dato' Speaker:

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera. Sesi Dewan disambung semula dengan sesi perbahasan, Yang Berhormat Penaga...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Ariff Shah Bin Haji Omar Shah):

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin mohon jasa baik Y.B. Dato' Speaker dan juga Y.A.B Ketua Menteri kerana Y.A.B Ketua Menteri kata hari Isnin paling lewat dapat jawapan soalan-soalan bertulis. Kalau boleh kalau ada berapa pun tak apa. Bagi sebahagian dulu kepada kami, yang *balance* tu bagi hari Isnin. Terima kasih Y.B. Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker:

Saya akan rujuk dengan sekretariat tentang permohonan Seberang Jaya itu mendapatkan jawapan bertulis ni yang mana telah disediakan untuk diedarkan. Sesi Dewan disambung semula dan silakan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia. Terima kasih Y.B. Dato' Speaker kerana beri peluang kepada saya untuk terus menyambung perbahasan ini. Perkara pertama saya nak bangkitkan ialah tentang Kerajaan Negeri selalu melaung-laungkan simpanan banyak hingga mencecah RM1.1 hingga RM1.2 bilion kononnya dasar penjimatan. Seingat saya semasa peninggalan Kerajaan Barisan Nasional 2008 dulu, dalam tabung ada lebih kurang RM835 juta. Kemudian naik sampai sekarang ini RM1.1 bilion mungkin RM1.2 bilion tambahan RM300 hingga RM350 juta dalam masa empat (4) tahun. Kalau kita tengok itu bukanlah hebat sangat. Penambahan itu bukanlah banyak sangat pun. Dan ini pula hasil akibat daripada kutipan atau caj yang dikenakan adalah terlalu tinggi ataupun orang sebut melampau.

Contohnya katalah *conversion* tanah..(dengan izin) daripada tanah pertanian kepada pembangunan, *sub-division* ke, *rezoning* ke, kena tambah yang bukan-bukan begitu tinggi. Pemaju dia tak kisah, dia tak peduli, *you* naik caj, *you* caj dia, dia bayar. Tetapi siapa yang menanggung akibatnya. Akibatnya ialah pembeli-pembeli yang terpaksa membayar dengan harga yang tinggi. Segala *charges*, segala premium yang terpaksa dibayar itu terpaksa ditanggung oleh pembeli-pembeli, premis-premis yang wujud di Pulau Pinang sekarang ini. Sebab itu harga rumah di Pulau Pinang naik menggila tingginya.

Kawasan yang katakan Balik Pulau itu paling murah RM500,000. Ada yang RM900,000, jangan cakaplah pasal di sepanjang persiaran Jalan Gurney ni, gila harganya. Kalau begini keadaannya, saya tengok macam mana keadaan rakyat di Pulau Pinang ini untuk memiliki rumah. Rumah mampu milik baru disebut dalam teks ucapan T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri tempoh hari. Tak cukup dengan itu, sekarang ini meja yang duduk di atas jalan sisir di restoran pun kena bayar duit, RM20.00 satu meja. Berapa? RM10.00. Tapi saya tanya di sana RM20.00 di Kepala Batas. Tapi kalau Yang Berhormat kata RM10.00 saya terima Yang Berhormat ucapkan. Okey, 10 meja RM100.00 sebulan. Jadi mamak atau tuan punya restoran dia tak kisah. *You* nak caj RM10.00 ke RM20.00 ke dia bayar. Tetapi seperti macam biasa dia akan naikkan harga teh tarik ke, roti canai ke, mee ke, yang minum selalu di situ ialah golongan orang-orang biasa. Bukan golongan yang kelas atasan yang duduk dan minum di *coffee house* dan sebagainya. Silakan.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih Y.B. Speaker. Jadi Yang Berhormat Penaga, adakah setuju atau tidak dasar untuk membenarkan kerusi meja diletak di luar kedai dengan caj, patut dibenarkan atau tidak.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):

Saya tak setuju caj itu. Kerana *as long...*(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Bukan caj saja tapi benarkan letakkan meja dan kerusi. Sekarang dicajkan sejak zaman dahulu lagi. Apakah dasar ini patut dibenarkan atau tidak. *With charge cost*. Maksud saya, Yang Berhormat setuju atau tidak perkara ini dibenarkan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):

Adakah perkara ini dibenarkan? Saya tidak setuju caj itu dikenakan. Selagi tak mengganggu lalu lintas. Kalau mengganggu lalu lintas jangan dibenarkan meja itu ada di situ. Jangan caj, selagi ia tidak mengganggu lalu lintas. Kalau ganggu lalu lintas, rampas semula meja-meja itu. Ini kadang-kadang orang malam-malam duduk di situ *relax*. Kereta tak ada pun, yang *parking* yang tak mengganggu pun. Bagilah rakyat rasa selesa. Nak minum nak dapat embun jantan dok rintik-rintik duduk minum kopi sambil sembang-sembang. Janganlah caj.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Yang Berhormat, ulasan. Bersetujukah Yang Berhormat dengan pendekatan Kerajaan Negeri iaitu membina rumah mampu milik yang begitu banyak di Seberang Perai tetapi kurang membinanya di Balik Pulau. Seolah-olah rumah mampu milik di kawasan Pulau ini kurang sangat. Apa pandangan Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):

Tak setuju itu, kelmarin pun saya dah bahaskan. Jangan jadikan Pulau ini kediaman untuk orang kaya, orang miskin yang pendapatan rendah dilambakkan di Seberang Perai. 12,000 buah rumah di Batu Kawan. Tapi kita tengok hari ini, di Pulau Pinang kita tengok harga rumah menakutkan. Kalaulah seorang itu baru *graduate*, kahwin ada bini, nak beli rumah, kalau sekadar gaji RM3,000 hingga RM4,000 tak mungkin boleh beli rumah di Pulau. Hutang kereta nak bayar, hutang kad kredit, hutang kahwin tak habis lagi. Dia takkan mampu beli rumah di Pulau Pinang. Kalau takat RM3,000 RM4,000, RM5,000 pun saya rasa tak mampu kalau rumah tu mencecah RM500,000, RM900,000. Bukanlah *prime area*, Balik Pulau tu, *area* Balik Pulau.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Penjelasan Y.B. Dato' Speaker. Yang Berhormat Penaga, bersetuju tak dalam usaha kita mengurangkan pergerakan, mengurangkan pencemaran. Kita seharusnya memberikan pendekatan supaya rumah dan tempat kerja harus berdekatan. Ini bermakna jika membina 12,000 rumah mampu milik di Seberang Perai, ini bermakna kita menyediakan kerja untuk mereka di situ, supaya mereka tidak harus berulang alik kerana ini melibatkan masa, pencemaran alam dan sebagainya. Apa pendapat Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):

Kita tak fikirkan tempat pekerjaan, tentang sekolah, tentang riadah dan sebagainya. Ulang alik lagi masa itu kos yang akan bertambah. Dan jika tidak diawasi betul-betul, kawasan itu akan jadi *slum area*. Jadi, Ahli Yang Berhormat, kembali balik apa gunanya *reserve* banyak. Apa gunanya, kalau wang itu tak digunakan. Sebagai contoh dalam Laporan Audit Tahun 2010, peruntukan Y.A.B. Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang belanja hanya 56%, lagi 54% lagi tak belanja. Bagi tahu *reserve* banyak tapi peruntukan itu tak digunakan untuk rakyat. Rumah-rumah miskin tak pernah, di mana dibuat. Memperbaiki tahap hidup rakyat miskin patut dipertimbangkan, kebersihan, persekitaran, jalan-jalan kelolaan Kerajaan

Negeri yang berlopak-lopak harus dibaiki. Bantuan usahawan-usahawan kecil dan sederhana harus diperbanyakkan. Itu yang kita perlu fikir kepentingan rakyat kalau kita ada *reserve* yang begitu banyak. Kerajaan Negeri sepatutnya *facilitate*....(dengan izin) ataupun menjana pertumbuhan ekonomi dan pembangunan. Bukan menjalankan pentadbiran Kerajaan Negeri seperti macam pentadbiran satu bisnes atau perniagaan kerana di hujungnya hendak melihat berapa banyak *reserve* yang banyak di akhir tahun, di bank, perniagaan, bisnes tidak mengapa. Di hujung tengok, wah! *profit margin* sekian-sekian besar. Ini kalau *running the state* ialah menjana pembangunan kemajuan dan biar wang itu digunakan untuk kebaikan rakyat.

Y.B. Dato' Speaker, *Penang the heaven for developers* atau Pulau Pinang sebagai syurga kepada pemaju. Siapa kata? Consumer Association of Subang and Shah Alam (KASA) mengkritik dengan mengatakan Ketua Menteri *had allowed developers to take control of the state*....(dengan izin). Ini yang dikatakan oleh KASA. Ketua Menteri kata *aloud developers to take control of the state*, bererti Kerajaan Negeri pentingkan *economic development* untuk dapat duit dari kebajikan rakyat. Dia bagi contoh, rumah-rumah retak dan kerja-kerja dibuat sehingga larut malam dibiarkan di kawasan Gurney Drive dan Jalan Kelawai. Apabila tuan punya rumah itu membuat komplek *developers* telah pergi *intimidate*, mengganggu gugat pemilik rumah itu dan pemilik rumah itu terpaksa membuat laporan Polis, sehingga dia mengatakan *quote "Only in Penang, people are intimidated when they raise matters of public interest," unquote*(dengan izin). *Jacob George (Cassa) President and legal adviser, Star 24 Mac 2012*, dia kata. Kini Penang menjadi penempatan golongan kaya dan berada, golongan miskin dan pertengahan dipinggirkan. Akhirnya apa akan terjadi.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat. Berkenaan dengan kenyataan Yang Berhormat tadi saya cuma dua soalan. Satu, adakah kenyataan itu memang disokong oleh apa-apa laporan Polis atau kenyataan akhbar oleh orang-orang yang terlibat, pertama. Kedua, kalau kita membandingkan perbezaan kenyataan *only in Penang people are intimidated*, saya tertarik dengan satu rencana di surat khabar hari ini di mana di Pejabat Perdana Menteri kaki pukul MIC telah menyerang anggota-anggota PKR yang membawa gadis 17 tahun untuk mendapatkan Kad Pengenalan daripada Jabatan Pendaftaran. Saya membuat satu perbezaan, pertamanya ini adalah sesuatu yang boleh dibuktikan dengan tajuk pemuda MIC telah menyerang dan memukul anggota-anggota daripada parti PKR di Pejabat Perdana Menteri dalam kehadiran anggota Polis berbanding dengan perkara ini yang dilaporkan yang boleh dibuktikan berbanding dengan apa-apa yang boleh dibuktikan oleh Yang Berhormat tentang kejadian tersebut ataupun adakah ia cuma satu kenyataan yang tidak ada bukti dan sebagainya.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):

Terima kasih. Tadi Yang Berhormat Seri Delima bandingkan MIC dengan pergaduhan yang berlaku di ibu Pejabat Perdana Menteri.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Di pejabat Perdana Menteri.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):

Sekarang saya bukti ini *Penang A Heaven For Developers*, yang saya bercakap tadi dalam Star. Saya *quote* tadi. Ini yang dikatakan dalam surat khabar The Star....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

MCA.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):

MCA pula(ketawa), bertarikh 24 Mac 2012. MCA pula nanti, sat lagi *Times* pula, sat lagi UMNO pula, Utusan tidak boleh baca, jadi hendak baca apa? Hendak baca blog saja, baca internet saja. Internet itu?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Belajarlah.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):

Bukan tidak belajar, orang belajar juga internet sesiapa pun boleh tulis. *You* penyokong Malaysia Kini, *carry on* saya tidak ada. Belajar semua orang tahu internet tapi adakah kita hendak baca bergantung kepada internet itu. Hendak baca internet, saya tidak mahu percaya itu cerita....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Twitter.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):

Saya tidak pakai *twitter*, saya tidak ada *twitter*. Kalau beritahu The Star ini MCA punya. Kalau tidak betul kenapa biarkan kenapa PKR tidak saman?

PKR suka sangat saman orang, samanlah. Saya apa yang diceritakan, rakyat baca di sini beritahu di Dewan. Tajuk begitu besar *Penang The Heaven For Developers*. Akhirnya, kalau macam ini rumah yang begitu mahal, saya tidak hairan Pulau Pinang akan dibanjiri oleh orang Singapura, orang Taiwan, orang Hong Kong, orang Korea dan orang Jepun. *Local* Seberang Perai duduk di sana.

Seterusnya Y.B. Dato' Speaker, kebersihan awam, pengangkutan sampah, potong rumput, cuci parit dan kebersihan pasar. Ini menarik. Saya dapati kawasan di sekitar Seberang Perai contohnya di Penaga yang saya hari-hari di situ. Kebersihan awam semakin hari semakin kotor dan menjijikkan. Lalang tinggi, rumput, parit berbau busuk, sampah bertimbun yang diangkut seminggu sekali. Kawasan pekan lain ceritanya boleh kata tiap-tiap hari, luar seminggu sekali kerana apa? Masih guna kontraktor sama, yang mengikut kadar sejak sepuluh tahun lalu. Sejak 10 tahun lalu kontraktor itu juga yang ditawarkan kerja mengikut bulan ke bulan. Jadi kontraktor ini kalau dulu harga tender misalan RM30,000, sepuluh tahun yang lalu sekarang pun RM30,000 servis dia pun ala kadar saja. Dia hendak *invest*, hendak beli peralatan baru tidak mungkin sebab kontrak dia bulan ke bulan. Macam mana hendak suruh dia beli lori baru, jentolak, jentera. Dia tidak mampu kerana dia tahu risikonya tinggi dia boleh ditamatkan kontraknya. Keuntungannya sangat nipis mana mungkin nilai 10 tahun sampai sekarang nilai itu juga. Saya difahamkan baru-baru ini sudah dibuka tender, untuk menyusun semula kerja-kerja pembersihan ini, potong rumput, angkat sampah, cuci parit cuci dan pasar. Saya dimaklumkan 2,000 kontraktor masuk ditapis, akhirnya semuanya dibatalkan. Tidak jadi pula. Saya tidak tahu mengapa tidak jadi, apabila tidak jadi, jadi kontraktor lama buat kerja macam itu lagi. Dia panggil tawaran tender dibatalkan pula apabila orang masuk.

Apakah Kerajaan Negeri sanggup biarkan keadaan yang jijik ini berterusan? Ini saya tidak masuk lagi tentang soal pengindahan di mana Pulau Pinang dan pelawat datang, tidak lagi menarik kepada pelancong dan pelawat. Kelmarin dikatakan yang ramai datang itu nombor satu Indonesia. Mereka datang hanya untuk berubat. Itu tidak boleh dinafikan. Mereka datang ke hospital-hospital swasta, pergi tengok kerana saya selalu pergi hospital *nurses*, doktor sekarang fasih berbahasa Indonesia. Penyakit yang kita tidak tahu asam urat itu apa tapi doktor tahu penyakit asam urat. Tanya penyakit apa asam urat ini rupanya *gout*. Doktor dan *nurses* lebih memahami Bahasa Indonesia daripada kita rakyat ini apa dia asam urat, kita tidak tahu ruparupaya asam urat itu, rupanya penyakit *gout*. Pergi sama ada Island Hospital, Adventist, Gleneagle, Lam Wah Ee tengoklah.

Kalau pelancong daripada Indonesia yang datang itu sekarang ini, kalau kiranya tidak datang mereka pergi berubat di lain contohnya Kuala Lumpur atau Melaka. Melaka *is fighting hard now*, banyak hospital yang akan

mengalami kerugian. Seorang pesakit datang dilayan dengan cukup istimewa oleh hospital swasta, pergi jemput mereka di *airport*. Mereka buat *appointment*, hospital swasta menyediakan pengangkutan dari *airport* terus bawa ke hospital dan tolong membantu pula untuk mengiringnya ke tempat-tempat penginapan. Ini swasta yang buat. Itu yang paling banyak, yang lain itu adalah datang tapi sekarang ini kita tengok sekarang masalah dengan *water scooter*, naik kuda, anjing yang kadang-kadang kita baca dalam akhbar. Bersihkan, ada peruntukan gunakan, cantikkan Pulau ini, jangan simpan duit saja.

Masalah lokasi *transportation* sampah di Pulau ini. Di mana? Sudah selesaikan masalah itu? Tempat pengumpulan sampah di Pulau ini di mana? Beritahu tempat di mana? Pulau Betong adakah tempat? Ini yang dimaklumkan bahawa sekarang tidak dibawa dengan feri atau bot, sekarang dibawa dengan jambatan sampah-sampah itu, ini kos lagi tinggi. Jadi masalah sampah. Tiap-tiap hari, orang buat sampah terutama sekali musim buah-buahan. Ini adalah wajar cepat diselesaikan supaya Pulau Pinang menjadi sebuah tempat yang bersih, indah, cantik dan menarik pelancongan dengan lebih hebat lagi.

Y.B. Dato' Speaker, saya pun tengok jam juga. Okey, saya cakap *point* ini *last*. Memberi telur atau *zero* kepada Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Ke-13. *Zero* telur. Siapa kata? Y.A.B. Ketua Menteri. Bagi telur, saya masih ingat lagi Y.A.B. mungkin lupa. Saya mula masuk Dewan ini 1990 serentak bersama dengan Y.B. Bagan Jermal dengan Y.B. Padang Kota dan Sungai Puyu, tahun 1990. Masa itu, kami sebelah sana 19 orang wakil rakyat, sebelah sini DAP, 14 orang yang diketuai oleh Y.B. Lim Kit Siang. 14 dengan 19. Mesyuarat bukan kata habis pukul 6, 7, 8, pernah satu ketika bunyi jam dong, dong, dong ini kata Dato' Speaker nak masuk hari lain dah, baru berhenti. 1990 DAP ada 14 lain tak ada. UMNO menang 12 di kala itu GERAKAN menang 7, jadi 19. DAP 14. Betul Bagan Jermal? 1990 kemudian 19 bila datang, masa itu Tanjung 1, Tanjung 2, Tanjung 3, hebohlah masa itu. Kemudian DAP ini rasa wah kuat dah 14, kuat dah. Bubuh gambar RoboCop Y.B. Lim Kit Siang sebagai RoboCop di Penang, 1995 daripada 14 kerusi tinggal 1 DAP. Oh kot silap 95, tahun 2000 DAP tinggal berapa? 1. 2004 DAP tinggal berapa? 1. Daripada 14 kerana angkuh hebat, rakyat meluat. Daripada 14, satu, satu, satu 1, 2008 DAP bernasib baik rakyat menyokong, dapat 19 kerusi. Nasib baik aja lah sebab.....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Minta penjelasan boleh. Saya mahu beritahu sebenarnya RoboCop kita pun bukan kata Y.B. Lim Kit Siang RoboCop, kita kata RoboCop yang kata Y.B. Lim Kit Siang mahu semua pengundi sokong, yang sebenarnya, jangan

putar belit. Selalu Barisan Nasional suka main, saya tahu, saya faham dan pada 2008 memang semua rakyat di Pulau Pinang, tak sokong Barisan Nasional kerana Barisan Nasional tidak boleh dipercayai lagi.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):

RoboCop ini semua rakyat tahu kerana benci pada RoboCop, bukan fakta belit tak belit. Saya ceritakan tadi sejarah tahu. Sejarah bahawa, daripada 1990, daripada 14 hingga satu. Sampai 2001 satu, 2004, satu, 2008, memang bernasib baik DAP menang 19.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sikit ya Yang Berhormat, mungkin saya cuma nak kata, mungkin tentu guna pengundi hantu Yang Berhormat, pasal itu menang Yang Berhormat. Pasal itu sekarang kita nak adakan BERSIH sekarang, pastikan bahawa tak ada pengundi hantu. Itu Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):

1990 tak ada hantu.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Boleh minta penjelasan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):

Bagi, bagi saya bagi.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Kalau tak silap, saya boleh tunjukkan hantu di mana pada tahun 1995. Ada satu rumah di Air Rajah Road, dia mempunyai sekurang-kurang 68 pengundi di satu rumah. Kalau kucing boleh lah 60 lebih tinggal satu rumah, tapi pengundi 60 lebih di satu rumah.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):

You tunjuk itu ya Yang Berhormat, saya pun boleh *quote*, di Penaga, satu rumah 18 pengundi, kalau dikatakan pengundi hantu, semuanya penyokong PAS, nak lawan dengan saya. Hantu sudah lari kot. Kalau sikit-sikit hantu, kalau kalah hantu, kalau menang tak hantu. Apa lah. Menang BERSIH, tak menang tak BERSIH. Ini 2012 kita akan menghadapi pilihan raya lagi, ya. Rakyat memerhatikan sudah diberi peluang kepada Kerajaan Pakatan Rakyat

untuk mentadbir selama empat (4) tahun. Bum bam, bum ban, sudah empat (4) tahun berlalu. *Acid Test* akan menjelang tak lama lagi. Jadi kata lah nak bagi kosong itu, Yang Amat Berhormat, saya tak mahu cakap besar, kerana perbuatan itu satu perbuatan yang takbur, angkuh. Saya tak mahu kata kami akan menang lebih daripada 11. Kalau saya bercakap macam itu, perbuatan tabiat takbur, angkuh dan sombong. Biar kita serah kepada rakyat, nak tengok Barisan dapat kosong atau tidak. Kita tengok. Hari itu saya kata sejarah membuktikan DAP hampir-hampir nak dapat kosong.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Penjelasan Yang Berhormat sikit. Saya difahamkan Yang Berhormat tak akan bertanding. Adakah itu benar, nombor satu (1), nombor dua (2), kalau Yang Berhormat ingin juga masuk dalam *Acid Test* ini, saya rasa dengan hormatnya, saya mencabar Yang Berhormat lah, turun padang lah, kita tengok, kalau boleh Penaga ditawan oleh Barisan Nasional ataupun Pakatan Rakyat yang akan menawan. Silakan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):

Buat soalan saya nak bertanding ke tidak, saya dah bertanding lima (5) kali. Lima (5) kali menang *straight*, tak pernah kalah. Jadi wakil rakyat kalau ikut tahun, daripada tahun 1990 sampai sekarang dah 22 tahun. Masuk dalam Dewan ini, kalaulah setahun 2 kali, sudah 44 kali saya duduk dalam Dewan ini bermula daripada hujung itu, kerusi hujung itu, merata pindah dan *last* sekali tang ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Adakah sebab itu, Yang Berhormat nak berundur?

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):

Bukan sebab itu, *Acid Test* dah saya lalui lima (5) kali. Bukan sekali, bukan dua (2), bukan tiga (3). Dah lima (5) kali. Apa lagi yang saya hendak.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Apa Yang Berhormat yakin bahawa Pulau Pinang memang tak boleh ditawan oleh Barisan Nasional. Sudah *give up*....(dengan izin).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):

Bukan pasal itu, banyak lagi pelapis muda yang menanti untuk menggantikan saya. Saya tahu, saya dah umur 66, saya dah perlukan rehat, saya perlu main dengan anak cucu saya. Saya dah tabur bakti kepada Negeri Pulau Pinang selama 22 tahun. *My time is up*. Takkan saya nak tunggu 82.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):

Bagi, bagi.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Y.B. Penaga dan Y.B. Dato' Speaker. Terima kasih. Saya pula nak tanya Seri Delima, dengan perkembangan-perkembangan yang dapat kita lihat, sejak akhir-akhir ini, nampak macam Seri Delima ini dah nak tinggal Dewan Undangan Negeri, macam nak pergi tanding Parlimen. Itu satu (1).

Yang keduanya juga kita dapat lihat Seri Delima ini, sejak akhir-akhir ini nampak macam minat nak pergi duduk kat tempat Perai. Bukan dalam Dewan saja, bertempik suara...(gangguan) tapi minat, minat nampak macam, apa orang kata, nampak macam nak, nampak *clear*. Ingatkan dalam Dewan saja. Pum, pam, pum, pam, saya pun biasa, saya pun terikut, pum, pam, pum, pam...(gangguan). Tapi kelmarin Dato' (gangguan) pula, ini Sungai Acheh pula, nampak macam minat nak duduk tempat Perai itu, macam mana? Terima kasih Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):

Itu lah. Ada yang setengah pemimpin dia nak duduk sampai 82, 82 pun dia nak bertanding juga. Permatang Pasir dok buka cermin, nak bangkit panggil jawab. Itu masing-masing, saya tidak menyalahkan siapa-siapa. Bagi saya kata dah 22 tahun, *I had enough*. Bukan kata pasal dah Barisan tak boleh menang, itu bukan soalnya. Kerana jangan terlampau yakin, DAP pun ada masalah. Tak ada masalah kah? Seluruh negara mungkin seluruh dunia tahu, bila berlaku perbalahan tentang isu-isu *world lords* dengan siapa lagi. *World lords* dengan, alah lupa dah, tapi ada tak taulah. *God Father, sorry, God Father*. Isu itu, perbalahan itu semua orang tahu, dan merebak pula sampai ke seorang, satu pihak pula siapa ini kereta Vice-chairman wanita DAP iaitu Mageswary dipecahkan dengan batu-bata. Ya, dipecahkan dengan batu-bata kerana terlibat dalam perbalahan ini. Itu juga dalam surat khabar.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Ahli Penaga, ada banyak lagi ka?

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):

Nak habis dah, nak habis dah. *Last* ini. Dah nak habis dah. Itu masalah dalam DAP kena akui. PAS dengan PKR. Masalah Yang DiPertua Majlis Agama Islam. Perbalahan sedang berjalan. Puak ini tuntutan, seorang ini letak jawatan sebagainya. Jadi jangan terlalu yakin bahawa PKR akan terus memerintah Negeri Pulau Pinang. Ya. Okey dan saya berharap lah, Ahli-ahli Yang Berhormat jalankan kerja sebaik mungkin, *Acid Test* akan tiba dan saya ucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat selamat maju jaya. Ya, selamat maju jaya. Ada yang esok ini berpindah ke Parlimen, ada yang pencen, ada yang dipencenkan.....(ketawa). Saya bukan, saya pencen sendiri. Saya kata dipencenkan. Fahamkah.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Ada yang jadi Speaker, silap-silap Dato' Penaga sendiri.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):

Aisey, ada pula yang akan kalah. Ya. Itu wakil rakyat begitu lah. *Retire*, ada yang *retire*, ada yang di *retire* kan. Ya di *retire* kan oleh Parti dia. Jadi selamat maju kepada semua. Silakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya terpanggil juga kerana dengar macam ucapan apa ini, bukan sayonara, tetapi ucapan selamat tinggal oleh Y.B. Ketua Pembangkang. Tetapi kini saya rasa yang penting ialah seperti yang kita selalu sebut, mungkin Yang Berhormat daripada Penaga membaca itu, Sultan-sultan yang diberikan oleh media massa tertentu. Tetapi untuk membetulkan apa yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Pembangkang ialah apabila saya memberikan ucapan sedemikian, kita memberikan *best case* dan *worst case scenario* dan dalam penganalisaan *worst case scenario* ialah bahawa kita akan kalah. Memang kita akan kalah. *Best case scenario* kita akan menang. Kemungkinan menang semua, tetapi itu yang kita berikan *worst case* dan *best case*. Tetapi kalau kita lihat antara *best case* dan *worst case scenario* ialah di tengah-tengah. Itulah kita harus bekerja kuat untuk memastikan PR boleh terus menang. Sama seperti Y.B. Ketua Pembangkang tadi, bahawa semua Yang Berhormat kena kerja keras. Tetapi saya tak mahu perkara ini diterus dimainkan, bila saya berikan dua *scenario best case* dan *worst case*. Yang *best case* ini hanya ditunjukkan untuk memburukkan pihak Pakatan Rakyat seperti yang

disebutkan tadi bahawa kita angkuh. Bila kita hanya menunjukkan kemungkinan. Tetapi di sini saya ingin ambil kesempatan untuk menyatakan bahawa *best case scenario* tak mungkin kita boleh menang habis. *Best case scenario* pun telah kita kekal apa yang kita ada sekarang, kerana pendaftar pemilih semua bermasalah, kerana hantu-hantu dan sebagainya saya rasa *best case* senario tidak mungkin kita boleh paksa seperti Y.B. Penaga sebut tadi makan telur. Ini tidak mungkin lagi. So, di sini saya supaya ia tidak dijadikan isu untuk memutar belit apa yang disebutkan oleh saya. Saya hendak meminda bahawa iaitu *best case* senario bukan kita pernah habis, tidak mungkin lagi kerana daftar pemilik kutuk, kotor dan *best case* senariolah yang kita kekal dan kita ambil. Inilah saya rasa akan memuaskan hati Y.B. Penaga, supaya Y.B. Penaga boleh bersara tanpa takut bahawa kawasan Penaga akan ditawan oleh pihak Pakatan Rakyat, tetapi jangan bimbang kita terus akan berusaha kalau dibenarkan mungkin kita boleh berjaya, *Alhamdulillah*, tetapi kalau tidak bermakna kita akan *give up*, kita tidak akan menyerah diri, kita akan terus berusaha.

So, saya harap perkara ini kita boleh jelas dengan lebih lanjut kerana kita tahu dalam keadaan sekarang di mana macam Batu Maung, kita pun bimbang penambahan pengundi yang begitu luar biasa, kita pun bimbang sepatutnya tidak ada masalah. Dari sekarang ini kita pun menjadi tanda tanyalah kerana pengundi-pengundi hantu dan pengundi-pengundi dan pengundi yang menambah dengan secara mendadak. So, itu sesuatu yang saya harap marilah kita menjalan tugas tanpa sebarang perasaan angkuh. Di sini saya hendak tegaskan wakil rakyat Pakatan Rakyat tidak pernah bersikap angkuh, tetapi bila kita berikan satu senario yang berbeza malangnya diputarbelitkan oleh pihak yang tertentu. Saya hendak gunakan peluang ini menjelaskan kepada Dewan apa yang saya ucap tentang pindaan yang baru kerana masalah daftar pemilik. Saya rasa susah untuk kita bertanding bila Pengerusi SPR itu Ahli UMNO. So kita akui susah, bukan sahaja lawan di medan pilihan raya kena lawan UMNO juga di SPR. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Y.B. Dato' Speaker, saya rasa ahli daripada Air Putih kena mengambil peluang ini kerana SPR bersikap amat terbuka dan jujur dan sekarang ini adalah masa untuk membuat sebarang bantahan dan ambil peluang ini dan jangan asyik tuduh lagi apabila masa bantahan yang diberikan oleh SPR tidak diambil dan kita kata ada wujud pengundi hantulah, pengundi tumpanglah dan macam-macam pengundi. *This is the time*, sekarang dipamerkan sekarang.... (gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ya, satu tahu, saya ingin menjawab satu sahaja kalau tidak dilayan macam mana, macam Menteri Besar Selangor. Nama dia dipinda ke Wilayah Persekutuan tanpa persetujuannya. Beliau membantah, tidak dilayan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Sekarang boleh.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tidak dilayan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Hai, kalau begitu tidak.....(gangguan), dengan BERSIH 2.0, BERSIH 3.0 dan sebagainya, tidak akan tidak dilayan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Itulah sebab mungkin kita kena buat satu lagi BERSIH.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Tidak payah buat demonstrasi jalanan. Itulah adalah satu tindakan yang kita tengok ikut hukum rimba, tidak payah. Kalau ikut hukum rimba, kita gunakan profesional, ambillah peluang ini dan buat bantahan, buat rayuan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tidak dilayan.

Y.B. Dato' Speaker:

Teruskan, cukup buat kesimpulan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):

Saya ini beri peluang kepada semua daripada kelmarin. So pilihan raya akan mendatang tidak lama lagi...(gangguan). Itu pun saya tertanya-tanya. Jadi tuduh menuduh, pengundi hantu, BERSIH ini sudah bosan dengar. Kemudian tadi Y. A.B. Ketua Menteri kata dua ekstrem ini. Jadi bila dua ekstrem ini sampai dapat kosong sebab itu saya *quote* balik kerana lagi satu ekstrem ialah Kerajaan Pakatan Rakyat yang kalah. Dalam pilihan raya

anything can happen. Kemungkinan boleh berlaku, cukupkah 22 tahun. Y.B. Seri Delima tidak payah tanya sayalah. Saya telah buat *press statement* telah lama sudah 7, 8 bulan sudah saya *retire*. Ada juga yang akan di *retire* kan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji:

Untuk rekod Seri Delima akan rindu Penaga, akan rindu, *miss you*.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):

Oh, *miss you*, rindu, oh saya ingatkan kata tadi, *sound* telinga saya pun tidak berapa bagus rindu. Saya pun takut juga. Saya pun rindu juga, 22 tahun duduk dalam ini. Kalau ada persidangan saya duduk di belakang, mereka kata oh itu gilalah mahu lagi apa. Syok juga dengar sahabat-sahabat, rakan-rakan berhujah di sini. Kalau saya datang, dengar di belakang, nanti kata dia sudah gila, gila talak itu, susah juga. *Best of luck* kepada semua. Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, kerana memberi izin saya bercakap. Terima kasih, *Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

Y.B. Dato' Speaker:

Teruskan, Y.B. Pinang Tunggal, teruskan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia. Y.B. Dato' Speaker, Y.A.B. Ketua Menteri, Y.B. Timbalan-Timbalan Ketua Menteri, Y.B. Ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, wakil-wakil Ketua, para wartawan, tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini sekali lagi untuk turut sama memberi pendapat, pandangan dan buah fikiran di dalam Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kedua Belas ini. Dalam perbahasan ucapan terima kasih kepada T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, saya mengambil kesempatan ucap banyak terima kasih kepada Y.B. Dato' Speaker kerana memberi laluan yang awal untuk turut sama berbahas. Y.B. Dato' Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Di dalam Dewan yang mulia ini masing-masing kita telah berperanan menunaikan tugas tanggungjawab sepertimana yang telah pun diamanahkan oleh rakyat kepada kita. Saya mewakili kawasan Dewan Undangan Negeri Pinang Tunggal bagi penggal yang kedua belum tentu lagi berakhir,

sepertimana yang telah dicuit-cuit oleh Y.B. Bagan Jermal akan tetapi sudah tentu saya berhasrat untuk meneruskan kerja buat saya yang belum selesai ini sampai kepada Pilihan Raya Yang Ke-13 nanti.

Y.B. Dato' Speaker, semua yang ada di dalam Dewan ini terdiri daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sudah tentulah merupakan ahli-ahli politik belaka. Kalau tidak, masakan dapat berada dalam Dewan yang mulia ini. Kita dapat lihat masing-masing di dalam Dewan yang mulia ini kerana kita tahu apabila kita sebut sahaja politik macam-macam hal boleh berlaku. Kalau di luar sana kita dapat simpulkan bahawasanya lubang jarum itu, lubang jarum itu hanya benang yang kecil sahaja boleh masuk, tetapi dalam politik Y.B. Dato' Speaker, kita semua maklum lubang jarum itu tali kapal pun boleh masuk. Tali kapal yang besar pun boleh masuk itu politik....(gangguan), itu Y.B. Sungai Dua kata, saya tidak kata. Berbalik kepada isu-isu yang akan saya bawa dalam sidang Dewan ini, bersangkutan paut dengan beberapa perkara, walaupun telah disentuh dibawa oleh Yang Berhormat daripada Penaga mungkin dengan cara beliau akan tetapi saya juga ingin membawa kemungkinan ada isu-isu yang sama akan tetapi dengan cara dan pendekatan yang akan saya bawa.

Yang pertamanya, Y.B. Dato' Speaker, mengenai isu rumah mampu milik juga. Saya ingin menyebutkan bahawasanya Kerajaan Negeri telah mengumumkan kepada kita semua bahawasanya pembinaan rumah mampu milik di Batu Kawan sepertimana yang sedia maklum lebih kurang 12,000 unit dengan geran sebanyak RM500 juta. Bagi saya projek ini mungkin merupakan satu projek yang murni tetapi hakikatnya perancangan dan pelaksanaannya kita lihat pincang. Saya sebut sedemikian oleh kerana wujud masalah yang sebenarnya yang perlu ditangani oleh pihak Kerajaan Negeri, contoh sepertimana yang telah saya soalkan dalam soalan tambahan saya kepada Ahli Exco yang berkenaan. Iaitu di manakah keperluan. Kita dapat lihat memang benar keperluan banyak di sebelah Pulau kalau hendak berbandingkan dengan di sebelah Seberang Perai.

Banyak kajian yang telah dijalankan telah menunjukkan bahawa permasalahan perumahan mampu milik ini sangat ketara wujud di bahagian Pulau. Apakah kriteria, soalan saya apakah kriteria perancangan perumahan yang mampu milik ini dari segi lokasinya, di mana yang sesuai ataupun ciri-ciri reka bentuk dan sebagainya yang didapati langsung tidak diambil kira oleh Kerajaan Negeri dalam merancang perumahan mampu milik ini. Adakah Kerajaan Negeri tidak mempunyai kepakaran yang mencukupi untuk menasihati tentang perancangan perumahan mampu milik ini. Adakah Penang Institute ini tidak mampu untuk memberi nasihat? Adakah PDC sepertimana yang telah kita tahu 50 tahun penglibatan dalam industri hal tanah tidak mampu menasihati Kerajaan Negeri atau adakah Kerajaan Negeri mengamalkan pendekatan kuku besi.

Saya tidak kata kasar, saya sudah berikrar dengan diri saya supaya tidak mahu hendak ikut rentak Y.B. Seri Delima. Saya telah bosan sudah pada diri saya. Minta maaf. Kelmarin saya tengok Y.B. Seri Delima dengan Y.B. Sungai Puyu, saya macam hendak keluar, saya takut saya libat sama. Y.B. Sungai Acheh, minta maaf. Saya takut saya libat sama, saya bimbang kalau libat sama saya lebih lagi daripada Y.B. Sungai Acheh. So saya *control* kerana apa kerana telah penggal kedua.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Silakan.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Ahli Yang Berhormat Pinang Tunggal, saya berasa amat hairan apabila kita hendak wujudkan perumahan mampu milik di Batu Kawan. Kita dikritik pula tetapi sekarang pula kita dituduh bahawa semua perancangan perumahan mampu milik berpusat di bahagian Pulau. Saya hendak tanya adakah perumahan mampu milik di Batu Kawan itu tidak dapat memenuhi permintaankah atau keperluan pasaran semasa.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Terima kasih Y.B. Komtar, akan saya terperinci lagi nanti, dengar baik-baik. Saya ingin memberi sedikit *tips* perancangan dalam melaksanakan perumahan mampu milik ini.

Yang pertamanya, penyediaan perumahan mampu milik biarlah berdekatan dengan kemudahan pengangkutan awam dan yang keduanya biarlah berdekatan dengan tempat kerja. Ini adalah kerana dapat mengurangkan kos pengangkutan yang pertama, menggalakkan kemudahan pengangkutan awam yang telah tersedia ada. Oleh itu, kos kehidupan rakyat yang berpendapatan rendah dapat dikurangkan. Janganlah Kerajaan Negeri membuang mereka jauh ke Batu Kawan. Melonggokkan mereka beramai-ramai jauh daripada kawasan pekerjaan mereka sekarang di mana yang telah saya sebutkan kelmarin pekerjaan sekarang banyak di Pulau tumpuan di KOMTAR, di Bayan Lepas, di *airport* dan sebagainya. Ini akan menyusahkan rakyat golongan susah dan miskin ini ke tempat kerja dan mendapat segala kemudahan.

Yang kedua, penyediaan perumahan mampu milik juga hendaklah tidak memisahkan masyarakat golongan susah dan miskin dengan rakyat yang lebih bernasib baik. Negara kita tidak mengamalkan sistem *apathy* dan kasta. Golongan rakyat susah dan miskin berhak untuk tinggal dan menikmati segala kemudahan perbandaran bersama rakyat yang lebih bernasib baik. Projek-projek perumahan mampu milik ini wajar dibina di seluruh Negeri Pulau Pinang bukan hanya dilonggokkan di Batu Kawan semata-mata. Kerajaan Negeri melalui PDC, MPPP dan lain-lain lagi sudah pasti mempunyai tanah-tanah yang sudah disebutkan tadi yang boleh dibangunkan dengan projek perumahan mampu milik di bahagian Pulau. Kerajaan Negeri disarankan supaya janganlah seronok untuk melihat duit dengan menjual tanah-tanah kerajaan di bahagian Pulau pada harga yang tinggi kepada pihak swasta yang akhirnya dimajukan dengan rumah-rumah yang mahal-mahal belaka.

Y.B. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, penjualan tanah Bayan Mutiara oleh Kerajaan Negeri bagi saya ianya sebagai langkah yang kurang bijak. Saya sebutkan ini Kerajaan Negeri sewajarnya menyediakan Pelan Induk Pembangunan Bayan Mutiara terlebih dahulu. Oleh itu apa jua impian Kerajaan Negeri dapat diterjemahkan dalam pelan induk tersebut termasuk penyediaan perumahan mampu milik dan penyediaan kemudahan awam yang mencukupi untuk rakyat. Setelah itu barulah Kerajaan Negeri menjual tanah mengikut plot-plot yang lebih kecil, mengikut komponen pembangunan. Melalui kaedah ini beberapa syarikat pemaju mengambil bahagian dalam pembangunan Bayan Mutiara. Ini akan mengurangkan risiko projek terbengkalai atau kegagalan membayar harga pembelian tanah. Melalui kaedah ini juga Kerajaan Negeri akan mendapat harga tanah yang lebih tinggi kerana menjual tanah pada saiz yang lebih kecil. Kerajaan Negeri akan menjadi penyelaras pemaju yang terlibat mematuhi pelan induk pembangunan. Saya juga hairan kenapa Kerajaan Negeri tidak meneruskan projek-projek yang mendapat kelulusan di bawah PDC. Adakah Kerajaan Negeri sudah tidak lagi mempercayai PDC selama ini.

Di dalam Dewan yang mulia ini juga, saya ingin kepastian daripada Kerajaan Negeri iaitu adakah tapak masjid dan tapak sekolah kebangsaan sepertimana yang diuar-uarkan sebelum ini akan disediakan oleh pihak Ivory seperti pelan asal yang disediakan oleh PDC. Sekiranya jumlah unit perumahan yang dicadangkan oleh Ivory itu sama ada lebih daripada jumlah unit rumah dalam pelan yang telah diluluskan oleh MPPP di bawah PDC terdahulu. Adakah pelan kebenaran merancang yang akan disediakan oleh Ivory akan dirujuk kepada Majlis Agama Islam Pulau Pinang dan Kementerian Pelajaran untuk ulasan. Saya pohon Y.A.B. Ketua Menteri untuk memberi jawapan yang jelas terhadap persoalan yang telah pun dibangkitkan. Y.B. Dato' Speaker, ...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Penjelasan daripada Y.B. Pinang Tunggal. Yang Berhormat berucap pandangan penjelasan daripada Yang Berhormat seolah-olah Yang Berhormat kata lebih baiklah jual balik tanah itu, beli balik tanah itu dan Kerajaan Negeri bangunkan sendiri. PDC bangunkan sendiri. Adakah itu apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Terima kasih Pulau Betong. Maksud saya kalau PDC bangunkan sebenar yang telah PDC bangunkan sebelum ini dengan pengalaman-pengalaman yang ada dalam plot yang agak kecil sudah tentu plot yang agak kecil ini dengan ramai penglibatan *developer*, pemaju dan sebagainya tidak semestinya 100 ekar bahagi kepada satu *company* sahaja, akan tetapi satu *company* majukan 20 ekar dengan pembangunan yang terancang sudah pastilah harga tanah tinggi makna kata saya dapat lihat di sini berbagai-bagai pembangunan yang wujud dalam masa yang sama kita dapat kurang risiko dari projek terbengkalai sebab keluasannya kecil, nilainya tidak besar sangat. Jadi dapat dimanfaatkan dengan sebaik mungkin. Saya jawab dengan pemikiran saya Y.B. Pulau Betong tapi kita akan dengar lagilah daripada pihak yang bertanggungjawab. *Insya-Allah*.

Y.B. Dato' Speaker, di samping itu saya juga memohon kepada Kerajaan Negeri supaya mendedahkan kepada umum proses tender penjualan tanah ini. Saya dimaklumkan bahawa terdapat sebuah syarikat yang telah menawarkan harga yang lebih tinggi tetapi ditolak kerana tidak mematuhi syarat tender iaitu terlewat kemukakan tawaran. Persoalannya ialah adakah Syarikat Ivory ini mematuhi semua syarat-syarat tender? Semasa taklimat kepada syarikat-syarikat yang ingin mengambil bahagian dahulu saya difahamkan yang Kerajaan Negeri begitu tegas dengan memaklumkan kepada semua bakal penender bahawa tidak satu pun syarat tender yang boleh dilonggarkan dan sebarang percanggahan akan dibatalkan tender mereka. Sebab itu hanyalah tiga (3), empat (4) syarikat sahaja yang mengambil bahagian sedangkan yang membeli dokumen tender melebihi sepuluh syarikat. Anehnya apabila ditawarkan pada Ivory saya difahamkan banyak syarat-syarat tender telah dilonggarkan dan dibincang bersama. Inilah yang membuatkan saya tertanya-tanya adakah ini suatu tender secara telus atau tender buat-buat telus, tetapi hakikatnya ialah rundingan di belakang pintu.

Saya juga difahamkan bahawa Kerajaan Negeri bertanggungjawab untuk membantu Ivory mempercepatkan kelulusan pelan pembangunan? Adakah ini suatu proses jual beli tanah yang adil? Makna kata kena tubuh satu Jawatankuasa Bertindak dalam perkara ini. Sejak bila dalam sejarah jual beli tanah, penjual pula bertanggungjawab untuk memastikan pelan

pembangunan yang disediakan oleh pembeli mesti diluluskan dengan cepat. Sekiranya pelan tidak lulus maka bayaran harga tanah tidak akan dijelaskan. Ini meletakkan Kerajaan Negeri dalam kedudukan tersepit yang boleh menjurus kepada penyalahgunaan kuasa.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Pohon penjelasan Y.B. Pinang Tunggal. Adakah Yang Berhormat mempunyai bukti bahawa terdapat *back door negotiation* ataupun perbincangan di belakang pintu. Kalau benar, saya ingin bertanya adakah bukti dan mungkin boleh buat laporan kepada MACC kalau ada. Terima kasih. Soalan pertama saya adakah bukti.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Terima kasih Y.B. Seri Delima. Saya ingin persoalan kalau ada adalah, kalau tidak ada tak apa. Y.B. Dato' Speaker, satu lagi isu.....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Yang Berhormat saya minta maaf, kalau tidak ada sepatutnya Yang Berhormat tidak membuat kenyataan begitu, kerana ia adalah satu tuduhan yang begitu serius terhadap Kerajaan Negeri. Jadi saya cabar, jika tidak ada sebarang bukti *back door negotiation* saya tidak mahu lah minta Yang Berhormat tarik balik. Minta lebih was-was lagi apabila buat kenyataan. Tidak boleh kita buat kenyataan melulu, Yang Berhormat. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Terima kasih Y.B. Seri Delima. Saya pun nak sebut dengan Y.B. Seri Delima saya tidak mahu, saya nak *control* dengan Seri Delima. Saya sebut perkataan kalau, kalau perkataan itu fahamlah. Saya nak teruskan. Saya lagi isu yang paling kritikal...(gangguan).

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Penjelasan. Saya nak tanya Y.B. Pinang Tunggal. Adakah Ahli Yang Berhormat sedar bahawa Ivory itu adalah begitu menyokong Barisan Nasional pada pilihan raya yang lepas. Jikalau mereka begitu sokong terhadap Barisan Nasional, mengapa mereka boleh diberi layanan istimewa seperti yang dituduh. Sila jelaskan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Y.B. Komtar, semua sedia maklum dalam Dewan. Yang Amat Berhormat pun telah sebut, jadi kita semua faham kedudukan Ivory ini macam mana, tetapi Ivory juga sepertimana saya juga kita manusia, kita harus meneruskan penghidupan kita, jadi bila kita ada keupayaan untuk melakukan sesuatu kita kena buat, mengikut bidang kita. Macam saya terlibat juga dalam perniagaan, saya kena teruskan kerja saya, begitu juga dengan Ivory, jadi proses tender juga proses tender secara terbuka jadi saya harap kita sama-sama memahami. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Saya minta sikit laluan. Saya pun hairan macam mana Y.B. Komtar melibatkan soal politik. Sepatutnya bila tender terbuka, Kerajaan Negeri tidak boleh pilih kasih, ini orang Barisan, ini orang PKR. Kenapa ditanya soal macam ini. Kalau tidak pilih kasih bermakna had lain tu ada pilih kasih lah. Kalau tidak tak payah tanya soalan begini. Nampak *bias*. Makna kita dok tanya nak kerat buang. sepertimana tender-tender sebelum ini projek kelas F di mana penyokong-penyokong Barisan ini dipotong. Maknanya ini nampak jelas, saya ingat kalau tender terbuka, terbuka. Jangan kata kita pilih kasih, saya ingat kena ada ketelusan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Yang Berhormat, saya minta maaf, saya nak cuma tanya adakah bukti bahawa penyokong-penyokong Barisan Nasional kelas F kontraktor itu telah dibatalkan permohonan dalam tender. Ada bukti tak?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Saya ingat Y.B. Seri Delima tidak menghayati Persidangan Dewan-Dewan yang lalu yang mana dikeluarkan....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Mana ada?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Kita keluarkan dah.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Langsung tidak ada. Tidak dibekalkan pada Dewan. Saya masih ingat lagi bahawa permintaan dibuat. Manakah senarai tersebut oleh Exco berkenaan tetapi tidak dibekalkan. Tidak ada.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Exco tidak bekalkan tapi Y.B. Pulau Betong bekalkan ketika itu.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Okeylah. terima kasih. Y.B. Dato' Speaker, satu lagi isu yang paling kritikal saya dapat melihat ialah proses penjualan tanah ini sangat janggal, di mana tidak pernah dilakukan oleh Kerajaan Negeri atau PDC sejak 50 tahun yang lalu. Tanah di Bayan Mutiara telah diberikan hak oleh Kerajaan Negeri untuk ditebus guna oleh PDC dengan syarat PDC membayar 60% daripada keuntungan kepada Kerajaan Negeri bagi setiap projek yang dilaksanakan. PDC juga telah mengiktiraf tanah tersebut sebagai aset PDC. Oleh itu tiba-tiba dalam kes penjualan tanah ini, pemilik tanah ialah Kerajaan Negeri dan PDC hanya menjadi projek *manager* sahaja. Sedangkan dalam penjualan tanah kepada Bayan Bay dan *Techware*, penjualan tanah kepada kilang-kilang di Bayan Lepas, semuanya dibuat antara PDC dengan pembeli tanpa melibatkan Kerajaan Negeri.

Saya melihat kaedah yang dipilih oleh Kerajaan Negeri ini hanya semata-mata untuk lari daripada membayar cukai kepada Kerajaan Persekutuan. Ini adalah kerana PDC tertakluk kepada membayar cukai sekiranya membuat keuntungan. Sekiranya alasan ini benar, saya melihatnya sebagai suatu perkembangan yang sungguh malang dalam sistem berkerajaan di Malaysia kerana terdapat Kerajaan Negeri sendiri yang cuba untuk , untuk mengelak dari membayar cukai. Ini merupakan suatu kesalahan yang besar. Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah penerima manfaat antara yang tertinggi daripada Kerajaan Pusat sepertimana yang sedia maklum jambatan yang kedua, KTM Double Tracking, Mengkuang Dam, Airport Expansion, pelebaran jambatan dan lain-lain yang telah pun diperuntukan oleh Kerajaan Persekutuan termasuklah tebatan banjir dan juga urus kawasan *heritage*, Projek Bukit Bendera dan lain-lain lagi. Adakah wajar Kerajaan Negeri Pulau Pinang membalas segala kebaikan Kerajaan Persekutuan dengan melarikan cukai ini.

Y.B. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri telah didapati mengesahkan kilang-kilang haram dengan menukar zon guna tanah daripada pertanian kepada perkilangan. Saya melihat perkembangan ini, hanya memberi keuntungan, kepentingan politik jangka pendek tetapi untuk jangka panjang

akan menimbulkan banyak masalah kepada Negeri Pulau Pinang. Saya berharap Kerajaan Negeri di bawah Pakatan Rakyat peka terhadap permasalahan rakyat yang akan saya bangkitkan supaya Negeri Pulau Pinang tidak terjerumus dalam kancah masalah kewangan dan sosial yang serius di masa hadapan.

Yang pertama pencemaran alam sekitar, peletakan kilang-kilang di luar kawasan zon industri sudah pasti akan mendatangkan pencemaran kepada kawasan sekitar. Malangnya tanah-tanah milik orang lain terpaksa dijadikan zon penampungan ataupun *buffer zone*(dengan izin), untuk membendung pencemaran dari tersebar. Adakah ini keadilan yang ingin diterjemahkan oleh Kerajaan Negeri hari ini. Tuan-tuan tanah sekeliling tidak dapat memajukan tanah-tanah mereka dengan projek perumahan dan sebagainya dan ini merugikan mereka dan nilai tanah mereka juga menjadi rendah kerana potensi yang terhad.

Kedua, di samping itu, masalah kerosakan jalan-jalan, sistem perparitan dan sebagainya akan berlaku. Ini adalah kerana kemudahan yang disediakan hanyalah untuk menampung keperluan penduduk luar bandar bukan untuk menampung kilang-kilang yang menggunakan lori-lori besar dan berat. Oleh itu rakyat ramai akan sentiasa terdedah kepada jalan-jalan yang rosak, berlubang, parit yang tercemar dengan sisa pembuangan dari kilang dan sebagainya. Kerajaan Negeri sewajarnya mempercepatkan pembukaan kawasan perkilangan baru dan memindahkan semua kilang-kilang ke kawasan perindustrian yang terancam. Melalui kaedah ini semua masalah yang dibangkitkan tidak akan timbul. Natiujahnya semua rakyat Pulau Pinang akan hidup aman damai dan tidak berlaku pergaduhan atau bermasam muka antara pekilang-pekilang dengan rakyat ramai.

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin membangkitkan isu peruntukan tapak masjid dan surau di atas sekolah di kawasan pembangunan, saya ingin membangkitkan isu ini kerana saya difahamkan semua pelan-pelan kebenaran merancang oleh pemaju-pemaju projek perumahan tidak lagi dirujuk kepada Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP) dan Jabatan Pelajaran Negeri. Penyediaan tapak-tapak masjid/sarau dan sekolah tidak lagi diserahkan kepada MAIPP atau Kementerian Pelajaran sebaliknya diserahkan kepada Kerajaan Negeri. Tapak-tapak tanah yang terlibat juga bukan lagi dinyatakan sebagai tapak surau atau masjid, tetapi tapak keagamaan. Sementara tapak sekolah pula hanya dinyatakan sebagai tapak sekolah.

Oleh itu Kerajaan Negeri bebas untuk menukarkan tapak-tapak surau atau masjid kepada kegunaan agama lain dan tapak sekolah pula boleh dijadikan tapak sekolah jenis kebangsaan. Polisi yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri ini bercanggah dengan Perlembagaan Negara yang meletakkan agama rasmi Negara ialah Agama Islam, dan teras pendidikan

Negara ialah Sekolah Kebangsaan. Ini tidaklah bermakna agama-agama lain dan pembinaan sekolah-sekolah jenis kebangsaan dihalang, tetapi teras Perlembagaan Negara dalam membina Negara bangsa Malaysia perlu didaulatkan. Saya ingin menyeru kepada Kerajaan Pakatan Rakyat supaya janganlah terlalu mengamalkan dasar yang tidak baik kerana kerajaan yang ada hari ini menjadi kerajaan kepada semua rakyat Pulau Pinang yang terdiri dari pelbagai kaum dan anutan agama.

Oleh itu saya ingin mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini supaya Kerajaan Negeri melibatkan MAIPP dan Jabatan Pendidikan dalam proses kelulusan pelan-pelan kebenaran merancang bagi semua projek-projek di Negeri Pulau Pinang. Ini untuk memastikan segala perancangan pembinaan sekolah dan masjid atau surau dapat dirancang dengan komprehensif untuk kesejahteraan rakyat secara menyeluruh. Tapak-tapak masjid atau surau dan sekolah yang disyaratkan wajar diserahkan kepada MAIPP dan Kementerian Pendidikan. Oleh itu pihak MAIPP dan Kementerian Pendidikan dapat merancang belanjawan untuk membina masjid atau surau dan sekolah dengan lebih berkesan. Walaupun PAS dan PKR tidak minta kuasa ini, saya merayu berilah kuasa kepada mereka, jadi untuk kebaikan semua.

Y.B. Dato' Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat. Isu yang seterusnya yang saya ingin sebutkan pelantikan kakitangan di agensi awam, saya perhatikan sejak menerajui pemerintahan Negeri Pulau Pinang, pelantikan beberapa pegawai yang ditempatkan di agensi di bawah Kerajaan Negeri seperti Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), (MAIPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan sebagainya tidak mengikuti tata cara pengisian jawatan yang betul.

Terdapat beberapa orang pegawai dilantik secara terus, tanpa diiklan dan ditemu duga. Adakah ini yang dinamakan ketelusan ala Pakatan Rakyat atau ini yang dinamakan sebagai sistem kroni yang selama ini dituduh kepada Barisan Nasional (BN). Tidak perlu saya sebutkan nama pegawai dan agensi terlibat, tetapi saya ingin meminta penjelasan apakah rasional pelantikan sedemikian tidak perlu diiklan dan di temu duga.

Saya melihat dalam kes ini, Kerajaan Negeri Selangor agak lebih baik sedikit kerana pelantikan Pengurus Besar PKNS melalui tapisan dan temu duga yang terperinci, walaupun akhirnya tidak lari dari amalan kronisme. Pegawai-pegawai yang dilantik merupakan di kalangan kawan-kawan rapat semasa pilihan raya yang lalu termasuk juga pilihan raya di Sarawak. Ini merupakan tindakan membalas jasa tanpa melihat kelayakan akademik dan pengalaman yang sesuai dengan jawatan yang disandang.

Saya ingin juga bertanya kepada Pihak Berkuasa Negeri. Apakah yang terjadi dengan sebuah anak syarikat PDC iaitu TELCO dan juga PDC Consultation, bagaimanakah kedudukan kedua-dua syarikat ini? Saya juga difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat telah melabelkan kakitangan agensi awam mengikut kelompok parti politik tertentu. Bagi mereka yang menyokong DAP, PAS dan PKR akan menerima layanan yang lebih baik, sebaliknya yang menyokong Barisan Nasional akan dimasukkan dalam *cool storage*. Barisan Nasional telah memerintah lebih dari 55 tahun, tetapi sama sekali tidak mengamalkan dasar terpilih seperti ini. Buktinya ramai kakitangan awam, termasuk ketua-ketua jabatan yang menyokong DAP, PAS dan PKR yang terus kekal dan mendapat kenaikan pangkat. Saya ingin menyeru kepada Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat supaya jangan mengheret kakitangan kerajaan ke dalam kancah politik. Pelantikan kakitangan awam dan kenaikan pangkat hendaklah melalui proses yang betul iaitu mengikut merit seperti yang dilaung-laungkan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat selama ini. Jangalah Yang Berhormat dan Y.A.B. pula berperanan *overrule* ...(dengan izin), pemilihan yang dibuat oleh jawatankuasa temu duga dan pemilihan yang telah ditubuhkan mengikut perkauman.

Dalam Dewan yang mulia ini juga saya ingin menyeru kepada Kerajaan Negeri agar dapat menjalinkan kerjasama erat dengan pegawai-pegawai kerajaan dalam mentadbir Negeri Pulau Pinang ini sepertimana yang telah diamalkan oleh Kerajaan BN yang terdahulu. Tanpa sokongan kakitangan Kerajaan Pentadbiran Kerajaan Negeri akan jadi pincang dan tidak dapat dijalankan dengan lancar. Saya dapati dalam *trade mission* langsung tidak melibatkan kakitangan kerajaan. Saya difahamkan kedudukan yang sedemikian sedangkan dalam misi menarik pelabur oleh Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah mengabaikan penglibatan pegawai-pegawai kerajaan, merekalah yang akan terlibat membuat persediaan membawa dan membentangkan bahan-bahan promosi dan sebagainya. Mereka jugalah yang akan membentangkan hasil lawatan. Tetapi sekarang, saya difahamkan tiada lagi laporan hasil misi yang dibentangkan, malah misi tersebut kadang kala dilakukan secara senyap-senyap sahaja.

Y.B. Dato' Speaker, Negeri Pulau Pinang merupakan *silicon valley*, negeri yang terkenal dalam sektor perindustrian. Sejak Kerajaan Negeri yang diterajui oleh Barisan Nasional dahulu telah banyak kawasan-kawasan perindustrian yang telah berjaya dibuka, bermula dengan Mak Mandin, Perai, Bayan Lepas, Bukit Tengah, Bukit Minyak dan Batu Kawan dalam usaha membawa pelabur-pelabur ke Pulau Pinang, Kerajaan Negeri perlu lebih memilih bentuk pelaburan. Biarkan pelabur-pelabur yang dibawa itu berbentuk teknologi tinggi, yang dapat menawarkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan dengan gaji tinggi. Alangkah malang jika Pulau Pinang yang menjadi destinasi pilihan pelabur masih menyapu semua pelabur-pelabur yang hendak mendirikan kilang, yang hampir semuanya berbentuk *labour*

intensive...(dengan izin), yang membawa masuk ramai pekerja dari Negara luar. Lebih buruk lagi apabila kilang-kilang tersebut pula memerlukan tanah yang luas-luas sehingga seratus ekar dan lebih, ini kerana Pulau Pinang mempunyai tanah yang sangat terhad. Oleh itu, kita perlu lebih selektif dalam menerima pelabur-pelabur. Kilang-kilang yang banyak mendatangkan pencemaran kepada alam sekitar hendaklah ditolak sama sekali. Pekerja asing yang ramai banyak mendatangkan masalah sosial kepada penduduk tempatan juga kalau boleh kita tolak sama sekali, saya berkata demikian, kerana saya dimaklumkan kita pakai rambang sahaja kerana apa, kerana kita hendak buat Kilang Papadom sampai 8 ekar dan berada dalam area Penang Science Park di Bukit Minyak.

Y.B. Dato' Speaker, menjadi harapan saya supaya kerajaan yang berkuasa hari ini janganlah terlalu ghairah mengejar angka pelaburan, tetapi lebih bermakna jika pelabur-pelabur yang masuk membawa teknologi yang tinggi, banyak menggunakan tenaga pekerja mahir, tenaga kerja yang berpendidikan tinggi dan mampu membayar gaji yang tinggi selari dengan program transformasi ekonomi yang sedang digerakkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada masa ini.

Y.B. Dato' Speaker, berbalik kepada isu tempatan di kawasan saya, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada YA.B. Ketua Menteri kerana apabila berlaku ribut di kawasan saya, kawasan saya kebetulan kena ribut sudah tiga (3) kali, jadi yang pertamanya 23 buah rumah, yang keduanya 101 buah rumah, yang ketiganya 86 buah rumah, terima kasihlah tetapi dalam masa yang sama saya juga, kalau boleh Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat. Kalau boleh tambahkan lagi pampasan kepada mereka terima kasih banyak, saya difahamkan bila Yang Amat Berhormat pergi beri RM300.00 seorang dan pilih-pilih orang tetapi tidak bagi saya, saya di peringkat kawasan saya di Pinang Tunggal apabila berlaku bencana seumpama ini, segerakan tindakan, panggil Polis, Jabatan Kebajikan dan Majlis Keselamatan Negara untuk berkumpul dan buat bilik Gerakan dengan kerjasama Pejabat Daerah, ICU, Jabatan Perdana Menteri dan sebagainya. Kita buat tindakan segera, buat laporan polis di situ dan pada masa yang sama juga kita segerakan baik pulih rumah, tukar bumbung baru dan sebagainya. Ada yang terlibat sampai 7,000, 6,000, 4,000 dan dalam masa yang sama juga kita tidak pilih bulu. Kita tidak peduli sama ada penduduk ini orang PAS, PKR ataupun DAP. Saya tidak kata macam tu, Y.B. Sungai Dua yang kata, jadi kita bantu semua oleh kerana bencana yang melanda bukan permintaan dan kehendak kita tetapi kita tidak boleh melawan kuasa *Allah s.w.t.*

\

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Pinang Tunggal, saya hanya tetapkan 20 hingga 30 minit untuk berbahas, jadi kalau boleh tolong simpulkan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Terima kasih. Ada satu, dua perkara lagi Dato' Speaker. Saya tidak dapat mengelak diri saya untuk mewakili rakyat di kawasan saya dalam Dewan yang mulia ini untuk saya sebut apa yang berlaku di tanah air kita, negeri yang kita cintai ini iaitu kejadian yang tidak diingini BERSIH 3.0. Apa yang hendak saya paparkan ialah walaupun kita berfahaman politik yang berbeza dan sebagaimana yang saya gambarkan tadi dalam keadaan berpolitik yang bagaimananya dan kita mempunyai pendapat dan pandangan politik yang berbeza, tetapi bila tiba suatu masa dan memikirkan kepada kedudukan keamanan tanah air kita, saya terharu.

Y.B. Dato' Speaker, saya terharu dengan seorang insan *Allah* yang bernama Tunku Abdul Aziz BinTunku Ibrahim iaitu Ahli Dewan Negara dan Naib Pengerusi DAP yang menyebut bahawasanya berdasarkan kepada pengalaman saya, mana-mana demonstrasi yang bermula dengan niat aman dan tidak ada sesiapa yang mahu menimbulkan keadaan huru-hara tetapi di sebaliknya dalam kes yang dikatakan aman ini telah bertukar menjadi ganas. Ada beberapa perkara lain, yang menyentuh tentang DBKL, Polis dan sebagainya. Saya merasa terharu dengan kewibawaan Yang Mulia Tunku Aziz dalam membuat keputusan bahawa baginya beliau tidak penting, 200 orang yang lain tidak penting, 30,000 atau 100,000 yang pergi berdemonstrasi itu tidak penting, akan tetapi yang jauh lebih penting baginya ialah 28 juta rakyat Malaysia keseluruhannya.

Y.B. Dato' Speaker dalam masa yang sama juga, saya amat bersimpati dengan Dato' Speaker iaitu dari hari pertama sehingga hari ini dan kemungkinan sehingga 10 haribulan di mana Timbalan Speaker menghadapi masalah kesihatan. Tidak adakah dalam peraturan-peraturan kita yang boleh mencalonkan sesiapa untuk menggantikan atau mengambil alih sementara jawatan untuk berselang-seli dengan Y.B. Dato' Speaker. Ini adalah cadangan baik daripada saya.

Y.B. Dato' Speaker:

Terima kasih. Dia pandai *jack*.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Mana tahu, kita ini manusia biasa, jadi saya cadangkan supaya memikirkan sesuatu dari segi peraturan. Jadi sebelum rehat, oleh kerana saya sudah puji Dato' Speaker jadi saya hendak minta kalau boleh saya hendak baca luahan hati seorang anak polis. Bolehkah Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker:

Tiga (3) minit lagi.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Tiga (3) minit? Saya cuba dua (2) minit saja. Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, Y.B. Ahli-ahli dan tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Ini luahan hati seorang anak Polis bersangkut-paut dengan BERSIH 3.0.

Y.B. Dato' Speaker:

Ini dari akhbar mana?

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Dari akhbar mana saya tak tahu, ada rakyat saya tahan saya tadi di sebuah kedai kopi dan minta saya baca di dalam Dewan yang mulia. Saya pun tidak tanya dari surat khabar mana, mungkin Harakah kot?

Y.B. Dato' Speaker:

Utusan Malaysia.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Sebagai seorang anak anggota Polis saya ingin bersuara bagi pihak rakan-rakan saya. Memang negara ini negara demokrasi tetapi tidak bermakna sikap puak pembangkang terutama BERSIH berhak memaki hamun sehingga menjatuhkan maruah dan harga diri pihak Polis. Anda menggelarkan anggota Polis sebagai anjing kerajaan, jadi siapakah kami anak-anak Polis ini, adakah kami anak-anak anjing? Tuduhan dan cacian yang tidak terbatas seolah-olah semua anggota Polis kaki rasuah, tidak boleh dipercayai sehingga saya tidak sanggup menulis di sini. Berlinangan air mata saya bila melihat ada di antara anggota Polis dipukul, diterajang seolah-olah mereka tidak mempunyai sanak-saudara dan anak-anak yang menanti kepulangan mereka dari bertugas. Saban hari bila-bila waktu kritikal seperti BERSIH ini, saya sering terfikir apakah ini lambaian dan ciuman ayah untuk kali terakhir kerana

ayah akan berhadapan dengan makhluk-makhluk yang begitu bencikan tugas ayah sebagai seorang anggota Polis. Apakah tugas anggota Polis itu terlalu hina di mata puak pembangkang, apakah selama ini rezeki yang ayah dan anggota Polis selama ini untuk menyara hidup anak isteri mereka adalah rezeki yang tidak halal semata-mata mereka bekerja untuk kerajaan yang dipilih oleh rakyat.

Apa yang saya tahu setiap kali sebelum ayah pergi bekerja, ayah kami dan adik-beradik bersama ibu akan bersalam dan mencium tangan ayah dan setiap kali itu juga pesanan ayah akan diulangi. Jangan lawan ibu, dengar cakap ibu, jangan biadap dengan orang lain, hormati hak orang lain dan yang paling terguris di hati saya ialah ayah akan berkata jangan sesekali tinggalkan solat kerana itu adalah tiang agama kita. Sedangkan di luar sana ayah dan rakan-rakan dicerca, dimaki dan diludah serta dipukul semata-mata untuk menjaga keamanan negara ini. Anda yang berkelakuan sedemikian, fikirlah dengan penghinaan sedemikian, terhadap kami sebagai anak-anak Polis akan berdiam membiarkan orang tersayang dalam hidup kami diperlakukan seperti haiwan dan seperti anjing sedangkan tingkah laku saudara-saudara pendemo itulah yang kelihatan amat keji. Seolah-olah negara kita tiada undang-undang, seolah-olah anda semua tiada agama, sehingga sanggup menghina dan memukul, menerajang dengan niat kalau Polis itu mati adalah kejayaan anda. Inikah yang dikatakan perjuangan menegak keadilan sedangkan keadilan di pihak kami, keadilan di pihak ayah dan rakan-rakannya dan pihak orang yang cintakan keamanan, anda ketepikan.

Maaf, BERSIH 3.0 ini menutup pintu hati kebanyakan kami terhadap perjuangan puak anda kerana kami telah melihat berapa rakus dan liarnya perbuatan pendemo-pendemo itu. Negara akan hancur seandainya jatuh ke tangan puak yang tidak punya perikemanusiaan ini. Kepada ayah dan rakan-rakan Polis ayah saya amat berbangga dan kagum melihat kesabaran dan dedikasi anda semua dalam melaksanakan tugas menjaga keamanan negara ini. *Insyallah* ayah, saya akan belajar rajin-rajin supaya menjadi insan yang berguna terhadap agama, bangsa dan tanah air, menyara hidup keluarga agar ayah tidak perlu lagi mengharungi episod duka dan hina. Saya tetap berbangga dengan tugas ayah sebagai anggota Polis yang sanggup menggadaikan nyawa demi keselamatan negara. Ayah, kaulah perwira ku, *Amin Ya Rabbal Alamin*.

Kepada anggota Polis, bawa bertenang, kelmarin keputusan kabinet telah pun menentukan supaya Pihak Berkuasa mengambil tindakan kepada mereka yang bertanggungjawab, tidak peduli yang kecil atau besar, pastikan keadilan kita tegakkan. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan 15 minit.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Minta laluan, sedikit sahaja untuk *respond* kepada Y.B. Pinang Tunggal. Dia bunyi macam anak kecil bermain api.

Y.B. Dato' Speaker:

Terima kasih. Dewan berhenti rehat 15 minit. Saya minta semua Ahli Yang Berhormat untuk patuh 11.45 kita akan masuk semula ke Dewan. Dewan ditangguhkan.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.20 pagi.

Dewan disambung semula pada jam 11.45 pagi

Y.B. Dato' Speaker:

Dewan sila bersidang semula, Komtar.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Terima kasih kepada Dato' Speaker kerana bagi peluang kepada saya menyertai perbahasan atas ucapan T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dalam Dewan yang mulia ini. Dimana saya ingin menyampaikan satu ucapan yang bertemakan Hala Tuju Sistem Luar Parti di Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Speaker, ini merupakan kali kelima dan kali akhir walaupun bukan terakhir lah menyertai perbahasan ucapan T.Y.T. menjelang pilihan raya yang akan datang. Ucapan T.Y.T. telah menekankan tentang kejayaan-kejayaan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat empat tahun yang lepas dalam pelbagai aspek termasuk pembangunan ekonomi dan industri serta pelaburan, pengurusan lalu lintas dan sebagainya. Tapi saya rasa salah satu aspek yang perlu ditekankan adalah kejayaan Pulau Pinang dalam mewujudkan dalam anjurkan satu perhimpunan untuk bantah BERSIH 3.0 di Esplanet dalam suasana yang aman damai.

Pelbagai usaha telah diambil oleh Kerajaan Negeri dalam membasmi kemiskinan tegar dan seterusnya untuk mencapai kemiskinan sifar pada tahun 2015. Kesemua ini dapat dilaksanakan atas komitmen Kerajaan Negeri untuk melaksanakan apa yang telah dijanjikan dalam manifesto kita termasuk dengan apa yang tidak dijanjikan. Selaras dengan keinginan kami untuk

mewujudkan satu pentadbiran yang berlandaskan C.A.T. Kami telah bertengkar supaya melaksanakan undang-undang yang berintegriti termasuk mewajibkan pegawai-pegawai awam mengisytiharkan aset mereka. Ini bermulanya dengan Exco yang secara terbuka mengisytiharkan aset kepunyaan mereka termasuk aset yang dimiliki sebelum dilantik sebagai Ahli Exco pada tahun 2008. Syabas kepada Ahli-ahli Exco kami yang berani untuk berbuat demikian walaupun terpaksa mendedahkan diri mereka terhadap pelbagai risiko keselamatan.

Namun demikian, kesemua tersebut dikumpul melalui cara-cara atau saluran-saluran yang halal. Saya kini pastinya tidak dipersoalkan oleh orang awam. Kenapa saya berasa amat hairan dengan sikap Menteri-Menteri Kabinet yang begitu takut untuk berbuat demikian hanya sekadar tindakan sedemikian akan membahayakan mereka, seperti apa yang didakwa oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Nazri. Y.B. Dato' Speaker, pada masa yang sama Kerajaan Negeri telah melaksanakan...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Minta laluan, Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Okey, teruskan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya ingin bertanya Yang Berhormat sebelum ini maksudnya Exco-Exco di bawah ketika pemerintahan Barisan Nasional memang tidak pernah mengisytiharkan. Itu soalan pertama saya, dari fahaman saya dan ini termasuklah harta-harta di dalam negara dan di luar negara kerana setiap kali kita dapati kunjungan-kunjungan dibuat oleh Menteri-Menteri Kabinet ke Australia, New Zealand dan sebagainya di mana mereka didakwa mempunyai harta yang tidak diisytiharkan di Australia dan juga di New Zealand. Apa pendapat Yang Berhormat tentang perkara-perkara itu kerana di Barisan Pembangkang sekarang kita ada juga beberapa Yang Berhormat-Yang Berhormat yang pernah menjawat jawatan Exco. Bolehkah mereka berbuat demikian sekarang mengisytiharkan aset-aset untuk menunjukkan mereka betul-betul telus. Apa pendapat Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Saya berasa tidak ada sebarang masalah untuk mereka berbuat demikian, hanya ini tertakluk kepada komitmen itu. Adakah mereka ada kesanggupan dari segi politik untuk berbuat begitu. Jikalau harta-harta ini

dikumpul melalui cara-cara yang sah, apa yang mereka takut. Kecuali harta-harta ini adalah harta-harta yang haram dan dikumpul melalui cara-cara yang haram, maka terpaksa bukan saja takut untuk disimpan di Malaysia tetapi terpaksa disimpan di luar negara atau masuk bank Switzerland semua ni. Saya berharap mereka dapat mengikut jejak langkah Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk berbuat demikian. Bagi la kita uji, bagi lah kita kaji setakat mana harta kepunyaan mereka adakah harta mereka terkumpul dengan cara yang begitu pantas dalam tempoh yang singkat.

Y.B. Dato' Speaker, pada masa yang sama Kerajaan Negeri telah melaksanakan tender terbuka mulai hari pertama kita mengambil alih pemerintahan Negeri. Melalui tender terbuka wang rakyat dapat dijimatkan untuk disalurkan dalam projek-projek yang dapat memanfaatkan rakyat termasuk melancarkan program penghargaan Warga Emas, OKU, Ibu tunggal serta program terbaru Program Pelajar Emas. Program-program sebegini merupakan sesuatu yang tidak dijanjikan dalam manifesto Pakatan Rakyat tetapi dilaksanakan ekoran adanya sikap kerajaan yang berhemah terhadap perbelanjaannya. Mana-mana pegawai atau kakitangan Kerajaan Negeri yang mendapati tidak berintegriti dalam melaksanakan tugas rasmi mereka juga akan disiasat dan akan dikenakan tindakan termasuk dirujuk kepada SPRM.

Dari tahun 2008 hingga 2011, terdapat tujuh orang kakitangan awam yang ditangkap oleh SPRM di Negeri Pulau Pinang yang turut melibatkan MPSP, PDC, SUK, Pejabat Daerah, PBA dan MAIPP. Ini belum termasuk perangkaan mereka yang disiasat oleh SPRM. Di antaranya terdapat kes-kes yang dirujuk oleh Kerajaan Negeri untuk tindakan SPRM selanjutnya. Ini jarang berlaku semasa pemerintahan Barisan Nasional di mana hanya ada pegawai atau kakitangan kerajaan yang terpaksa disiasat kerana ada aduan terhadap mereka dan tiadanya Kerajaan Negeri yang sudi atau rela kakitangan atau pegawainya disiasat dan mereka takut nanti peringkat atasan turut akan diheret ke dalam siasatan tersebut.

Kerajaan Negeri begitu komited terhadap integriti dari segi pentadbiran serta pelaksanaan projek-projeknya. Barisan Pembangkang boleh mempersoalkan dalam Dewan yang mulia ini terhadap kekurangan yang ada pada seseorang Ahli Exco, pegawai atau kakitangan ataupun jabatan atau agensi kerajaan secara keseluruhannya. Namun sikap kami yang serius terhadap integriti tidak harus dipersoalkan kerana kita memang adalah golongan yang bersih, kita tidak seperti mereka yang diperkatakan yang cuba mengkaitkan diri dengan angkara-angkara yang kotor.

Tuan-tuan dan puan-puan, saya rasa slogan perhimpunan BERSIH perlu dikongkong oleh semua, disokong oleh semua di mana BERSIH adalah menunjukkan komitmen kita untuk mendapat atau mewujudkan satu pentadbiran yang bersih. Satu pentadbiran yang bersih perlulah terdiri daripada pemimpin-pemimpin kerajaan yang bersih. Jadi kenapa..... (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat. Sedarkah Yang Berhormat bahawa suatu ketika dahulu mantan Perdana Menteri Mahathir Mohamad menggunakan slogan Bersih, Cekap dan Amanah, tapi sejak kebelakangan ini kita tak dengar slogan ini digunakan lagi, cuma dilaung-laungkan satu Malaysia. Apa pendapat Yang Berhormat tentang *Paradigm Shift* penukaran daripada dalam menggunakan Bersih, Cekap, Amanah ini kepada 1Malaysia.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Slogan Bersih, Cekap, Amanah dimulakan oleh Barisan Nasional, tapi sekarang telah dibekukan atau telah lenyapkan diri kerana mereka begitu malu untuk mengulangnya kerana pemimpin-pemimpin sekarang ini bukanlah bersih, tidaklah bersih. Mengapa rakyat begitu ramai rakyat 250 ribu orang yang begitu ghairah untuk menyertai perhimpunan BERSIH untuk duduk bantah kerana mereka telah jemu dengan cara-cara yang kotor, cara-cara yang rasuah termasuk daftar pemilih yang tidak bersih. Mengapa Polis seharusnya melindungi keselamatan rakyat perlu membelasah rakyat sampai tahap ni. Saya nak tanya adakah berapa anggota Polis yang cedera yang mati adakah lebih ramai rakyat yang cedera atau mati.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Y.B. Dato' Speaker penjelasan.

Y.B. Dato' Speaker:

Silakan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, Yang Berhormat Komtar. Keadaan perhimpunan di Dataran Kuala Lumpur, ketika itu saya masih di sana. Saya nak tanya dengan Yang Berhormat di sebelah sana ketika masa itu yang Yang Berhormat sebelah sana yang 428 ada di mana dan tadi daripada Y.B. Pinang Tunggal yang begitu menarik begitu artis yang ucapannya sampai sedih kata seorang Polis berkaitan dengan ini. Tapi apa yang saya nampak pada hari itu

di kawasan Kuala Lumpur, gambar-gambar yang seperti begitu yang Polis kita pukul rakyat kita seperti pukul anjing. Apa maksudnya? Seperti tadi Y.B. Komtar berkata berapa Polis dipukul? Tapi memandangkan rakyat-rakyat dengan tanpa ada sebarang senjata dan mereka pukul begitu. Bukankah katakan Polis punya kerja-kerja melindungi rakyat untuk *maintenance* rakyat yang sentiasa aman. Tapi apa mereka berlaku di situ? Kita nampak di situ. Jadi saya ingin nak tanya 428 di sebelah sana Yang Berhormat-Yang Berhormat di mana kamu ada. Kita untuk memperkukuhkan bersih tapi nampaknya ramai yang masih ingin mereka hendak betul lagi. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat. Sedikit saja. Saya nak komen saya pun tertarik adegan dari Yang Berhormat dari Pinang Tunggal itu di mana dia mungkin sedikit menangis la tapi saya berpendapat itu merupakan satu sandiwara dalam erti kata lain beliau cuba menunjukkan seolah-olah rakyat ingin mempengaruhi rakyat jelata bahawa kita ataupun yang telah melibatkan diri dalam perhimpunan aman bersih itu telah bertindak sikap rakus terhadap pihak Polis tapi itu bukan semuanya berlaku seperti yang saya katakan dalam ulasan saya semasa membuat penghujahan adalah perhimpunan ini diadakan di merata dunia malahan di Malaysia diadakan di beberapa di negeri-negeri Pulau Pinang dan Perak dan sebagainya, tidak ada sebarang insiden berlaku dan kita berterima kasih kepada Polis Pulau Pinang. Kerana di Pulau Pinang perhimpunan ini telah disertai oleh 7,000 orang. Tidak ada sebarang insiden malah di Kuala Lumpur saya difahamkan, insiden itu bermula di penghujung bila semua peserta-peserta perhimpunan itu ingin bersurai pada masa itu pihak Polis FRU menembak *canister* yang mengandungi gas masuk ke dalam kumpulan tersebut masalah bermula.

Saya minta Dewan yang mulia ini tidak menerima apa yang cuba dimainkan Ahli-ahli Berhormat Barisan Nasional bahawa kita bertindak secara rakus pada pihak Polis itu bukan perkara penting. Saya minta maaf kita lihat laporan-laporan media dan laman web kejadian orang-orang awam yang menyertai dan tidak menyertai dipukul, dibelasah lebih banyak lagi. Jangan nafikan perkara itu. Berbanding kejadian pihak Polis dipukul itupun satu kejadian kereta yang masuk merempuh itupun kumpulan sedang berarak secara aman memang itu adalah provokasi dan kemungkinan saya difahamkan ini adalah tindak tanduk dilakukan oleh kononnya Ahli-ahli Cawangan Khas untuk menjadikan isu semasa pilihan raya untuk melakukan provokasi.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Terima kasih. Yang Berhormat Speaker saya fikir ini adalah disebabkan niat jahat manusia di mana di Pulau Pinang ini 428 perhimpunannya aman dan dibandingkan di Kuala Lumpur itu amat mengacaukan dan kedua-dua adalah manusia berlainan di Pulau Pinang tidak ada pemimpin yang berniat baik untuk menjalankan demokrasi dan di mana di sebelah sana ada niat jahat supaya rakyat yang baik, berkumpul aman di sana dipecahkan.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat memanglah Polis saya juga begitu bersanjung tinggi terhadap profesionalisme oleh PDRM semasa penganjuran Perhimpunan BERSIH di Pulau Pinang. Tapi saya tidak akan maaf kepada saya semasa perhimpunan di Kuala Lumpur. Di mana wakil rakyat dipukul oleh Polis masa itu saya berada.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Pembetulan Yang Berhormat wakil Rakyat Pakatan Rakyat akan dibelasah tetapi Barisan Nasional dia bagi *red carpet treatment*. Kalau penjenayah sekalipun rasuah sekalipun rasuah sekalipun mereka bagi *red carpet treatment*, Barisan Nasional.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Saya nak berkongsi dengan semua semasa saya berada di satu Restoran A&W selepas perhimpunan hari itu. Di Jalan Tunku Abdul Rahman semasa itu 4.45 petang kebetulan sekitar terserempak sekumpulan Polis yang mengejar seorang Melayu di kedai luar kedai yang bertentangan dengan kami. Masa itu Polis membelasah Melayu itu dan kita jerit dan kita cuba menghalang menggunakan untuk merakam apa yang berlaku tindakan kami telah memarahkan pihak Polis sehingga tutup pintu restoran itu buka pintu maka selepas pintu dibuka, saya diheret keluar dan saya diarahkan oleh pihak Polis buka baju saya, mengapa pakai baju kuning pun satu kesalahan dan mengapa wakil rakyat perlu dibogelkan. Dan cara ini saya rasa ini telah berlebihan, ini telah berlebihan pakai baju pun salah.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subaramaniam)

Saya ingat warna kuning pihak Polis telah gementar warna kuning jadi ketakutan sehingga dia meletup.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Mungkin saya nak minta saya minta lampu isyarat tukar semua. Tiada warna kuning. Kerana kuning amat sensitif bagi Barisan Nasional, walaupun warna kuning warna DiRajalah.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Padahal yang tadi memang saya bersama dia dan apa yang saya lebih marah dan tak boleh terima adalah kawan-kawan media yang menjalankan tugas masa itu pun juga dihentam pukul, rampas dia punya kamera ataupun *delete* gambar-gambar yang telah ditangkap, bayangkan media-media kawan dari media itu mereka cuma jalan tugas, apa salahnya. Kita punya begitu takut apa yang berlaku dirakam dalam mereka punya kamera ini tidak harus berlaku kita semua dimaklumkan hari ini adalah media yang bebas. Tapi saya rasa sedihnya apa yang berlaku pada hari itu saya amat tak boleh terima, ini memang tak harus dilakukan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Soalan saya adakah Yang Berhormat telah dibuat laporan, ini perkara serius ketika itu saya pasti telah perkenalkan diri Yang Berhormat seorang Ahli wakil rakyat dari Pulau Pinang? Dan mereka masih tidak memberi sebarang ataupun bukan layanan secara prosedur. Adakah mereka membuat laporan Polis? Sebab saya teringat kejadian Ketua Umum PKR Anwar Ibrahim sehingga mata hitam sewaktu dalam tahanan oleh Ketua Polis sendiri IGP ketika itu. Ini bukan sesuatu perkara yang saya kata mustahil berlaku sesuatu yang diamalkan oleh pihak Polis sejak dulu lagi dan didapati bersalah memang ada rakaman dan dibawa ke mahkamah di bawah Seksyen 34 menyebabkan mata hitam ke atas Anwar Ibrahim sewaktu ditahan di Bukit Aman. Ini adalah perkara yang tercatat dalam sejarah tak boleh dinafikan berbalik kepada Yang Berhormat adakah laporan Polis telah dibuat? Dan adakah pihak Polis menyusuli dengan penyiasatan? Terima kasih.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Terima kasih di atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat Seri Delima memang selepas itu saya buat *report* Polis memang masa tak mengizinkan kerana sibuk dengan DUN ini saya akan cari masa satu *report* Polis dan memang saya tidak saya begitu hairan dengan apa yang berlaku terhadap saya. Dari awalnya saya tak perkenalkan identiti saya, kerana saya hendak lihat apa yang seterusnya berlaku terhadap saya, masa itu apabila dia tendang saya sekali lagi dipukul sekali lagi. Pembantu saya memberitahu adakah awak tahu ini orang yang dipukul siapa. Dia adalah seorang ADUN itu, baru Polis lari lintang pukang, mereka baru tahu mereka tak harus dilakukan

sebegini kepada wakil rakyat. Buat masa ini saya tak mahu memanjangkan topik ini kerana nak menjimatkan masa apa-apa yang lain. Y.B. Dato' Speaker saya ingin mendapatkan maklumat setakat wang rakyat yang diijamatkan dan keuntungan yang telah dijana dalam pelaksanaan tender terbuka dan projek-projek Kerajaan Negeri perbandingan dengan harga rizab atau projek atau perkhidmatan boleh mendapatkan nilai tersebut.

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin menekan bahawa semalam kita dipersoalkan oleh Yang Berhormat Penaga bahawa kita tidak mengotai apa-apa yang telah dijanjikan dalam manifesto DAP, tapi saya rasa telah melaksanakan apa yang telah dijanjikan tidak dapat dilaksanakan buat sementara waktu ada halangan dari perundangan, dari segi bidang kuasa, tapi ini tidak bermaksud kita lupa tanggungjawab semua ini. Suatu janji yang kita buat adalah untuk tidak merobohkan rumah ibadat semua agama, di mana kita begitu hairan perobohan kuil India di Perai Cargo Terminal masih berlaku oleh Barisan Nasional.

Kami berasa amat kesal sikap Pengerusi Penang Port Sdn. Bhd. yang tak sudi memohon maaf oleh walaupun telah diakui olehnya semalam dalam Dewan yang mulia ini dan perobohan tersebut ini adalah salah. Untuk memulihkan pilihan raya PBT, Kerajaan Negeri telah ambil pelbagai pendekatan dalam bebaskan Negeri Pulau Pinang daripada konkongan, Seksyen 15 Akta Kerajaan Tempatan. Dengan adanya Enakmen Kerajaan Tempatan Pulau Pinang dan Seberang Perai akan bentangkan di Dewan yang mulia ini, terbukti Kerajaan Negeri empat (4) tahun yang lepas begitu gigih dalam usahanya untuk mencapai matlamat tersebut. Mengapa idea untuk memulihkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan tidak disokong Barisan Nasional?

Mengapa UMNO atau Barisan Nasional masih begitu bangga terhadap projek yang dilaksanakan dalam pilihan raya yang lepas. Semua prestasi yang dikecapi oleh Kerajaan Negeri dalam tahun kebelakangan ini termasuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang jaguh pelaburan Pulau Pinang untuk dua (2) tahun berturut-turut dan juga dan projek pelaksanaan kos rendah dan sederhana rendah, baik projek-projek swasta yang selepas Pakatan Rakyat menerajui Kerajaan Negeri Pulau Pinang, semuanya telah didakwa oleh Barisan Nasional ini merupakan jasa baik atau kehandalan Barisan Nasional. Lebih-lebih lagi Parti GERAKAN telah menghasilkan satu video klip kejayaan Barisan Nasional dalam 18 tahun yang lepas sebelum tahun 2008 dan ditayangkan oleh 8TV semasa tahun baru awal tahun ini. Ini seakan-akan Barisan Nasional masih belum sedar faktor kekalahan dalam pilihan raya yang lepas.

Y.B. Dato' Speaker tidak termimpi mereka boleh ditolak oleh rakyat jelata dalam pilihan raya yang lepas. Dengan MCA, GERAKAN dan MIC ditewaskan dalam kerusi yang ditandingkan mereka ditolak oleh rakyat jelata atas keangkuhan pemimpin mereka. Amalan rasuah yang tidak terbatas serta kebencian rakyat terhadap sikap *extremist* Barisan Nasional terhadap isu-isu perkauman dan keagamaan dan manifesto kita memberi tekanan kepada BN supaya tidak mempolitikkan bahasa dan keagamaan, menerima dan menyediakan kemudahan kewangan kepada semua sekolah terpinggir dan menghormati bahasa ibunda kepada semua pelajar.

Seterusnya peruntukan tahunan disediakan untuk Agama Rakyat, SRJKT, SRJKC dan sebagainya. Tanah-tanah sekolah disediakan untuk empat (4) buah Sekolah Jenis Keb. Tamil dan juga SRJKC Yun Ching di Teluk Kumbar tidak lupa tanah-tanah diperuntukkan pembinaan sekolah agama di kawasan-kawasan tertentu. Syabas kepada Kerajaan Negeri dalam melaksanakan rumah mampu milik sebanyak 11,800 unit di Batu Kawan dan tanah sebanyak 77 ekar dikenal pasti di seluruh Pulau Pinang bagi tujuan tersebut.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Cuma nak minta Ahli dari Kawasan Komtar, tolong memberikan *detail* kepada Dewan berkenaan dengan tapak-tapak sekolah agama yang telah diluluskan, terima kasih.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Saya tidak ada *detail* terperinci, tapi baru-baru ini kita ada telah mengenal pasti satu bidang tanah di Sungai Ara untuk diperuntukkan bagi tujuan tersebut. Di bawah projek akan dibangunkan di atas tanah Koperasi Tunas Muda. Kadar pengurangan jenayah di Pulau Pinang merupakan antara tertinggi di Malaysia atas kegigihan Polis DiRaja Malaysia, Pasukan Peronda Sukarela yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri.

Y.B. Dato' Speaker, untuk menjamin hak rakyat Pulau Pinang dalam aspek perumahan, Kerajaan Negeri telah mengumumkan harga minimum bagi orang asing memiliki tanah di Pulau Pinang adalah RM2 juta bagi hartanah yang bertanah dan RM1 juta bagi hartanah yang lain. Harga minimum bagi peserta Program MM2H (My Second House Program) atau bermaustatin tetap tidak berubah iaitu kekal pada RM500,000.00.

Saya rasa pengumuman sedemikian bukanlah satu perkara untuk menyelesaikan harga hartanah yang semakin melambung tinggi di mana harga minimum baru akan membolehkan pemaju-pemaju swasta membina atau mereka terdorong untuk membina lebih banyak hartanah bertanah

dengan harga tidak kurang dengan RM2 juta. Di mana RM2 juta ini masih berada di pada tahap berkeupayaan warga negara asing di Malaysia. Untuk mengawal harga hartanah di Pulau Pinang supaya tidak melambung tinggi saya rasa cara yang lebih sesuai untuk melarang sama sekali warga asing untuk memiliki harta bertanah di Pulau Pinang. Mereka boleh menghuni di hartanah berstrata seperti apartmen atau kondominium dan bukannya *landed board property*. Seseorang pemohon perumahan kos rendah atau sederhana rendah yang berjaya juga perlu dilarang supaya keseluruhan rumahnya disewa kepada pihak ketiga jikalau mereka ingin sewakan salah satu bilik untuk pihak ketiga ini boleh dibenarkan tapi sekurang-kurangnya kita nak pastikan hanya mereka yang perlukan perumahan diperuntukkan unit kos rendah atau sederhana rendah.

Jikalau rumah yang diperuntukkan itu dapat disewakan kepada pihak yang ketiga ini menunjukkan bahawa mereka tidak perlunya satu unit premis untuk dihuni dan saya rasa ini perlu dilarang dengan adanya undang-undang yang baru atau melalui di bawah perjanjian jual beli yang disediakan oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri juga berusaha dalam menangani masalah kesesakan trafik di seluruh Negeri Pulau Pinang di mana inisiatifnya telah dicadangkan melalui Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang. Akan tetapi kos yang terlibat adalah jauh menjangkau keupayaan kewangan Kerajaan Negeri. Aspek pengangkutan awam juga sentiasa diberi penekanan oleh dalam Pelan Induk tersebut namun bidang kuasa bagi pengangkutan awam bagi bas, teksi dan monorel adalah terletak di bawah Kerajaan Persekutuan.

Y.B. Dato' Speaker sehingga hari ini walaupun Kerajaan Negeri bersetuju untuk meningkatkan kadar tambang teksi bagi perkhidmatan di Pulau Pinang. Di bahagian Pulau tapi tidak dapat diluluskan sehinggakan kebanyakan teksi tidak ingin menggunakan meter teksi dalam perjalanan mereka akhirnya terdapat penumpang-penumpang tempatan ataupun dari negeri-negeri yang asing, yang dikenakan tambang yang terlampau tinggi, ini pastinya akan menjejaskan imej dan nama baik Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan pilihan utama. Mengapakah pengangkutan awam yang seharusnya bidang kuasa Kerajaan Negeri atau PBT ini dipusatkan dalam tangan Kerajaan Persekutuan, sehingga adanya SPEKS ditubuhkan bagi menggantikan peranan-peranan yang dimainkan oleh PKP sebelum ini.

Adakah Kerajaan Persekutuan lebih peka atau prihatin terhadap keperluan atau permintaan setempat. Mengapakah kuasa tersebut tidak boleh dikembalikan kepada Kerajaan Negeri atau PBT sehingga menyusahkan kami dari segi perancangan oleh *State* terhadap pengurusan lalu lintas serta menangani kesesakan lalu lintas. Y.B. Dato' Speaker Pakatan Rakyat sering dituduh bahawa janji-janji pilihan raya tidak dapat dikotai walaupun pelbagai usaha telah kami ambil selama ini pada masa yang sama ke mana perginya

janji-janji Barisan Nasional untuk membawakan projek-projek mega seperti monorel dan PORR ke Pulau Pinang. Lebih-lebih lagi janji tersebut diumumkan oleh Y.B. Tun Abdullah Badawi yang merupakan Perdana Menteri pada masa tersebut. Warga Negeri Pulau Pinang telah menyumbang 25% daripada import dan eksport secara keseluruhan. Walaupun kami merupakan Negeri kedua terkecil di Malaysia, cukai pendapatan yang kami sumbangkan juga merupakan antara yang tertinggi di Malaysia. Namun begitu kami terpaksa dibebankan dengan kutipan tol Jambatan Pulau Pinang dan Kerajaan Persekutuan inginkan tempoh konsensinya dilanjutkan 17 tahun lagi iaitu sehingga tahun 2038. Saya ingin mengetahui pendirian Kerajaan Negeri terhadap soal tersebut serta pendekatan-pendekatan yang akan diambil untuk menghalang tempoh konsensi tersebut daripada dilanjutkan semua ini berlaku ekoran daripada perjanjian berat sebelah yang dibuat melalui Barisan Nasional yang dibuat pemerintahannya sehingga amnya kepentingan-kepentingan syarikat kroni yang terjamin. Dulunya semuanya dibuat atas sikap angkuh Barisan Nasional yang membelakangkan kepentingan rakyat sekarang pula semua ini berlaku atas sikap Barisan Nasional yang bimbang akan pemerintahan kuasa suatu hari nanti maka semua perjanjian yang tidak memanfaatkan rakyat perlu dibuat dengan segera UMNO kehilangan kuasa pemerintahan di peringkat Persekutuan.

Y.B. Dato' Speaker kami menghargai tsunami politik yang dibawa oleh pilihan raya tahun 2008 bukan kerana kita dapat mengambil alih kuasa pemerintahan di Pulau Pinang kita tidak mementingkan segala kuasa atau kedudukan membenarkan peluang ini untuk kekayaan diri sendiri yang penting bagi kami dapat menjalankan pelbagai eksperimen politik melalui platform Kerajaan Negeri atau melalui Dewan yang mulia ini. Diharap pelbagai Rang Undang-undang, usul ataupun dasar yang digubal melalui Dewan yang mulia ini termasuknya Enakmen Kebebasan Maklumat, Enakmen Lembaga Perumahan, Enakmen Warisan Negeri, Enakmen Perbadanan Bukit Bendera usul untuk membolehkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan dan membantah Akta Keselamatan dalam Negeri dan Skandal Tang Hak Ju. Eksperimen terbaru pembentangan Rang Undang-undang Pilihan Raya Tempatan untuk persidangan kali ini.

Usaha-usaha tersebut merupakan percubaan kami untuk memperkuasakan serta memperkasakan Kerajaan Negeri serta memainkan peranan yang lebih proaktif dan menangani masalah-masalah rakyat serta memenuhi kehendak-hendak rakyat di sini saya ingin menanyakan berkuat kuasanya serta pelaksanaannya serta Enakmen Kebebasan maklumat yang telah diluluskan dalam Dewan yang mulia ini. Setakat ini adakah dan berapa Pegawai Maklumat telah dilantik dan sejak bilakah orang awam boleh memohon maklumat-maklumat tertentu di bawah undang-undang tersebut.

Y.B. Dato' Speaker ini adakah kebaikan dengan adanya Sistem Dua Parti dalam Dewan Undangan Negeri persaingan yang sihat dapat diwujudkan dengan Kerajaan Negeri berupaya untuk menggubal undang-undang atau dasar baru yang dapat dipantau rakyat serta barisan pembangkang. Akan tetapi barisan pembangkang yang terdiri daripada Ahli-ahli UMNO sering dikecam oleh rakan-rakan seperjuangan mereka MCA atau GERAKAN bahawa mereka memainkan peranan yang efektif dalam Dewan yang mulia ini. Mungkin mereka berminat menjadi kerajaan daripada pembangkang yang tidak efektif. Menurut MCA atau GERAKAN Ahli-ahli Yang Berhormat UMNO bukanlah daripada sebahagian daripada pembangkang yang efektif di mana suara rakyat yang berbilang kaum tidak disampaikan oleh mereka melalui Dewan yang mulia ini. UMNO lebih cenderung dalam memainkan isu perkauman atau keagamaan dalam Dewan yang mulia ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Minta laluan. Saya cuba ingin menambah Y.B. malahan saya ingin mengatakan bahawa daripada apa yang telah berlaku bahawa mereka pun tidak sebenarnya membela nasib rakyat berbangsa Melayu juga yang mereka bela cuma adalah kroni-kroni yang ada kaitan dengan UMNO kontraktor yang ada kaitan dengan UMNO ataupun UMNO putra warga Melayu di Pulau Pinang pun tidak dibela dan saya selalu mengatakan kesimpulan ini kesimpulan nelayan-nelayan di Sungai Gelugor yang dipaksa untuk berpindah ke Jeti di Weld Quay dan ini adalah suatu yang dibuat ketika kerajaan Barisan Nasional dahulu ketika Exco itu adalah Exco yang dilantik daripada kalangan pemimpin UMNO nasib mereka tak terbela mereka dipaksa pindah dari Sungai Gelugor ke Weld Quay walaupun mereka terpaksa menggunakan kenderaan untuk datang nelayan bayangkan nelayan datang dari Sungai Gelugor masuk *highway* lebih kurang satu dua kilometer dipaksa juga ketika mereka pergi untuk merayu di Pejabat Exco ketika itu yang saya difahamkan Ketua Pembangkang beliau tidak ada di sini mereka tidak diberi sebarang layanan malahan keluhan mereka tak didengar mujurlah dengan Kerajaan Pakatan Rakyat nasib mereka tidak dibela di sini saya nak katakan mereka Pakatan Pembangkang atau Barisan Nasional ataupun UMNO di sini tak membela nasib orang melayu pun yang mereka bela hanya orang yang ada kaitan dengan UMNO saja untuk rekod. Terima kasih.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Apabila Ahli Y.B. Seri Delima bercakap diharap macam mana reaksi Ahli-ahli Pembangkang.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Kerana itu adalah hakikat, itu adalah hakikat perkara yang sebenarnya tak berani bangun untuk jawab tak ada apa yang nak jawab malahan ada yang keluar daripada Dewan ini mana, Seberang Jaya cukuplah ini *slow respon* tak guna ini *after talk* fikir semula.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Y.B. Dato' Speaker terima kasihlah sebenarnya saya dah pun menyediakan dalam ucapan saya nanti mungkin hari Isnin mungkin hari Selasa perjuangan yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional untuk orang Melayu, orang Cina, orang India dengan fakta jadi kalau kita ikut daripada Seri Delima tak habis-habis bawa berita-berita basi. Kita tunggu fakta.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya minta maaf Y.B. Dato' Speaker cuma sikit, itu bukan berita basi, Yang Berhormat itu perkara yang sebenarnya, jangan kata basi walau sejarah adalah penting, sejarah bagaimana Negara ini ditubuh itu adalah sejarah yang perlu kita menghayati kita perlu tau bapa perjuangan kemerdekaan dan sebagainya jangan kata sejarah itu adalah basi ini adalah sejarah di KADUN saya KADUN sejarah, nasib malapetaka yang menimpa segolongan warga nelayan orang Melayu di Sungai Gelugor mana pergi Yang Berhormat ketika itu, saya belum habis lagi Sungai Dua saya belum habis jangan perkecilkan nasib orang Melayu nasib golongan nelayan di kawasan saya itu bukan cerita basi Yang Berhormat tolonglah jangan main politik ketika itu mana pergi Yang Berhormat mengapa tidak memberi perhatian kepada masalah mereka bila mereka datang berjumpa dengan Yang Berhormat. adakah Yang Berhormat memberikan perhatian tidak bukan, kerana tak berani menegur Exco ketika itu.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Sejarah dengan berita adalah lain, sejarah adalah sesuatu yang termaktub kalau berita dia macam surat khabar hari ini dia tulis bahawasanya apa nama ini Ahli daripada Seri Delima mengatakan bahawa berita yang dikatakan oleh Arif Shah bahawa nelayan itu adalah berita basi satu berita saja dia sejarah dia tercatat dalam ini iaitu sesuatu yang berlaku tapi perjuangan untuk nelayan kita cerita kemudian saya ada banyak fakta ini.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Saya tadi duk cuit tak mahu bangkit tapi duk cuit-cuit itu sebab itu lain kali jangan cuit kalau tak mau bagi laluan jangan cuit.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Okey, baik, cuit sikit tak apalah. Jikalau apa yang dijawab oleh Ahli Y.B. dari Seberang Jaya betul saya rasa mereka telah melaksanakan tugas tersebut maka tidak perlunya adanya GERAKAN MCA dipilih di Dewan ini kerana sia-sia saja.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Saya mohon laluan, kita walaupun UMNO memperjuangkan untuk semua sebab itulah hari ini Ahli daripada Komtar telahpun membagikan satu rekod mengatakan tak payah MCA dan GERAKAN ini telah seiring dengan Air Putih mengatakan nak bubuh kosong pada BN pada pandangan saya kita kena bagi peluang kepada MCA, GERAKAN dan MIC selain daripada UMNO untuk mempejuangkan pada semua bangsa supaya banyak lagi masalah daripada orang-orang Cina yang dipinggirkan oleh DAP yang boleh dibawa oleh MCA, GERAKAN secara lebih holistik tetapi bukan cara berpolitik.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Saya rasa begitu hairan jikalau DAP mengadaikan kepimpinan semua kaum termasuk kaum wanita macam mana kita boleh menjadi Kerajaan tak payah kita kekal sampai hari inilah.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Penjelasan. Ini kawan kena tambah sikit, sedarkah Y.B. Komtar bahawa dalam seminar-seminar ataupun sesi-sesi debat dalam wakil-wakil daripada MCA dan GERAKAN satu hujah yang selalu mereka mengutarakan adalah mereka perlu ada wakil di dalam Dewan yang mulia ini supaya suara komuniti Cina boleh dinyatakan di dalam Dewan ini saya rasa perjuangan daripada Parti UMNO mungkin tidak dihayati oleh Parti-parti MCA dan GERAKAN di mana begitu bercanggahnya sedarkah Y.B. Komtar ini juga adalah satu masalah faktor yang dihadapi oleh Barisan Nasional.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Saya rasa ini adalah masalah dengan UMNO yang begitu berkuasa dalam Dewan ini sehingga mereka tidak dapat membangkitkan suara-suara rakyat yang terpinggir sehingga ada peranan yang bawa ada mereka rayu GERAKAN dan itu MCA merayu kepada masyarakat Cina dan India supaya bagi mereka satu peluang untuk menang sekurang-kurangnya satu kerusi dalam Dewan ini sehingga macam pengemis politik lah ini sikap mereka ini menunjukkan mereka langsung tidak ada kepercayaan terhadap UMNO.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Mereka merayu kerana mereka dapat lihat hanya perjuangan yang dibawa oleh DAP ada yang tidak kena dan ada perkara yang boleh dibawa oleh UMNO dan ada perkara yang mereka nak bawa sendiri sebab itu di dalam Barisan Nasional kita adalah sebuah parti yang berdaftar gabungan semua bangsa.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Membangkitkan suara rakyat yang terpinggir. Sehingga ada peranan bahawa mereka rai GERAKAN dan MCA merayu kepada masyarakat Cina dan India supaya bagi mereka peluang sekurang-kurangnya menang satu kerusi dalam Dewan ini. Sehingga macam pengemis politik, ini sikap mereka. Ini menunjukkan mereka langsung tidak ada kepercayaan terhadap UMNO.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Mereka merayu kerana dapat lihat banyak perjuangan di bawa oleh DAP ada yang tidak kena dan ada perkara yang boleh dibawa oleh UMNO dan ada perkara yang mereka nak bawa sendiri. Sebab itu di dalam Barisan Nasional, kita adalah sebuah parti yang berdaftar bergabung semua bangsa, bukan Pakatan Rakyat yang masing-masing duduk satu-satu tapi tak daftar pun, tapi panggil diri Pakatan Rakyat.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Y.B. Komtar, saya nak tanya, kalau UMNO begitu lantang memperkatakan tentang Cina, India mengapa mereka rakyat Melayu terus dipinggirkan di Malaysia, di mana kebanyakan rakyat Melayu di Malaysia miskin dan kedua mengapa pemimpin UMNO panggil orang Cina balik ke China dan orang India balik ke India, pelancong India balik ke India?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Ayat itu dikatakan oleh Y.B. Komtar, bukan UMNO. Ahli Komtar yang kata, orang India balik India.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Saya minta dicatat dalam Dewan ini, kami Barisan Nasional tidak pernah suruh orang Cina balik China atau orang India balik India....(gangguan).

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Siapa yang tanya?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Orang lain yang cakap.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Yang sebelas-sebelah itu siapa yang cakap.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Kami yang sebelah sini, yang sebelas-sebelah ini tidak akan cakap.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Yang sebelas-sebelah ini.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Kami sebagai Wakil Rakyat yang sah.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Yang digelar pendatang asing.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Kami di sebelah sini adalah rakyat yang sah dan kami mengatakan pendirian kami bahawa kita adalah rakyat Malaysia, semua Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban semua rakyat Malaysia.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Setiap usaha Perdana Menteri itu.....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Perlu seorang saja cakap.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Okey, baik.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Saya, Y.B. Seri Delima selalu kacau, nasib baik tidak tempas dok di belakang.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Ini bukan kacau. Kita cakap fakta.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Yang Berhormat, sikit sahaja. Adakah Yang Berhormat sedar saya tanya bahawa UMNO sanggup berpegang kuasa baru-baru ini bahawa mereka telah mula menggadai negara ini dengan mengeluarkan kad pengenalan kepada warga asing. Mereka mengatakan tak perlu sokongan orang Melayu, kalau ada warga asing yang sedia datang datang ke sini pegang I.C. Untuk undi, banyak kejadian dilaporkan di Sabah, RCI ingin ditubuhkan untuk menyiasat kejadian orang-orang daripada Filipina datang untuk mendapatkan kad pengenalan untuk mengundi, UMNO sanggup pegang kepada kuasa dan menggadaikan negara ini kepada warga asing asalkan mereka dapat berkuasa, dapat projek, dapat wang, mereka sanggup gadaikan negara ini. Orang Melayu tidak penting, mereka tak mementingkan hak orang Melayu langsung.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Saya dengar kedaulatan Malaysia....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Saya rasa *get the factor right*, sebenarnya apa yang berlaku di samping satu golongan rakyat, sama ada orang Cina yang telah tinggal lama di Malaysia, orang India yang telah tinggal lama di Malaysia, dan bangsa-bangsa Siam dan lain-lain tinggal di Malaysia, maka mereka memohon Kementerian Dalam Negeri bantulah, kami sudah duduk 30, 40 tahun, supaya menjadi rakyat Malaysia, dipertimbangkan, dan apabila dipertimbangkan, dipercepatkan maka ramailah yang jadi rakyat Malaysia. Bukan kerana hendak menang pilihan raya, hendak tambah orang itu, nak tambah orang ini dan sebagainya. Itu persepsi hadil dari pembangkang....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Yang lain duduk, Y.B. Seberang Jaya. Saya rasa Komtar tidak bagi ruang lain, kerana masa kita tidak cukup.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Saya rakam di sini, Dato' Ahmad Ismail bukannya orang lain, pemimpin UMNO di mana orang Cina dipanggil sebagai pendatang asing. Setiausaha Perdana Menteri sendiri, Setiausaha Politik macam mana dia menggelar orang Cina, orang India, semua ini adalah dalam rekod, termasuk dilaporkan dalam media.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Apabila Setiausaha Peribadi kepada Perdana Menteri juga meletak jawatan maknanya dah ada *signal* Perdana Menteri *dost not scribe to any racist statement*(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Seberang Jaya cukuplah. Jangan ganggu lagi. Saya hendak teruskan dengan Komtar.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Y.B. Dato' Speaker, apakah kebaikan dengan adanya seorang wakil MCA atau GERAKAN dipilih sebagai Ahli Pembangkang dalam Dewan yang mulia ini, adakah mereka boleh mengambil pendirian yang berlainan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat UMNO. Misalannya jikalau Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat dibentangkan, untuk diputuskan dalam Dewan ini, apakah pendirian mereka? UMNO dia tidak akan menyokong, MCA tidak akan menyokong, tetapi GERAKAN cakap dia hendak menyokong. Macam mana dia boleh mengambil suatu pendirian berbeza dengan ahli-ahli....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

UMNO mengatakan bahawa mahu nama itu sebagai Akta Kawalan Maklumat bukan Kebebasan Maklumat. Isinya itu nak tukar tajuk, Akta Kawalan Maklumat, kita sokonglah Akta Kawalan Maklumat, ini bukan Kebebasan.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Dan parti-parti komponen tidak diberi layanan yang adil dan saksama sehingga pengerusi Barisan Nasional Negeri Pulau Pinang yang baru, Encik Teng Chang Yeow.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Beliau dinafikan untuk.....(gangguan). Persiaran Mahsuri di Bayan Baru pada hari Khamis yang lepas.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Minta laluan. Terima kasih Y.B. Komtar. Saya rasa Y.B. Komtar ini dah meracaulah, dah hilang fokuslah. Kenapa Y.B. Komtar pandai Ahli Komtar berminat nak jadi ahli komponen Ahli Barisan Nasional ke, ataupun berminat dengan apa *performance* yang dipersembahkan oleh Barisan Nasional selama ini, sehingga menyebabkan nampak Ahli Komtar begitu prihatin dan membuat tafsiran yang belum disahkan, belum berlaku, semua sudah diandaikan, andaikan dah diandaikan. Jadi terima kasihlah kerana Y.B. Komtar begitu berminat dan berasa mengambil berat serta mengagumi apa yang berlaku dalam Barisna Nasional. Terima kasih.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Selagi hayat dikandung, tidak akan saya melompat ke Barisan Nasional. Walau bagaimanapun, Sistem Dua Parti masih dianggap sebagai sistem demokrasi terbaik di dunia. Sesebuah kerajaan yang tidak menjaga kepentingan rakyat akan digulingkan, untuk digantikan oleh parti yang berjaya menawan orang ramai. Penekanan yang Sistem Dua Parti oleh MCA dan GERAKAN untuk hanya Ahli-ahli Pembangkang berbangsa Cina dipilih saya rasa ini tidak akan membantu mereka untuk dipilih secara autonomi dan rakyat juga tidak akan menaruh simpati terhadap mereka kerana mereka tidak dapat terkeluar daripada bayangan UMNO sehingga mereka perlu menurut segala telunjuk UMNO dan apatah lagi mereka dapat, boleh memainkan peranan sebagai pembangkang yang efektif di luar Dewan yang mulia ini di dalam empat tahun yang lepas. Jikalau anda fikir tentang penekanan dengan Sistem Dua Parti, walaupun tanpa prestasi yang memuaskan dalam empat (4) tahun yang lepas, MCA, GERAKAN atau UMNO tidak akan membantu Barisan Nasional untuk mengawal Negeri Pulau Pinang.

Dunia sekarang sudah berubah. Rakyat juga telah berubah di mana ramai orang inginkan kerajaan serta pemimpin-pemimpin yang bersih dan perlukan anjakan paradigma dari segi dasar dan bukan penekanan demi penekanan dari segi keagamaan semata-mata. Kami berharap Sistem Dua Parti bukan sahaja wujud di Negeri Pulau Pinang, bahkan juga diwujudkan di peringkat Persekutuan. Peralihan kuasa pemerintahan dari sebuah parti ke

sebuah parti politik yang lain merupakan amalan biasa dari mana-mana negara demokrasi. Ini bukan merupakan sesuatu yang tidak boleh tercapai. Kesemua ini mungkin boleh berlaku dalam dunia pasca, era tsunami politik Mac 2008.

Y.B. Dato' Speaker, walaupun mengalami sekatan dari segi peruntukan dari Kerajaan Persekutuan, dalam bidang kawasan yang terhad. Saya yakin rakyat Negeri Pulau Pinang tetap akan bersama dengan kita dalam memberi sokongan padu kepada Kerajaan Negeri. Pulau Pinang Darul Sampah, kini telah menjadi sebuah negara yang bersih, hijau, selamat dan sihat dari pemimpin-pemimpin pemerintahan intergriti dan tidak seperti Barisan Nasional, Kerajaan Negeri di bawah Pakatan Rakyat cuba dengan sedaya upaya untuk mempertahankan hak rakyat termasuk berjaya menghalang kuasa PBT dan pengurusan sisa pepejal atau pembersihan awam dirampas dari Kerajaan Persekutuan, hutang negeri sebanyak RM600 juta telah dihapuskan apabila aset air terpaksa dialihkan kepada Kerajaan Persekutuan. Kitalah yang merupakan kerajaan yang mendahulukan serta mengutamakan rakyat dan bukan setakat slogan 1Malaysia yang indah khabar dari rupa. Eksperimen yang kami laksanakan dapat dilaksanakan sebagai satu harapan kepada Pakatan Rakyat untuk menerajui pemerintahan di negeri-negeri lain serta Kerajaan Persekutuan. Kita tidak berharap.....(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Minta sedikit penjelasan daripada Ahli Y.B. Komtar, saya cuba nak minta Ahli Komtar merujuk balik kata-kata tadi, berkenaan dengan hutang RM600 juta itu, yang Y.B. Komtar sebut tadi hutang itu dialihkan, ya?

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Dihapus kita.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Dihapus kita, dengan cara?

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Peralihan aset.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Peralihan aset, bukan bayar hutang, itu alih. Jadi saya ingat kita kena faham, jadi jangan akui kata itu keupayaan, kehebatan Kerajaan Negeri bayar hutang, dia cuma mengalihkan, mengubah beban hutang itu kepada Kerajaan Persekutuan, jadi mengubah aset itu, jadi maknanya itu bukan satu kejayaanlah. Terima kasih.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Itu satu kejayaan kerana kita bagi secara percuma. Ini adalah syarat-syarat yang dikenakan ke atas peralihan aset ini dan ini merupakan cara-cara mengurangkan hutang kita. Apa salahnya. Jikalau kerana kita rasanya kedaulatan rakyat Pulau Pinang, untuk kepentingan rakyat Pulau Pinang perlu diutamakan, dipertahankan dan kita tidak akan beri dengan percuma sahaja.

Y.B. Dato' Speaker:

Mungkin Y.B. Komtar dah hampir satu jam, sepatutnya 30 minit.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Yang terakhir, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Y.B. Dato' Speaker, rakan-rakan seperjuangan dari Pakatan Rakyat, kawan-kawan kami daripada barisan pembangkang, pegawai-pegawai serta kakitangan-kakitangan awam yang turut memberi nasihat serta tunjuk ajar kepada kami untuk mempertingkatkan kualiti dan meningkatkan melaksanakan tugas rasmi kami sebagai seorang wakil rakyat yang terpilih, sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan. Dewan akan disambung semula pada jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari.

Dewan disambung semula pada jam 2.45 petang

Y.B. Dato' Speaker:

Sidang disambung semula untuk perbahasan, Pantai Jerejak.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Y.B. Dato' Speaker, saya nak minta sekali lagi. Tadi pun saya dah minta dah, saya minta sekali lagi. Y.A.B. Ketua Menteri jangan embargo lah jawapan bertulis yang kami minta itu. Make *freedom* lah *information*. Maknanya kami dah berapa hari, hari yang ketiga pun tak dapat bagi jawapan, nak tunggu sampai hari Isnin, jadi seolah-olah diembargo. Minta tolong jasa baik Y.B. Dato' Speaker. Bagilah seberapa ada, yang berapa banyak yang ada, bagilah, tolong bagi dulu. Terima kasih Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker:

Okey, saya ambil perhatian ini dan memberi Seberang Jaya yang mana dah siap. Saya akan *check* dengan Sekretariat. Pantai Jerejak, silakan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Terima kasih Dato' Speaker kerana memberi peluang untuk membahaskan ucapan T.Y.T. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan selamat Hari Pekerja dan Hari World Press Freedom Day kepada semua wartawan. Dua, tiga malam yang lalu Perdana Menteri telah mengumumkan gaji minimum RM900.00 untuk Semenanjung Malaysia dan RM800.00 untuk Sabah & Sarawak. Pada saya ini adalah satu-satu negara di seluruh dunia yang menetapkan gaji minimum di bawah paras kemiskinan. Mengapa saya cakap begitu, kerana mengikut laporan UNDP, paras kemiskinan pada sekarang adalah RM1,000.00. Gaji minimum yang lebih rendah daripada paras kemiskinan adalah satu penghinaan kepada para pekerja di Malaysia.

Jadi tuan-tuan dan puan-puan, Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dato' Speaker RM900.00 untuk Pulau Pinang yang pekerjaanya yang produktif tinggi, rajin dan adalah satu ketidakadilan. Saya menyuruh supaya Timbalan Ketua Menteri II, Y.B. Perai supaya menulis surat kepada Menteri Tenaga Kerja untuk meningkatkan gaji minimum di Negeri Pulau Pinang pada paras RM1,100.00. Mengikut Rancangan Malaysia Ke-10, lebih kurang 3.7% rakyat Malaysia di bandar adalah berada di bawah paras kemiskinan. Akan tetapi kemiskinan yang *urban poor* mengikut pakar-pakar ekonomi adalah lebih kurang RM3,000.00 seisi keluarga. Di kawasan bandar di Malaysia pada buat masa sekarang, lebih kurang 43% adalah pada paras tersebut. Ini bermakna terdapat ramai lagi isi keluarga di Malaysia di kawasan bandar termasuklah Pulau Pinang masih di kategori sebagai *urban poor*. Jadi cabaran Kerajaan Negeri adalah untuk mendapat menambahkan pendapatan kepada golongan tersebut supaya mereka memasuki golongan pertengahan.

Pada pendapat saya, dan cadangan saya kepada Kerajaan Negeri adalah wawasan Kerajaan Negeri haruslah bertumpu untuk membentuk satu negeri berpendapatan sederhana. *A State Of Middle Class And A State Of Middle Class Living*(dengan izin). Bagaimana kita boleh mencapai negeri berpendapatan pertengahan? Mengikut pakar ekonomi beberapa strategi yang penting adalah seperti pendidikan bermutu (*Good Education*), Pelaburan dalam infrastruktur asas (*Investment Into Infrastructure*), perumahan untuk golongan pertengahan dan mewujudkan usaha ruang baru tempatan. Saya faham Kerajaan Negeri mempunyai kuasa yang terhad dalam pelbagai bidang, maka cadangan-cadangan berikutnya adalah berpandukan kepada bidang kuasa inisiatif Kerajaan Negeri sahaja.

Nombor satu (1), *Good Education*, pendidikan yang baik. Buat masa sekarang, Kerajaan Negeri memberi peruntukan tahunan kepada SJK, SJKT, Sekolah Mubaligh dan Sekolah Agama Rakyat. Peruntukan-peruntukan tersebut kebanyakan buat masa sekarang adalah untuk memperbaiki kemudahan asas seperti bumbung bocor, tandas rosak, cat bangunan. Saya dapati bahawa selepas empat (4), lima (5) tahun kita pegang dan memberi peruntukan, kebanyakan sekolah sekarang telah menyelesaikan *basic*, dia punya kebocoran bumbung sudah *settle*, tandas sudah perbaiki. Maka tibalah masanya untuk dasar peruntukan ini ditingkatkan. Bagaimana? Sebab okey, sebab *the future of Penang is better and smarter school*. So maka fokus Kerajaan Negeri sekarang boleh beralih kepada menaikkan taraf infrastruktur sekolah demi cabaran abad Ke-21. Bagaimana?

Di sini saya ingin mencadangkan peruntukan tahun-tahun seterusnya disalurkan kepada pembinaan perpustakaan, penyediaan makmal Sains dan Matematik dan penyediaan *high speed broadband HSBB* percuma di semua kawasan solar. Nombor satu (1), perpustakaan sekolah harusnya mempunyai buku-buku yang lengkap. Mempunyai *journal* Sains dan Matematik yang berkala yang baru. Buku-buku bermutu tinggi, jika mereka, sekolah-sekolah tidak mempunyai perpustakaan, maka peruntukan harus disalurkan untuk membinanya. Jika mereka telah mempunyai perpustakaan, maka peruntukan haruslah disalurkan untuk membeli buku, *journals and periodicals* terutamanya Sains dan Matematik.

Peruntukan juga boleh disalurkan kepada makmal Sains dan Matematik untuk membeli bahan-bahan pengajaran yang terbaru yang boleh menimbulkan minat pelajar dalam bidang Sains dan Matematik. Hakikatnya *survival* Pulau Pinang adalah dalam industri Sains dan Matematik. Jadi kita harus menanam minat pelajar dalam bidang-bidang ini seawal-awal mungkin. Peruntukan juga harus digunakan untuk membina makmal komputer yang dilengkapi dengan *high speed broadband*. Pelajar harus mempunyai kemudahan untuk menggunakan *internet* percuma supaya mereka boleh menghadapi cabaran dunia global yang rata. *The world is flat*. Kita harus

mengurangkan jurang-jurang digital antara pelajar yang kaya dan miskin. Kita harus menyediakan kemudahan internet sebanyak yang mungkin. Sesiapa yang perlukan internet terutamanya pelajar-pelajar boleh akses internet di mana-mana sahaja, umpamanya di sekolah-sekolah mereka. Dengan menumpukan peruntukan kepada *better schools* dan *smarter schools*, kita dapat menghasilkan graduan yang kompetitif, yang boleh mendapat pekerjaan yang golongan pertengahan, *middle class jobs*.

Pelaburan dalam infrastruktur :

Dari segi infrastruktur saya menyeru supaya Kerajaan Negeri mencari jalan untuk menyediakan *public transportation* seperti tram yang dicadangkan oleh *public*.

Transportation Master Plan :

Penyediaan *public transportation* yang murah dan berkesan adalah penting untuk mewujudkan golongan pertengahan. Golongan ini, mereka tidak perlu lagi membelanja wang besar untuk membeli kereta atau mengurangkan penggunaan kereta yang memakan perbelanjaan yang besar, maka mereka mempunyai lebih *disposable income*. Walau bagaimanapun saya juga faham bahawa kita tidak boleh elak daripada pembinaan lebuh raya seperti dalam *Transportation Master Plan*. Maka, Kerajaan Negeri harus memilih *priority* yang betul.

Y.B. Dato' Speaker, golongan perumahan pertengahan juga penting. Kerajaan harus mengkaji semula proses kelulusan pelan, proses permohonan merancang yang *laissez faire* yang selama ini yang ditetapkan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Keutamaan kelulusan perancangan, haruslah diberi kepada projek rumah golongan pertengahan yang mampu dimiliki oleh golongan pertengahan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Penjelasan Y.B. Pantai Jerejak. Ekonomi yang *Leisure Faire* ini, dia sebelum 1970's selepas itu, dia *growth with equity*. *No longer leisure fair* lagi dah. Ubah dah. Selepas 1970, *growth with equity*.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

I think ini adalah, *what you call, planning* oleh Barisan Nasional, *it is still leisure faire*. *Growth with equity* tak ada dalam *economics*, tak ada perkataan macam itu.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Baca balik Rancangan Malaysia Ke-5, 6, 7, 8, 9 baca balik.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

That is Barisan Nasional term, tetapi economic term is leisure faire. Saya dari segi, jadi kita, *sorry*. Saya difahamkan semua permohonan merancang harus diluluskan dalam Majlis, dalam MPPP kah, MPSP, dalam tempoh masa 3 bulan berdasarkan prinsip, apa ini, *competitiveness*. Saya nak tanya di sini mengapa kita tergesa-gesa untuk meluluskan rumah berjuta-juta ringgit yang majoritinya rakyat Pulau Pinang tidak mampu beli. Golongan kaya sudah ada rumah dan rumah berjuta-juta ringgit sedemikian boleh tunggu. Tugas Kerajaan Pakatan Rakyat adalah menjaga golongan pertengahan dan rendah bukannya tauke-tauke besar. Buat masa sekarang rumah mewah sudah mencukupi dan kerajaan tidak perlu menambahkan kepada pasaran spekulasi (*speculation market*). Tidak wajar kita berkejar-kejar meluluskan permohonan perancangan rumah mewah. Saya menyambut baik cadangan Kerajaan Negeri mensyaratkan orang asing membeli rumah lebih dari RM1juta. Ini adalah satu dasar yang baik untuk menjaga kepentingan rakyat jelata Pulau Pinang.

Saya juga ingin menarik perhatian Kerajaan Negeri kepada pemilik-pemilik Pulau Pinang yang mempunyai rumah lebih daripada 2 biji rumah. Kerajaan Negeri seharusnya mengenakan syarat yang sama kepada mereka. Ini adalah untuk mengelakkan *housing bubble* yang berlaku di Amerika Syarikat, di mana orang yang kaya membeli lebih daripada 2 biji rumah *for speculation market* atau *so call investment*. Dasar-dasar melindungi rakyat pertengahan Pulau Pinang adalah *priority* kita supaya kita boleh *retain talents* di Negeri Pulau Pinang. Kita tidak mahu mereka berhijrah ke tempat-tempat lain kerana semata-mata mereka tidak mampu memilik rumah di Pulau Pinang. Untuk pemaju ada juga hikmahnya, kebbaikannya. Kita haruslah mengelak segala gejala *bubble* yang akan menghancurkan industri pembinaan. Yang lebih penting adalah pertumbuhan yang mampan, *sustainable growth in construction industry*.

Satu lagi isu berkenaan dengan rumah kos rendah setakat ini pemaju diwajibkan membina 30% rumah kos rendah. Akan tetapi kebanyakan kualiti-kualiti rumah-rumah tersebut agak rendah. Ini disebabkan pemaju ingin menjimatkan kos dan membina rumah di kawasan yang tidak strategik. Kalau projek perumahan ala HDB, berjaya di Batu Kawan, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan tinjau kemungkinan kita mengambil alih pembinaan rumah kos rendah dan mampu milik daripada pemaju.

Contohnya, pemaju serahkan tanah dan wang sumbangan kepada Kerajaan Negeri dan biarlah Lembaga Perumahan membina perumahan mampu milik yang berkualiti tinggi atau Lembaga Perumahan menetapkan reka bentuk kriteria kepada pemaju dan memastikan mereka membina mengikut speks tersebut. Kita harus memastikan projek mampu milik berkualiti dibina pada masa depan dan strategi yang keempat adalah mewujudkan usaha golongan pertengahan.

Sejak dahulu fokus pertumbuhan negeri adalah daripada FDI (*Foreign Direct Investment*). Betul ia berjaya membawa pertumbuhan pekerjaan kepada Pulau Pinang. Akan tetapi pada zaman ini, iaitu zaman globalisasi 2.0, *globalisation* 2.0, memerlukan pemikiran baru dalam dasar industri Negeri Pulau Pinang. Dulu tumpuan kita adalah untuk menarik pelaburan kilang-kilang yang membawa 10,000 peluang pekerjaan. Maka pada tahun 80-an, 70-an kita merupakan *production centre* untuk kilang-kilang seperti Intel dan Robert Bosch.

Tetapi buat masa sekarang kita tahu bahawa kilang-kilang berteknologi tinggi walaupun melabur beratusan juta ringgit tetapi hanya membawa mungkin ratusan peluang pekerjaan sahaja. Ini adalah satu perubahan yang ketara dengan teknologi tinggi dan R&D kilang-kilang berupaya beroperasi dengan tenaga kerja yang jauh lebih kurang. Dan kalau pekerja pun, mungkin pekerja kilang dia oleh kerana kalau mereka minta 100 orang pekerja mungkin 70 orang pekerja adalah pekerja asing. Jadi ini adalah gejala perubahan yang besar kepada sektor perkilangan di Malaysia dan juga di seluruh dunia. Di Amerika Syarikat dulu ada satu pepatah mengatakan “*As goes General Motors so goes America*”, tetapi buat masa sekarang ini tidak lagi benar.

Masa sekarang kilang-kilang yang memberi 10,000 pekerjaan kepada satu tempat semakin berkurangan globalisasi 2.0 kita perlu *start up-start up* yang mempunyai pelbagai saiz. Di Amerika sekarang pepatah yang baru adalah “*a hundred people starting companies that employs 25 people each, 20 people starting companies that employ 50 people each and five people starting companies that employs 300 people each*”. Ini apa yang diperlukan untuk Amerika sekarang begitu juga untuk Pulau Pinang pada masa hadapan. Kita perlu lebih ramai usahawan yang mampu mencipta industri baru, syarikat baru dan idea-idea baru. Mengapa kita harus menumpukan dasar syarikat-syarikat kecil, syarikat-syarikat *start-up* yang kecil seperti yang saya bincangkan tadi.

Biar saya bagi contoh, pada tahun 2006 hanya segelintir kecil kita mempunyai *smart phone*. Sekarang lebih daripada separuh rakyat Malaysia mempunyai *smart phone* mungkin semua orang di dalam Dewan ini mempunyai satu *smart phone* sekarang. *Application* untuk *smart phone* tidak

wujud sebelum tahun 2006. Application untuk *smart phone* sekarang seperti *Angry Bird*, *smart act* semuanya pada tahun ini mencecah RM114 bilion. Kebanyakan orang yang mencipta *application* ini adalah syarikat kecil atau individu maka fokus perindustrian Negeri Pulau Pinang harus beralih kepada memupuk syarikat-syarikat *start-up* atau perniagaan kecil seperti ini.

Saya tahu bahawa wujudnya satu syarikat tempatan Pulau Pinang yang memberi *testing services* untuk meluluskan *product Apple* di Amerika Syarikat. Syarikatnya hanya mempunyai 20 orang *engineer* atau pekerja. Saya juga tahu satu syarikat tempatan yang membuat *cop stamping* yang berteknologi tinggi, *company* hanya ada 10 orang pekerja sahaja. Saya juga tahu syarikat tempatan yang menjual emas dengan teknologi tinggi syarikatnya berkembang daripada 20 orang sehingga ke ratusan pekerja sekarang. Maka fokus Kerajaan Negeri dan agensi Kerajaan Negeri terutamanya investPenang dan PDC juga harus berubah fokus membantu syarikat-syarikat *start-ups globalisation 2.0* tempatan. Kalau kita boleh membolehkan menjual ratusan ekar tanah kepada syarikat *international* harus kita *reserve* 20 ekar tanah kepada syarikat-syarikat *start-up* tempatan. Kita harus memberi tumpuan kepada syarikat tempatan yang berpotensi globalisasi 2.0. Ini adalah syarikat-syarikat futuristik yang boleh membawa Pulau Pinang ke tahap yang lebih tinggi.

Y.B. Dato' Speaker, beberapa isu tempatan. Saya menyambut baik beberapa insentif kerajaan seperti *mud ball*. Saya ingin tahu adakah *mud ball* tersebut berkesan untuk membersihkan sungai-sungai di Negeri Pulau Pinang. Apakah laporan-laporan teknikal tentang *mud ball* kalau berkesan mengapa kita kurang melaksanakan inisiatif sekarang. Adakah bolehkah buat satu *course benefit analysis* adakah inisiatif program ini berbaloi. Begitu juga dengan penanam pokok. Adakah penanaman pokok mencapai sasaran Kerajaan Negeri yang ingin adakan *Cleaner Greener Penang*. Saya telah terima aduan bahawa terminal bas Sungai Nibong telah tutup jalan masuk kereta dan menyusahkan penumpang-penumpang semasa hari hujan. Di mana kereta-kereta keluarganya ingin masuk untuk *pick up* mereka. Jadi saya harap MPPP boleh mencari jalan penyelesaian terhadap masalah tersebut.

Baru-baru ini ada beberapa kes *human trafficking* yang menimbulkan perhatian masyarakat. Saya dan Ahli Pulau Tikus membantu membebaskan 122 orang Vietnamese, Bangla dan Myanmar dan Burmese. Saya membantu empat (4) orang warganegara China. Ini kes serius sebab *human trafficking* telah merosakkan martabat negara di antarabangsa. Kes yang saya bantu empat (4) pekerja warga China itu terpaksa bekerja 364 hari setahun. Setiap minggu mereka hanya diberi dua (2) jam untuk membeli barangan keperluan makanan dan minuman sahaja. Gaji mereka ditahan berbulan-bulan sehingga salah seorang daripada mereka ingin membunuh diri.

Pada masa itu saya terima laporan saya turun untuk membantu mereka. Polis harus menyiasat secara serius tentang kes-kes *human trafficking* ini di Pulau Pinang sebab banyak yang berlaku di Pulau Pinang. Saya pun hairan. Setakat ini kita masih belum nampak ada sesiapa didakwa ke mahkamah. *We want justice to be done and scene to be done* kerana *the world is watching us ...*(dengan izin). Apabila saya masuk campur sebagai wakil rakyat saya pula nyaris-nyaris diperangkap oleh sindiket. Minggu lepas saya terima telefon daripada mangsa bahawa suspek, iaitu bos mereka berjaya berjumpa dengan mereka dan meminta mereka menukar *statement* dan menuduh saya memperlakukan mereka. Mereka juga memaklumkan kepada saya mungkin sesetengah pihak Polis adalah kawan baik bos mereka kerana mereka mendapat *massage* percuma di premis tersebut.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Penjelasan Yang Berhormat. Ini menarik perhatian saya. Adakah Yang Berhormat maksudkan bahawa ada anggota-anggota Polis mendapat perkhidmatan daripada pusat urut ini. Ini adalah perkara serius. Saya minta penjelasan sebelum saya menambah. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Saya terima telefon dan saya nasib baik ada rekod *telephone communication* tersebut dan mengikut mangsa tersebut benar, mereka Polis dapat *massage* percuma daripada premis bos mereka.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Jadi maksudnya mungkin itu merupakan puncanya berlaku perkara ini berleluasa. Adakah Yang Berhormat berpendapat bahawa ada pihak-pihak memberi perlindungan secara tidak langsung kepada operasi pusat-pusat urut ini iaitu khususnya Polis?

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Terima kasih atas soalan tersebut. Saya tidak tahu sebab ini adalah Polis. Polis harus menyiasat. Jadi kita serah kepada pihak berkuasa Polis untuk mencari satu kebenaran, memberi keadilan kepada bukan saja mangsa tetapi saya juga, sebab saya menjalankan tugas saya secara ikhlas, saya serius sebab saya jalankan tugas sebagai wakil rakyat ikhlas. Memberi pembelaan kepada orang yang *marginalized group* yang kurang bernasib baik tapi ada pihak sesetengah saya bukan tuduh Polis semua ada kebanyakan Polis baik tapi segelintir orang yang berkuasa di atas telah merosakkan nama institusi baik Polis di Malaysia. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Tuan Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Ahli Pantai Jerejak, jika telah mempunyai bukti dan sebagainya dan tengok anggota Polis berkenaan dapat *service massage*, pertama *you* buat laporan Polis. Kedua terus pergi ke SPRM sebab ia merupakan satu bentuk rasuah juga dan dengan hal demikian secara tidak langsung juga dapat memberikan pembelaan kepada anggota-anggota Polis yang lain yang buat kerja secara ikhlas. Saya pun tidak suka kalau ada perkara-perkara yang tidak elok dilakukan oleh mana-mana anggota kerajaan, tidak kira di mana-mana mereka ada. Di samping itu kita harus berterima kasih kerana anggota kerajaan banyak membantu kita juga. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Terima kasih atas cadangan Ahli Seberang Jaya. Betul terima kasih kepada cadangan tersebut. Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat di sini tidak kira Pembangkang atau Kerajaan, sebab ini isu kita wakil rakyat menjalankan tugas secara baik, tetapi kita tidak mahu sesiapa yang berkuasa untuk komplot dengan orang-orang tertentu dan menindas kita pula sebab kita menjalankan tugas secara ikhlas. Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat di sini kita kena ada setia kawan dan *solidarity* dalam isu ini menuntut satu kebenaran penjelasan yang betul, jelas daripada Pihak Yang Berkuasa.

Y.B. Dato' Speaker, kita tahu bahawa pilihan raya umum yang akan datang adalah pilihan raya yang paling sengit sekali dan ada banyak pihak kata pilihan raya ini juga adalah yang paling kotor sekali dalam sejarah Malaysia, sebab apa ada beratus ribu pengundi baru dengan identiti mereka yang disyaki, yang tidak dapat dikenal pasti, disumbat ke dalam daftar pengundi. Kedua, Pengerusi dan Timbalan SPR adalah Ahli UMNO. Kewibawaan di mana letaknya kewibawaan dan *independence* oleh SPR sekarang diragui oleh rakyat Malaysia. Minggu lepas...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Penjelasan sedikit saja. Terima kasih. Saya cuma hendak pastikan kenyataan daripada Pantai Jerejak berkenaan dengan yang saya baca surat khabar katanya Timbalan SPR dia menafikan dan dia bukan Ahli UMNO. Jadi eloknya wakil daripada Pantai Jerejak buat *research* sikit lagi. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Under record pada hari pertama isu ini dibongkarkan dia mengaku, Tun Mahathir pun mengaku, ini bukan kita bagi. Itu Speaker Dewan Rakyat yang bagi tahu bahawa Pengerusi dan Timbalan Pengerusi SPR adalah Ahli UMNO

bukan kita tahu siapa Speaker Dewan Rakyat. Speaker Dewan Rakyat Datuk Pandikar Amin. Jadi, sekarang minggu yang lepas 250,000 rakyat Malaysia berhimpun di Kuala Lumpur untuk menolak SPR dan meminta reformasi SPR.

Saya ingin mencadang kepada Kerajaan Negeri supaya tangguhkan Pilihan Raya Negeri Pulau Pinang, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang sehingga SPR selesai membersihkan daftar pengundi dan melaksanakan lapan tuntutan BERSIH sepertimana yang dituntut oleh 250,000 rakyat Malaysia dan 7,000 rakyat Pulau Pinang yang berkumpul dalam perhimpunan BERSIH di Padang Kota. Kerajaan harus *solidarity* dengan rakyat Malaysia dan NGO BERSIH. Tangguhkan pilihan raya negeri dan memberi tekanan kepada SPR dan Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan reformasi. Hakikatnya kita mahukan pilihan raya yang bersih dan adil sebab Ahli-ahli Yang Berhormat di sini harus menang dengan kredibiliti dengan sokongan rakyat bukan atas sokongan Bangla dan juga penipuan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Minta penjelasan Yang Berhormat. Apakah pendapat Yang Berhormat tentang tindakan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri yang sejak kebelakangan ini bukan saja di Pulau Pinang, tetapi banyak tempat dan membuat janji-janji, selain daripada memberi bantuan kepada Sekolah Cina, Sekolah Tamil, BRM1 Malaysia banyak lagi wang dibelanjakan sejak kebelakangan ini. Bukankah itu juga salah satu faktor yang menyumbang kepada pilihan raya yang dikatakan paling kotor. Apa pendapat Yang Berhormat? Terima kasih.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Terima kasih Seri Delima. Ini adalah politik *desperado*, mereka takut mereka akan kalah dalam pilihan raya, maka mereka terpaksa membelanjakan, memberi jaminan janji-janji manis, gula-gula pilihan raya untuk kekalkan kuasa, tetapi rakyat di Malaysia sekarang sudah buka mata dengan internet, sosial media mereka tahu apa yang sebenar yang berlaku dan tidak akan tertipu lagi. Jadi apa yang mereka boleh buat sekarang kerana mereka tahu akan kalah, maka terpaksa pula mereka menang dengan penipuan. Jadi wujudlah apa ini seorang pengemis yang kad pengenalnya mempunyai tarikh perlucutan selepas PR berlakulah pula ratusan ribu, apa ni orang Indonesia yang masuk di Sabah sebagai pengundi, dimasukkan projek kad pengenalan, berlakunya ada banyak sekarang yang dapat kad pengenalan-kad pengenalan untuk masuk pilihan raya akan datang. Jadi ini adalah penipuan kerana ingin mengekalkan satu rejim yang *corrupt* ini adalah politik....(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahya):

Minta penjelasan, terima kasih Y.B. Pantai Jerejak. Saya tertarik dengan apa yang Y.B. Pantai Jerejak katakan tadi apa yang diberikan oleh Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan Persekutuan sama BR1M atau apa-apalah, banyaklah, saya pun tak larat nak ingatlah. Adakah itu satu penipuan? Adakah itu satu rasuah? Kalau Kerajaan Barisan Nasional tak bagi, Pembangkang juga Pembangkang Persekutuan di Parlimen sana, tuan-tuan tahulah, akan kata Kerajaan tak buat apa-apa. Kerajaan tak bagi itu, kerajaan tak bagi ini.

Dari segi aktiviti, kita nak buat itu, nak buat ini dia adalah merupakan benda yang sifatnya fleksibel.....(dengan izin), dan bergantung kepada kreativiti, semalam saya dengar pihak wakil daripada apa nama Ahli-ahli Y.B. Pakatan Rakyat kata Kerajaan Barisan Nasional meniru, meniru. Adakah yang Ahli-ahli Yang Berhormat pun mengaku benda itu tak di *pattern* pun. Apa-apa program yang dibuat oleh Kerajaan Negeri bukan *pattern* dan dalam urusan mentadbir dan menguruskan rakyat, kita mempunyai peluang dan ruang kreativiti yang *unlimited*....(dengan izin), keadaan sekeliling kita yang boleh kita gunakan untuk kita memberikan apa-apa yang terbaik kepada rakyat. Itu sudah pasti dan sudahpun terbukti bahawa rakyat menerima, kalau contoh kita ambil BR1M, rakyat majoriti menerima dan bukan hanya rakyat dari Kerajaan Barisan Nasional saja.

Dalam kawasan saya sendiri yang awal-awal datang berbaris nak ambil bantuan BR1M adalah daripada pihak PAS, PKR dan saya perlu buktikan, saya boleh buktikan, saya boleh bawa senarai orang yang terima dan nama ahli parti politik dia, kerana setiap penerima ada IC dan rakyat kita kena. Dalam kawasan saya saya boleh kenal orang ini orang PAS orang ini PKR takpa itu fahaman politik dia pun tak marah pada dia kerana Perdana Menteri katakan bahawa bantuan-bantuan ini adalah untuk semua tidak mengira kaum, agama tanpa mengira fahaman politik sebab itu kita tak pernah beri syarat bahawa penerima-penerima BR1M mestilah orang-orang UMNO, MCA, GERAKAN atau mana-mana Parti Komponen sahaja. Ia adalah terbuka, tolong buktikan dalam mana-mana borang kita yang menetapkan bahawa mesti mereka ini ataupun penerima-penerima BR1M ini adalah Ahli-ahli Parti Barisan Nasional. Itu yang pertama.

Kedua tolong buktikan ada atau tidak kita mensyaratkan bahawa penerima-penerima BR1M ini atau pemohon-pemohon mestilah berdaftar sebagai pengundi, jadi kalau ada tolong buktikan, sebab kita telah pun dalam program untuk membantu rakyat kita *open* dan kita membuat tawaran berkali-kali sehinggakan yang mana yang tak dapat kali pertama, dia boleh merayu lagi dan dia boleh tentukan sampai dia dapat sekiranya semua syarat-syarat dia penuhi. Jadi dalam hal ini kita boleh melihat bahawa apa yang

dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan tidak ada unsur rasuah politik kerana yang pertama Ahli Y.B. Pantai Jerejak mengatakan bahawa tujuan pemberian-pemberian ini adalah untuk kita meraih undi, kerana pilihan raya akan datang itu. Saya simpulkan saya bukan menyebut bukan saya kata, saudara Ahli Y.B. Pantai Jerejak mengatakan tetapi apa yang boleh kita simpulkan, seolah-olah yang Ahli Y.B. Pantai Jerejak apa yang diberikan oleh Kerajaan Barisan nasional adalah bertujuan untuk mendapat kepentingan dari segi politik tetapi kita tak tahu pilihan raya kita pun tak tahu, ini adalah kerja-kerja dari semasa ke semasa yang dibuat ...(gangguan), oleh Kerajaan Negeri, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Cukup Permatang Berangan, nanti ruang perbahasan gunakan. Panjang sangat.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tanasekharan a/l Autherapady):

Bantuan yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional selama 50 tahun ini mereka tak buat, bila mereka tengok Kerajaan Pakatan Rakyat sudah buat bantuan kepada rakyat, baru mereka buat.....(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tanasekharan a/l Autherapady):

Duduk, duduk. Kalau ini bukan tiru apa lagi ha, ini Kerajaan Barisan Nasional la *you* pandai tipu sama orang saja....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Sekali air bah sekali pantai berubah sekarang Perdana Menteri baru dia ada idea yang baik tarak tiru siapa-siapa lah....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Cukup, cukup.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Saya nak jelaskan sikit saja, saya minta laluan sikit.

Y.B. Dato' Speaker:

Cukup, cukup.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Saya nak jelaskan sikit yang Ahli Y.B. Bagan Dalam....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Cukup, Y.B. Pulau Jerejak teruskan.

Ahli Kawasan Pulau Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

You nak Ahli Y.B. Permatang Berangan kalau *you* nak, tanya masa dia punya *floor*, sekarang *floor* saya, okey sekarang isu bukan kita kata tak boleh, buat buatlah, ini duit rakyat kita semua dapat, *no issue* di Dewan Rakyat, Kerajaan Pakatan Rakyat sokong BR1M *no problem*, kita pertikaikan adalah masa bagi duit itu, siapa yang baik Ketua Bahagian UMNO, dia siapa dia bukan ahli yang diundi, yang menang pilihan raya, ahli apa ni Ketua Bahagian MCA dan dari sana secara *open* bagi duit, tolonglah sokong Kerajaan Barisan Nasional ..(gangguan),

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Boleh bagi penjelasan, saya hendak jawab sikit saja, yang bagi itu penyelarar DUN atau Penyelarar Parlimen.

Ahli Kawasan Pulau Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Duduk, duduk, cukup, cukup, so ini adalah isu yang kita pertikaikan seperti apa yang berlaku seperti oleh Y.A.B. Perdana Menteri sendiri *you help me, I help you have a deal, you help me, I help you*, ini rasuah secara *open*, masa ceramah ini yang kita pertikaikan *you help me, I help you, have a deal*. Ini yang kita pertikaikan, jadi ini isu rakyat, kita bagi kita ikhlas PAKATAN Rakyat bagi RM100.00 setiap tahun, kita bagi.....(gangguan), duduk, duduk nanti *you* nak cakap *have a time*. Jadi Y.B. Dato' Speaker, jadi pilihan raya ini kita mahukan adil. Kita mahu semua wakil rakyat menang dengan keupayaan diri sendiri dengan memenangi hati rakyat, bukan kita mahu bangga yang menyokong segelintir bangga, yang menaikkan Ahli Dewan Undangan Negeri ke atau ahli malu betul jadi Y.B. Dato' Speaker, haruslah Kerajaan Negeri tinggalkan pilihan raya, supaya kita memberi tekanan yang besar kepada SPR supaya mereka bersihkan, sehingga bersih baru kita laksanakan pilihan raya, sekian terima kasih, saya meminta menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*, Salam sejahtera dan salam 1Malaysia terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk saya berucap dalam Dewan Undangan Negeri Kedua Belas pada petang yang berbahagiakan ini. Y.B. Dato' Speaker, setelah lebih kurang empat (4) tahun dua (2) bulan bermula dari bulan Mac 2008 dan sekarang hingga Mei 2012. Kerajaan Pakatan dan DAP semakin hari semakin ketara pemerintahan mereka. Oleh itu saya ingin meyokong sepenuhnya ayat demi ayat dalam ucapan Y.B. Penaga selaku Ketua Pembangkang yang berucap pagi. Kerajaan Negeri kata mereka hebat, mereka kata mereka juara, mereka cakap kerana merekalah Pulau Pinang selamat, kerana merekalah Pulau Pinang kemiskinan dapat disifarkan, kerana merekalah Pulau Pinang hijau dan bersih, kerana usaha merekalah pelaburan yang banyak, mereka itulah, mereka inilah. Kita akan lihat apa penilaian masyarakat dalam Pilihan Raya Umum yang akan datang. Apa yang saya hendak simpulkan adalah, dengan melihat kejayaan ekonomi sesebuah negara selalunya diukur dengan GGP ataupun Keluaran Negara Kasar, kita lihat GGP perbandingan antara negeri-negeri. 2008 Selangor 8.4, 2009 Selangor -1.0, 2010 Selangor 10.8, Pahang di tangga ke-8, 2008 5.3, 2009 -1.2, 2010 4.5. Perlis sebuah negeri kecil di sebelah Utara 2008 2.7, 2009 -2.9, 2010 5.4 *average 1.74* dan Pulau Pinang pula berada di kedudukan yang ke-10 dengan purata pertumbuhan ekonomi sebanyak 1.71 sahaja jauh di bawah daripada Perlis. Itulah kedudukan Pulau Pinang dari segi pembangunan negeri dan ekonomi.

Y.B. Dato' Speaker, saya juga ingin menarik perhatian Yang Berhormat semua, kepada nota yang dilekatkan di papan oleh pihak media, suara-suara wartawan perlu dibaca dan dilaksanakan, media telah bersuara dan kita minta semua Ahli-ahli Yang Berhormat membaca luahan hati mereka ini. Salah satu nota yang disebutkan di situ ialah *please treat all media equally, don't ditch use but our leadership and give special reference to compliant media, thank you*.

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin merujuk kepada ucapan Yang Berhormat Komtar, tentang laporan Polis, yang beliau kata, beliau akan buat, saya sebut di sini, pada 1hb. Jam 7.39 pagi, saya terima satu sms daripada 019-5293109 pada hari Selasa, kata sms itu "saudara Y.B. Ng Wei Aik ADUN Komtar telah dipukul oleh Polis, anjing kerajaan, masa perhimpunan BERSIH 3.0 di K.L. Yang Berhormat akan buat rapat Polis, di Balai Polis Jalan Patani hari ini, marilah sama-sama mengiringi dan memberi sokongan kepada saudara kita

Y.B. Ng Wei Aik atau hubungi beliau di nombor 019- 2106040, refomasi BERSIH-BERSIH. Tadi Yang Berhormat belum buat laporan, akan buat, maka saya mencadangkan kepada Yang Berhormat teruslah membuat laporan Polis. Itu jangan dijadikan isu politik lagi.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Ini saya tidak perasan, dan sms itu dikeluarkan tanpa pengetahuan saya, pada hari itu saya tidak ada masa cuba repot Polis, saya tidak tahu siapa yang hantar, tapi saya sudah jelaskan kepada mereka yang terima ini.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Nombor telefon saya ada kalau Yang Berhormat hendak ambil. Y.B. Dato' Speaker apakah benar Cleaner, Greener Penang, benar-benar dilaksanakan untuk memenuhi tujuan slogan atau retorik murahan, mancing undi dengan menunjuk-nunjuk perkara yang baik. Bagi saya slogan Cleaner, Greener Penang adalah satu slogan yang bermotifkan politik, tidak ikhlas untuk menyedarkan rakyat tetapi semata-mata menggunakannya untuk tujuan dan kepentingan politik. Saya ambil contoh yang boleh difahami oleh Yang Berhormat Speaker sendiri yang boleh menjadi saksi. Pada 4hb. Mac 2012 yang baru lalu, pihak Kerajaan Negeri melalui Penyelaras DUNnya telah mengadakan satu program Cleaner, Greener Penang di Kampung Trang Balik Pulau. Forum dianjurkan oleh Penyelaras DUN Pulau Betong Pakatan Rakyat dan tetamu istimewa ialah Y.B. Dato' Speaker sendiri, dan juga Timbalan Ketua Menteri kalau tidak silap saya.

Orang kampung masih ingat tarikh itu kerana ada insiden mencuri nasi hujan panas, dalam akhbar ada. Jadi pada saya ia jauh dari itu bukan sekadar nasi hujan panas yang dicuri tetapi cakap tidak serupa bikin, tema program ialah Cleaner, Greener Penang tetapi adakah program itu diisi untuk mengajar masyarakat erti sebenar kehijauan dan kebersihan. Kalau benar hendak mempromosikan falsafah Cleaner, Greener kenapa parit di tepi longkang, di tepi tempat itu tidak dicuci langsung. Saya ada melawat kawasan itu dan membuat *complain*, nyamuk, jentik-jentik penuh di sini. Kalau benar hendak mengajar masyarakat Balik Pulau khususnya *cleaner* dan *greener*, ajar mereka dan turun bersama-sama untuk mencuci kawasan dan bukan cakap sahaja dan tidak menunjukkan contoh yang baik. Bukan itu sahaja Y.B. Dato' Speaker, saya amat bersedih kerana insiden di Flat Hijau Y.B. Dato' Speaker juga hadir di situ. Saya mendapat telefon daripada seorang makcik. Dia kata Yang Berhormat, saya baru dapat beras satu (1) beg. Tapi beras tidak dapat dimakan berketul-ketul dan rosak. Yang Berhormat kami orang susah, kalau nak bagi, bagi yang kami boleh makan. Tapi disebabkan sayangnya beras itu, mereka cuci dan makan juga sebab mereka susah. Y.B. Dato' Speaker, jangan diulangi perkara macam ini.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Pulau Betong, sebagai Speaker saya tak boleh terlibat dalam perbahasan ini.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Saya bagi contoh.

Y.B. Dato' Speaker:

Saya hadir kerana dijemput.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Contoh.

Y.B. Dato' Speaker:

Saya hadir kerana melibatkan saya, saya ada jawapan untuk semua itu.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Kepada pemimpin PAKATAN di bawah nanti, tolonglah jangan buat benda-benda macam ini lagi. Baru-baru ini, saya boleh bagi nombor telefon, beras tak elok, tak boleh makan. Seorang Ahli Majlis MPPP yang dilantik oleh Pakatan DAP iaitu Lim Mah Hooi bersama-sama beratus-ratus orang penduduk telah memprotes satu peruntukan tanah bukit yang telah memberi kesan kepada kehidupan dan keselamatan mereka. Mereka memprotes dan menyuarakan pendapat mereka. Apakah pendapat mereka didengar? Apakah suara rakyat Pulau Pinang ini didengar atau jatuh ke telinga yang tidak mahu mendengar? Dia mendakwa, kini Kerajaan Negeri telah mempengaruhi Ahli-ahli majlis untuk meluluskan projek tertentu walaupun projek mereka tidak memenuhi keperluan dan kriteria teknikal untuk kelulusan pembangunan.

Dalam *Star* disebut, *it seems like the State Government detecting to MPPP what our local government should do*. Saya tak hairan dan mungkin ada kebenaran disebut orang itu, dalam kes SPICE sekalipun, seorang lagi Ahli Majlis Lim Boo Chang yang begitu semangat menyertai Pakatan Rakyat.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat. Kalau sebut tentang Lim Boo Chang, sebelum Yang Berhormat duduk,...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Tak bagi laluan lagi, saya tak bagi laluan lagi, bagi saya habis dulu. Dia begitu bersemangat untuk menyertai Pakatan Rakyat dan dilantik menjadi Ahli Majlis, bukannya? Dilantik Ahli Majlis kan? Memang dia jadi, akan tetapi kerana tidak berpuas hati dengan pendekatan SPICE dia telah meletakkan jawatan. Keluar daripada parti.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Keluar parti kerana tak dapat jadi ADUN.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Calon belum lagi. Ada senarai tak? Senarai belum ada lagi.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan. Yang Berhormat, kalau tentang Lim Boo Chang, dia itu, jangan buang masa kita bincang hal dia, kerana kita tahu dia datang daripada belah MCA, GERAKAN, rakan-rakan karib Yang Berhormat dulu. Jadi kita dah tapis dan lihat memang tak boleh pakai dan kita hantar balik...(ketawa).

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Yang Berhormat Seri Delima, kalau betul dah ditapis kenapa terima dia. Kenapa diberi Ahli Majlis.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Kita ambil masa la Yang Berhormat. Macam biasa kita tapis dulu. Macam biasalah. Kita pun ada *special branch*. *Special branch* tapi, tak boleh kita hantar balik.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Ambil masa sebagai ahli tak apa. Jangan bagi tanggungjawab lagi. Ambil masa semak macam mana dia, kesetiaan dia dan sebagainya sebab dia menyokong PKR. Begitu juga dengan Timbalan Ketua Menteri. Ambil buang juga. Buang juga.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

UMNO Yang Berhormat. Dia dah masuk UMNO dah. Pasal ada difaham...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Kerana seorang yang begitu tinggi seperti Bekas Timbalan Menteri beri keyakinan kepada pihak parti, tiba-tiba berhenti...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Bukan Yang Berhormat. Kalau saya jelaskan dia dapat imbuhan tu, ada imbuhan. Saya dah buat tuduhan dalam sidang lama. Dia dapat imbuhan, imbuhan yang melebihi integriti so dia masuk belah sana lah.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Saya tak bagi lah pada Yang Berhormat, dah terbukti dah Lim Boon Chang, Fairuz dan terbukti cukuplah. Yang Berhormat Dato' Speaker, kita juga boleh melihat bagaimana pemaju-pemaju yang gelojohnya membina rumah-rumah yang mahal sekarang ini. Di Balik Pulau, ada lebih kurang sembilan (9) projek perumahan. Kita melihat bagaimana pemaju dengan ghairahnya membina rumah-rumah yang mahal harganya mencecah jutaan ringgit. Masyarakat bertanya, apakah Kerajaan Negeri tak nampak, buta mata dan buta hati tentang masalah yang dihadapi penduduk Balik Pulau. Saya hendak tanya berapa ramai orang Balik Pulau yang mampu membeli rumah tersebut. Rumah tersebut telah lama siap dibina, tetapi tidak dihuni.

Persoalan, siapa pembelinya? Dari mana mereka datang? Mereka mungkin membeli sebagai pelaburan. Itu hak mereka. Bolehkah Kerajaan Negeri mendengar suara rakyat, yang mahukan rumah kos rendah dan sederhana dibina. Cuba lihat senarai permohonan rumah kos rendah yang ada di Jabatan Perumahan. Yang Berhormat Exco Perumahan boleh lihat. Berapa ramai yang telah membuat permohonan rumah kos rendah dan kos sederhana di Jabatan Perumahan. Cuba buat kajian. Berapa ramai orang yang memerlukan rumah kos sederhana rendah. Buatlah buat kajian tentang kedudukan kewangan masyarakat di Balik Pulau supaya perancangan dapat dibuat untuk memenuhi keperluan perumahan mereka yang bersesuaian atau berpadanan dengan pendapatan mereka. Binalah rumah-rumah yang mampu dibeli dan dimiliki oleh rakyat setempat dan bukan membiarkan pemaju yang menggunakan tanah mengikut kehendak hati mereka semata-mata.

Rakyat sudah muak mendengar kami akan membina dan empat (4) tahun berlalu masih akan itu dan akan ini. Apakah benar-benar Kerajaan mendengar suara rakyat. Mungkin masuk telinga kanan dan keluar telinga kiri. Kerajaan Negeri tidak peduli rintihan rakyat. Saya masih ingat dan telah berkesempatan mendengar Y.A.B. Ketua Menteri Air Putih, telah berkesempatan ke udara di Business FM di Ibu Kota. Saya tak ingat tarikhnya, tapi disiarkan awal pagi beberapa minggu lalu. Saya mengikuti temu

bual tersebut. Saya terkejut apabila terkeluar satu ayat dari mulut Ketua Menteri "*we don't care*". Kalimah "*we don't care*" kalau diletak dalam mana-mana konteks mana sekalipun, ia menggambarkan sikap tidak peduli dan tidak kisah. Boleh ungkapkan "*we don't care*" itu. Boleh patah balik cari siri radio tersebut untuk mendengar semula perbualan itu. "*We don't care*". Boleh dengar semula.

Bagi saya kalimah *we don't care* yang digunakan menunjukkan... (gangguan). Yang Berhormat boleh mendengar semula. Saya mengatakan bahawa orang yang menggunakan kalimah *we don't care*, sama sekali, sama ada *whether Penang people or from outside Penang*. Yang lain saya tak pasti. Yang Berhormat boleh mendengar semula apa ni perbualan yang mungkin dirakamkan oleh pihak terbabit. Mungkin lepas ini daripada ini minggu depan ada lagi masa Yang Berhormat...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya rasa kalau itu daripada, saya minta jalan. Saya rasa kalau saya tak tahu apa konteks yang disebut oleh Yang Berhormat Pulau Betong. Tapi kalau dari aspek daripada surat khabar-surat khabar yang buat fitnah. Kita tak ambil kisah. *You* kena jelaskan dalam konteks apa. Tak boleh hanya cakap *we don't care*. So itu tak betullah. So saya rasa kalau nak buat kritikan, mesti buat dalam konteks apa. Kalau daripada surat khabar yang buat fitnah macam Utusan, takkan kita nak ambil peduli kan. Tapi kalau macam Yang Berhormat nak buat kritikan yang bernas kita sedia dengar, supaya kita boleh jawab. So itulah saya tanya dalam konteks mana. Saya hanya buat sesuatu secara umum sahaja.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Yang Berhormat jawab, saya minta Yang Berhormat menghubungi semula Business FM itu saya rasa dalam konteks perumahan. Yang Berhormat boleh *call* dan ada masa lagi sampai hari Selasa.

Y.A.B. Ketua Menteri:

You kena cakaplah habislah, dalam konteks apa?

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Saya tak ingat *the full sentence*, tapi Yang Berhormat kata *we don't care*.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat tak ingat, kalau Yang Behormat tak ingat macam mana boleh cakap dan bawa dalam Dewan ini. Kalau hendak buat cakaplah habis-habis. Jangan cakap separuh-separuh. Ada kepala tak ada ekor. Mana boleh macam ini.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Saya mengambil kalimah dalam konteks *we don't care*.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ya tapi dalam konteks apa? Kena habiskan ungkapan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Saya tak pasti ayat keseluruhan konteks apa. Tapi *we don't care, whether you combining from KL okay*. Saya ingat Yang Berhormat boleh mendengar semula. Saya tak tuduh, boleh mendengar semula yang dibuat oleh pihak siaran FM itu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga berkesempatan mendengar bagaimana ucapan wakil-wakil rakyat yang berucap dalam ceramah politik Pakatan Rakyat. Cuma satu kes, apa yang berlaku di premis Sekolah Menengah Sacred Heart. Y.B. Dato' Speaker juga hadir, Y.B. Exco Perumahan juga hadir. Apa kata dia, dia kata satu saja dia sebut di sini, iaitu jika ada satu rumah pun yang dirobohkan, semasa saya menjadi Wakil Rakyat saya akan meletak jawatan. Saksi ada dua orang. Di sini dia kata, Y.B. Exco Perumahan pun ada. Y.B. Dato' Speaker pun ada. Wakil Rakyat Ahli Parlimen Balik Pulau, dia berkata, kalau ada satu rumah pun dirobohkan dalam Parlimen Balik Pulau ini, saya akan letak jawatan. Janganlah *tweet* dalam Dewan. Dengarlah jawapan. Yang Berhormat *tweet*, macam mana nak dengar ucapan saya. Dia kata disaksikan oleh dua (2) orang pemimpin di sini, dia kata sekiranya satu-satu rumah pun dirobohkan di Balik Pulau, saya akan letak jawatan.

Yang Berhormat, saya nak bagi tahu, di Balik Pulau mungkin tidak ada banyak kes rumah dirobohkan tetapi satu demi satu, demi satu dirobohkan kerana apa, kerana pemerintah telah menjual tanah mereka. Kesian mereka ini kerana mereka diusir keluar tanpa pampasan sewajarnya. Ada dapat RM4,000, ada yang dapat RM5,000, RM10,000, mereka tak mampu beli tanah bahkan membeli rumah. Kalau ada tanah-tanah tol di kawasan Barat Daya itu, tolonglah beri keutamaan kepada mereka-mereka ini. Mereka-mereka

yang diminta keluar, yang menumpang tanah dan minta keluar. Sebaliknya kita pakat-pakat buat, kita Kerajaan Persekutuan boleh membantu, PUZ boleh membantu, Kerajaan Negeri boleh membantu untuk bina rumah kepada mereka. Silakan.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Minta penjelasan Pulau Betong. Saya ingat dalam konteks tersebut adalah apabila Ahli Parlimen Balik Pulau mengata begitu dalam konteks perlu ada pampasan dan penyelesaian. Memang kita lihat Ahli Parlimen Balik Pulau selalu naik turun mahkamah membela hak rakyat dengan kes-kes bersama rakyat, melawan kes dengan pemaju dan saya jarang melihat Yang Berhormat Balik Pulau turun naik Majistret Balik Pulau. Ahli Parlimen Balik Pulau memang beliau selalu membela kes tanah dan pampasan tersebut, dan memang itu adalah hakikat yang kita tidak boleh nafikan, dan saya rasa saya apabila saya juga selain daripada itu saya selalu pergi ke Balik Pulau bertemu dengan rakyat.

Baru-baru ini Jalan Baru Balik Pulau di sebuah ceramah, kita juga membantu rakyat tersebut yang akibat daripada pembangunan kes PLB dan juga kita sedang membuat perancangan untuk menempatkan mereka semula di sebidang tanah yang berdekatan dan juga kita sedang menderafkan perjanjian dengan bantuan Ahli Parlimen Balik Pulau untuk melihat bagaimana draf perjanjian pemaju, supaya mereka diberi pampasan bantuan perumahan dan juga pembinaan semula di kawasan berdekatan. Dalam konteks tersebut beliau mengatakan bahawa adalah perlu ada pampasan dan penyelesaian. Itu adalah konteks tersebut. Saya juga orang Balik Pulau. Saya duduk sana lebih kurang dua (2) tahun. Saya datang dari Air Itam. Jangan kita ada persepsi bahawa Balik Pulau khas untuk orang Balik Pulau sahaja. Saya anak watan Pulau Pinang, datang dari Air Itam, saya boleh duduk Balik Pulau. Jiran-jiran juga ada orang tempatan Balik Pulau.

Saya rasa ada statistik rumah-rumah mampu milik di kawasan Balik Pulau, Bayan Lepas yang saya pergi lancarkan hari itu 500 lebih isi rumah, *low cost* RM42,000 yang tahun lalu saya pergi lawat dekat dengan Desa Nipah harga RM35,000 sahaja. Itu adalah rumah-rumah mampu milik. Di Desa Nipah 80 unit kita kenakan syarat mesti alamat dari Balik Pulau. Kita kenakan syarat *priority* kepada mereka yang mempunyai kad pengenalan dari Balik Pulau dan kita memberikan *priority* kepada orang-orang Balik Pulau dan ini adalah khaskan untuk kes-kes begini dan juga ada beberapa perancangan yang saya sebut kelmarin tentang rumah mampu milik di Balik Pulau yang saya rasa boleh mengatasi masalah.

Di bawah statistik perumahan terdapat permintaan beberapa ribu di Balik Pulau dan waktu gulung saya akan umumkan langkah dan saya apabila menjangkakan rumah-rumah yang kita luluskan di bahagian Parlimen Balik Pulau, kita boleh memenuhi memenuhi keperluan. Bukan sahaja orang Balik Pulau tetapi orang selain daripada Balik Pulau juga boleh berpindah ke sana.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Terima kasih Y.B. Bukit Tambun, betul, sorry Air Itam dia duduk tempat Y.B. Bukit Tambun tadi, *sorry*. Y.B. Air Itam Exco, saya bukan Ahli Parlimen, saya bukan Peguam, sebab itu saya tidak boleh masuk ke dalam mahkamah. Saya tidak bertauliah untuk itu. Okay saya bukan peguam dan saya tidak akan mampu masuk ke dalam mahkamah. Apa yang saya suarakan adalah kalau projek besar ada 30, wakil rakyat boleh bersuara di dalam mahkamah, mempertahankan hak mereka, tetapi yang paling banyak adalah satu (1) lot tanah, satu (1) rumah, dua (2) rumah. Mereka ini yang diabaikan. Jangan lihat pada kes-kes yang besar sahaja untuk *glamor*, tetapi kes-kes kecil juga harus dilihat.

So saya menghadapi banyak masalah dan sebab itu saya cuba cakapkan, kalau boleh, kalau tanah-tanah tol yang Ahli masih berada di Balik Pulau mungkin seluas 250,000 kaki persegi tolong *reserve* mereka ini supaya kita hendak bantu mereka. Kita sudah bina ladang di Pulau Betong lebih 100 rumah kita perbaiki semua dan bina baru tetapi bila masa tidak ada tanah macam mana kita hendak bantu. So saya minta kalau boleh tanah-tanah tol yang berada bukan sahaja di Balik Pulau bahkan di kawasan Sungai Dua contohnya kalau ada, *reserve* untuk kes-kes yang begini supaya kita boleh bersama-sama membantu masyarakat kita di Pulau Pinang ini.

Y.B. Dato' Speaker, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang BR1M Seri Delima BR1M. Sebenarnya janganlah Y.B. Seri Delima mempertikaikan keikhlasan orang yang memberi. Biarlah di antara dia dengan Tuhan. Janganlah mempertikaikan, tetapi saya pernah lihat satu insiden yang cukup lucu. Bagaimana seorang Pembantu Khas wakil rakyat di Balik Pulau berjalan ke atas pentas menerima duit BR1M dengan tangan kanan di belakang mengambil tangan kiri. Pandang muka pun tidak, pandang baucer sahaja. Pembantu Khas kepada seorang wakil rakyat di Balik Pulau Pakatan Rakyat, terima macam itu. Begitu juga dengan seorang lelaki yang memegang duit RM100.00 dalam poster Pulau Pinang yang besar itu RM100.00. Dia juga awal-awal lagi telah menerima duit itu.

So kita memberi kepada semua orang, tidak kira PAS ke, PKR ke, semua kita beri. Okey, ikhlas atau tidak ikhlas itu biar kita menilai sendirilah tetapi kita memberi kepada semua orang. Saya hendak mencabar, sekali lagi tadi pun disebut oleh Y.B. Permatang Berangan jika ada dalam borang itu disebut akan diberikan kepada pengundi BN sahaja. Saya hendak tahu, kalau ada dalam borang itu, sebab setahu kami tidak ada dan kami memberikan duit itu di premis kami sendiri ataupun di dewan sekolah kerana kami tidak boleh masuk ke dalam Pejabat Daerah, tidak dibenarkan. Kalau kami boleh masuk ke Pejabat Daerah tidak dibenarkan, mungkin kami boleh gunakan Pejabat Daerah yang besar tetapi kami terpaksa menggunakan tempat yang kecil-kecil bahkan dalam Pusat Khidmat saya dahulu pun yang telah pun diambil oleh seorang pemimpin Pakatan Rakyat hendak buat program pejabat AURA dan sampai ke hari ini tidak berfungsi pun.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B.Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Sebelum Yang Berhormat pergi ke subjek lain, tetapi Yang Berhormat setuju bahawa pemberian ini hanya dibuat selepas sesuatu projek begitu dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri terlebih dahulu. Yang Berhormat setuju atas isu itu. Itu yang pertama.

Kedua, ia dibuat semata-mata untuk menandingi inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang terlebih dahulu. Kalau dibuat perbandingan kita dari sejak 2008 telah beri sudah bagi dah. Setuju tidak Yang Berhormat. Saya tanya setuju atau tidak. Itu sahaja.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid BinSaad):

Saya tidak setujulah. Sedikit pun saya tidak setuju sebab kita, kita membantu rakyat daripada dahulu lagi daripada merdeka sampai ke hari ini kita membantu rakyat, tidak perlu meniru orang. Kita boleh.....(gangguan)

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B.Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Wang tunai tidak diberi begitu kecualilah pada kali pertama BR1M diberikan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid BinSaid):

Sebelum BR1M pun kita beri apa. Duit raya kita beri, untuk nelayan kita beri dan sebagainya. Kebajikan kita beri duit *cash* sudah banyak ... (gangguan), halal kenapa tanya halal tidak halal. Kalau beri duit RM100 tidak halal.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya tanya sama halal, itu sahaja halal. Sama seperti yang kita bayar RM100.00 pun halallah....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Tapi kalau duit judi tidak halal.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tapi ingat duit judi dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Itu perbezaannya dan wang sama daripada akaun duit judi ini digunakan untuk bayar BR1M ingatlah baik-baik.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid BinSaid):

Memang Y.B. Dato' Speaker, saya teruskan sekali lagi, tidak banyak sudah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Itulah sekarang sudah kena tangkap, lari.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid BinSaad):

Yang itu Yang Berhormat berinteraksi dengan Y.B. Sungai Dua, bukan dengan saya. Tadi Yang Berhormat bercakap dengan Y.B. Sungai Dua dan bukan dengan saya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya cakap dengan Y.B. Pulau Betong sekarang. So, akaun sama, akaun *consolidated*. Kita sudah tanya dekat Parlimen, dia gunakan akaun yang sama. So, BR1M pun sama cukai daripada cukai daripada judi Genting masuk akaun yang sama.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid BinSaad):

Dapat jawapan dekat Parlimen. Okey, cukup.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ya, di sini pun BR1M itu pun datang daripada duit judi sama juga.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid BinSaad):

Y.B. Dato' Speaker, saya teruskan lagi. Baru-baru ini masyarakat Balik Pulau dikejutkan oleh surat-surat sebegini. Saya dapat ini lebih kurang 13 helai, ada banyak lagi orang telefon saya, tetapi saya tidak dapat hendak kumpulkan semua. Ini daripada Kun Society bertanya kami ingin mengetahui adakah pihak tuan merupakan tuan punya tanah. Jika ya, kami ingin membelinya. Saya pun dapat dan saya terkejut daripada mana mereka dapat alamat saya. Saya *check* dengan kawan saya, Datuk dia telah meninggal dunia juga dapat surat itu. Ini bermakna mereka dapat daripada mana. Memang betul kita boleh dapat kita punya salinan geran daripada Pejabat Daerah tetapi kita bayar RM60.00 dapat salinan geran, betul tidak. Kita beli kita dapat, tetapi mereka mendapat begitu banyak sekali ini. Ini saya dapat ada 13, yang telefon saya, yang beritahu saya, cukup sudah, cukup bukti sudah.

Saya hendak minta jawapan daripada Exco Tanah kalau boleh. Adakah mereka mendapat secara sah senarai daripada Pejabat Tanah? Kalau ada saya hendak lihat resit-resit pembayaran RM60.00 satu. Kalau boleh mungkin dapat *free*, Yang Berhormat boleh berilah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya boleh jawab sekarang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid BinSaad):

Boleh.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya boleh cakap bahawa memang tidak diberikan oleh Pejabat Tanah kecuali mereka bayar satu persatu, itu semakan carian tanah, tetapi untuk satu *title* RM60.00. So, itu bukan jumlah yang kecil. So kalau ada 1,000 keping dia kena belanja RM60,000 tetapi saya kena tanya daripada DO Barat Daya, sama ada adakah ini dilakukan tetapi memang Kerajaan Negeri tidak akan berikan maklumat sedemikian kepada mana-mana pihak. Tentu kalau boleh untuk memuaskan Ahli Yang Berhormat kita akan tulis surat kepada, mungkin boleh beri satu salinan surat dan Kerajaan Negeri akan tulis surat kepada itu mereka yang buat untuk tanya bagaimana mereka dapat maklumat. Kita akan buat. So kita tidak ada apa-apa untuk tutup perkara ini.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid BinSaad):

Nanti saya akan berikan Yang Berhormat salah satu surat daripada ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ya, terima kasih dan saya harapkan D.O. Daerah Barat Daya untuk tulis surat kepada pihak yang mengeluarkan surat tanya, macam mana dia dapat maklumat.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid BinSaad):

Sebab.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya hendak buat satu usul. Terima kasih...(gangguan), minta maaf. Sekejap sahaja.

Y.B. Dato' Speaker, selaras dengan Peraturan 6A(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mohon supaya masa persidangan hari ini, 3 Mei 2012 (Khamis) dilanjutkan sehingga jam 6.00 petang.

Y.B. Dato' Speaker:

Ada sokongan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Saya mohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat Y.A.B. Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 6(A)(1) untuk melanjutkan tempoh persidangan hari ini, 3 Mei 2012 (Khamis) dilanjutkan sehingga jam 6.00 petang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan 'Ya'. Yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya".

Y.B. Dato' Speaker:

Lebih suara bersetuju. Usul dipersetujui. Teruskan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid BinSaad):

Yang Berhormat, tidak banyak dah Yang Berhormat. Jadi saya minta terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri kerana akan mendapatkan pengesahan daripada mana mereka mendapat senarai nama-nama itu. Walaupun saya tahun daripada Pejabat Daerah mungkin mereka boleh membeli. Kalau sekeping tidak mengapa, kalau 100 keping sudah berapa duit, banyak. Walau *legally right* untuk dapatkan daripada Pejabat Daerah tetapi *morally wrong* saya rasa kecuali kalau pembeli itu hendak membeli tanah saya, saya dengan izin tidak mengapa, tuan boleh pergi dapat di Pejabat Daerah untuk dapatkan salinan geran. Itu okey tetapi mendapat begitu banyak sekali begini saya pun hairan daripada mana mereka dapat yang ini. Itu yang pertama.

Yang kedua, ini kerisauan masyarakat Balik Pulau Y.A.B. Ketua Menteri. Kalau seorang agen boleh menghantar surat begitu banyak kepada orang Balik Pulau bertanya untuk membeli rumah. Bermakna mereka ini mempunyai duit yang banyak, dana yang banyak untuk membeli tanah ini. Daripada mana mereka datang ini. Kalau mereka boleh membeli apa akan jadi kepada masa hadapan orang Balik Pulau. Kita bercakap antara rumah kos rendah dan sebagainya, membeli rumah mahal tidak mampu dibeli oleh orang Balik Pulau. Ini satu isu yang cukup serius sebenarnya Y.A.B. Ketua Menteri, Y.B. Dato' Speaker yang akan melanda Balik Pulau jika sekiranya tidak ditangani dengan baik oleh pihak Kerajaan Negeri lebih-lebih lagi Exco Tanah dan juga Pejabat Tanah. Y.B. Dato' Speaker, ada dua, tiga perkara lagi yang kecil-kecil. Satu, ditujukan khas kepada Y.B. Bukit Tambun tentang jalan-jalan kampung yang diguna oleh lori-lori untuk masuk ke kawasan-kawasan membina seperti saya kata di Sungai Burong, jalan baru itu membina bengkel ataupun tempat penternakan laut contohnya yang dirosakkan minta supaya dibaiki segera kerana itu melibatkan yang digunakan oleh orang ramai sepanjang hari.

Y.B. Bagan Jermal, saya minta Yang Berhormat Exco tolong lihat cara penyelesaian penyuraian trafik di simpang Jalan Tun Sardon, Jalan Relau dan Jalan Farlim kerana semakin hari trafik semakin meningkat dan melibatkan kesesakan yang amat dahsyat terutama di waktu sesak.

Y.B. Padang Kota, tidak datang mungkin boleh sampaikan, saya hendak minta dahulu di awal tahun 2008 ada wakil rakyat Parlimen memanggil masyarakat Balik Pulau berbincang macam mana hendak membangunkan pekan Balik Pulau, tetapi sampai hari ini faktor berlarut tidak ada apa-apa pun, cuma saya hendak minta kepada Exco untuk melihat penyuraian trafik dalam pekan Balik Pulau. Y.B. Air Itam pun tahu tentang kesesakan Balik Pulau itu, lihat macam mana kita mendapatkan *alternative road* jalan kedua untuk menyuraikan trafik dan untuk mengelakkan kesesakan di pekan Balik Pulau.

Seterusnya, juga Y.B. Dato' Speaker, satu lagi tanah yang akan dibangunkan di Balik Pulau adalah melibatkan sekeping tanah di belakang Kampung Terang. Ini di mana cadangan pemaju dan MPPP telah pun menghantar surat meminta pandangan masyarakat tentang pembinaan bangunan 14 tingkat. Dalam sejarah Balik Pulau tidak pernah ada pun bangunan 14 tingkat dan paling tinggi 5 tingkat kalau tidak salah saya. So mereka membantah sekeras-kerasnya mereka beritahu kepada saya, Yang Berhormat tolong suarakan bantahan mereka sekeras-kerasnya kerana mereka tidak mahu bangunan 14 tingkat di Balik Pulau dan saya rasa pun untuk menjaga keharmonian, ekologi Balik Pulau ini biarlah Balik Pulau ini dikekalkan dalam zon pertanian, zon pelancongan dengan rumah-rumah yang tidak melebihi daripada 5 tingkat. Y.B. Dato' Speaker, itulah perbahasan saya, saya ucapkan terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Seterusnya. Y.B. Padang Lalang, teruskan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Y.B. Dato' Speaker yang saya hormati, selamat petang dan salam sejahtera. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya membahas ucapan dasar Kerajaan Negeri yang disampaikan oleh T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang Tun Abdul Rahman sempena pembukaan rasmi Mesyuarat Pertama, Penggal Kelima Persidangan Dewan Undangan Negeri pada 30 April 2012. Izinkan saya merakamkan sekalung penghargaan dan menjunjung terima kasih kepada T.Y.T. kerana berupaya memberi ucapan dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang berkaitan dengan dasar dan dorongan sekali gus membuktikan komitmen yang berbilang bangsa di Negeri Pulau Pinang untuk terus hidup makmur, harmoni di bawah pemerintah T.Y.T.

Y.B. Dato' speaker berdasarkan ucapan dasar T.Y.T. Pulau Pinang yang disampaikan oleh T.Y.T. pada persidangan kali ini secara amnya rakyat Pulau Pinang dan secara khasnya rakyat yang tinggi di KADUN Padang Lalang, sememangnya mengalu-alukan langkah-langkah pembangunan yang proaktif yang telah akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan Negeri Pulau Pinang terus maju dan rakyatnya dapat hidup dalam suasana aman, damai dan makmur.

Y.B. Dato' Speaker, perubahan besar dan ketara telah berlaku di Pulau Pinang selepas UMNO BN ditumbangkan pada pilihan raya kedua belas tahun 2008. Kerajaan Pakatan Rakyat telah menjalankan dasar-dasar yang baru, di mana kita telah membawa dengan banyak perubahan kepada rakyat Negeri Pulau Pinang. Saya rasa, saya tidak perlu sebut satu-satunya. Pulau Pinang

yang pernah digelar Darul Sampah oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamed, satu masa dahulu lebih bersih dan maju sekarang? Rakyat Pulau Pinang kian bersih di bawah pemerintahan Pakatan Rakyat dan Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

YB. Dato' Speaker, semua orang suka bersih. Semua orang cinta bersih. Saya percaya dalam dunia tiada ada manusia yang benci kepada bersih, di Pulau Pinang ini yang dipanggil Malaysia ini terdapat manusia yang tolak bersih. Mereka tidak mahu bersih, mereka takut kepada bersih. Mereka suka kotor sebab berasaskan cara teknik kotoran mereka mereka boleh meneruskan kesalahan-kesalahan yang mereka amalkan sekarang contohnya skandal PKNZ, membela lembu di condo, membeli kapal selam yang tidak boleh selam dan banyak lagi contohnya.

Y.B. Dato' Speaker, mereka yang tidak suka bersih ini sudah rosakkan imej Malaysia yang kita semua cintai ini di mata dunia. Apabila mereka mengambil tindakan yang ganas untuk memberangsang rakyat yang berhimpun secara aman di Kuala Lumpur pada 20 April ini, lebih teruk lagi mereka telah menyerang pemberita-pemberita dan *photographer-photographer* dari media massa dengan cara yang amat kasar untuk cuba menghalang media massa untuk melaporkan apa yang sebenarnya telah berlaku di Kuala Lumpur pada petang itu.

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin mengambil kesempatan pada petang ini untuk menyuarakan suara-suara tidak puas hati rakyat dari KADUN Padang Lalang dan saya rasa seluruh Malaysia ini. Tindakan ganas yang diambil oleh Barisan Nasional, rakyat yang tinggal di KADUN Padang Lalang mendesak kerajaan BN mengaku kesalahan mereka dan meminta maaf kepada rakyat dan rakan-rakan dari media massa. Kelapan-lapan tuntutan BERSIH 3.0 harus diambil berat dan tindakan harus diambil untuk memastikan PRU ke-13 adalah bersih.

Y.B. Dato' Speaker yang dihormati, lagi isu mengenai pilihan raya umum yang bersih dan adil. Saya menyeru Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Pilihan Raya harus meletak jawatan dengan serta merta. Mereka telah dibuktikan bahawa mereka adalah Ahli UMNO. Saya ingin mengemukakan persoalan saya dalam Dewan yang mulia ini. Adakah sesuai seorang parti politik dilantik sebagai pucuk pimpinan SPR di mana tugas beliau adalah untuk mengendalikan pilihan raya umum dengan adil dan telus? Adakah seorang parti politik mampu menjalankan tugas beliau sebagai pemimpin SPR tanpa sebarang keinginan untuk memihak kepada parti beliau? Jawapannya amat jelas dan tepat. Dari apa yang telah dilakukan sekian lama ini SPR tidak menjalankan tugas dengan cara yang profesional dan adil.

Sekali lagi Y.B. Dato' Speaker, kini masa depan negara Malaysia yang kita cintai ini, saya bagi pihak rakyat KADUN Padang Lalang menyeru mereka meletak jawatan masing-masing serta merta dan pelantikan baru harus diadakan. Perkara utama yang saya menjadi perhatian selepas mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Undangan Padang Lalang ialah hasrat untuk menjadi Padang Lalang sebagai satu tempat selamat daripada banjir. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah memberi peruntukan yang cukup banyak untuk cuba menyelesaikan banjir di Taman Desa Damai, Taman Mang Kok, Taman Seri Rambai tapi masih ada kelemahan. Taman Sri Jaya dan Taman Sungai Rambai yang projek untuk mengatasi masalah banjir boleh dipercepatkan. Saya faham langkah-langkah untuk mengatasi banjir ini merupakan satu projek jangka masa panjang bagaimanapun saya memohon kepada Kerajaan Negeri tindakan-tindakan harus diambil dengan lebih cepat dan berkesan supaya rakyat yang tinggal di kawasan banjir tidak lagi mengalami kesulitan dan kerugian harta benda apabila musim hujan bermula.

Y.B. Dato' Speaker, perkara kedua saya ingin menitikberatkan adalah keadaan lalu lintas yang selalu sesak di KADUN Padang Lalang terutamanya di Jalan Song Ban Keng. Semua maklum Kerajaan Negeri telah mengambil langkah untuk melebarkan Jalan Song Ban Keng jalan utama ini tidak sesak pada masa akan datang, dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri atas peruntukan sebanyak RM24 juta untuk projek ini dan saya berharap projek ini siap dalam tempoh yang ditetapkan demi keselesaan pengguna Jalan Song Ban Keng. Tapi satu sahaja saya ingin mengingatkan Kerajaan Negeri bila projek itu dijalankan, *synchronize system* dengan *no right system* perlu bersama-sama jalan. Kalau tidak, saya rasa projek ini tidak akan selesai selama-lamanya. *Synchronize system* dan *no right system* mesti perlu dijalankan di Jalan Song Ban Keng itu.

Saya juga ambil berat kerja-kerja Landasan Kereta Api Berkembar yang dijalankan dalam KADUN Padang Lalang. Saya telah bekerja rapat dengan GMC Gamuda dan KTM untuk memastikan kerja-kerja pembinaan tidak mengganggu kelancaran lalu lintas. Saya berharap projek ini dapat berjalan dengan lancar tetapi Y.B. Dato' Speaker, satu jambatan yang menyambung Jalan Song Ban Keng, Jalan Padang Lalang dan Bandar PERDA sampai hari ini masih belum memulakan kerja pembinaan. ROB dekat kalau tidak silap dekat dengan Jalan Desa Ramai sana. Saya ingin menyeru kepada pihak JKR dan MPSP supaya langkah-langkah proaktif harus dipertingkatkan untuk memastikan projek ini dijalankan dengan teratur. Tidak mengganggu rakyat dengan keadaan trafik dirancang dan dikawal dengan baik. Perkara ketiga adalah projek CSR di Bukit DO di mana Bukit DO ini telah ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai taman rekreasi buat selama-lamanya demi kepentingan rakyat Bukit Mertajam.

Y.B. Dato' Speaker, Bukit DO merupakan satu-satunya kawasan "*green lung*"(dengan izin), di kawasan Padang Lalang. Dan ini memang amat penting memandangkan tahun lepas pada Ogos Mengkuang Dam telah diumumkan akan ditutup seluruhnya, dan pada ketika masa itu telah menjadi satu isu orang-orang yang suka jogging sudah hilang tapak. Projek di Bukit DO mesti dilaksanakan secepat mungkin untuk bila tiba masa 2014 Februari, akan ditutup seluruhnya dan orang yang suka jogging itu dapat satu tempat alternatif untuk mereka pergi jogging. Manakala masalah keretakan rumah kediaman di Taman Kota Permai dan Taman Seri Rambai yang diakibatkan oleh projek JPP Fasa 2 masih belum selesai. Saya merayu kepada Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air memandangkan berat terhadap isu ini tindakan pampasan dipercepatkan. Kalau boleh harap Exco berkenaan boleh hubungi dengan JPP. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker, satu Rang Undang-undang untuk menjalankan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan akan dibentangkan pada persidangan Dewan kali ini. Saya menyokong dasar undi harus dikembalikan kepada rakyat Negeri Pulau Pinang mereka harus memilih Ahli-ahli Majlis MPSP dan MPPP. Walaupun Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Pulau Pinang menghadapi kesulitan untuk menjalankan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan tetapi kami tidak melupakan janji kami. Tindakan untuk mengembalikan undi kepada rakyat sudah dimulakan dan saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri atas usaha ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada kedua-dua PBT, MPPP dan khasnya MPSP di mana saya nampak pegawai-pegawai di kedua-dua PBT ini dari Tuan Yang DiPertua, Setiausaha dan semua pengarah-pengarah sampai ke seluruh kakitangan sudah menyahut seruan Kerajaan Negeri dan menjalankan tugas masing-masing berlandaskan CAT.

Y.B. Dato' Speaker, saya selalu berinteraksi dengan pegawai-pegawai MPSP dan dari pengalaman saya sekian lama ini perubahan dan ketekunan yang ditunjukkan amat membanggakan dan merangsangkan saya. Saya berharap kedua-dua PBT dapat prestasi yang cemerlang ini dan pembangunan mampan dapat dijalankan dengan cemerlang dan Negeri Pulau Pinang akan menjadi lebih bersih, hijau dan selamat diduduki. Y.B. Dato' Speaker, dengan hormatnya dengan ini saya memohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Terima kasih Y.B. Padang Lalang. Dewan ditangguhkan selama 15 minit.

Dewan ditangguhkan pada jam 4.15 petang.

Dewan disambung semula jam 4.45 petang:

Y.B. Dato' Speaker:

Dewan disambung semula, Paya Terubong.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin):

Terima kasih kepada Y.B. Dato' Speaker, di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk perbincangan petang ini, Y.B. Dato' Speaker, dalam Persidangan Dewan kali kelima ini, ucapan T.Y.T. Yang di-Pertua telah memuji kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat telah empat tahun yang lepas dalam berbagai aspek ini membuktikan Kerajaan Pakatan Rakyat memang satu pilihan yang tepat bagi rakyat Negeri Pulau Pinang di Pilihan Raya Tahun 2008 dan juga akan dapat sokongan rakyat dalam pilihan raya yang akan datang.

Y.B. Dato' Speaker, saya mengalu-alukan pengumuman Kerajaan Negeri yang meningkatkan harga minimum bagi warga asing untuk memiliki hartanah di Pulau Pinang, iaitu RM2 juta bagi hartanah dan RM1 juta bagi jenis-jenis hartanah yang lain, umpamanya hartanah berstrata. Pengumuman ini adalah sesuai masa memandangkan harga hartanah di Negeri Pulau Pinang telah melambung tinggi jika berbanding dengan tahun 1980 dan 1960. Walau bagaimanapun saya berpendapat RM2 juta atau RM1 juta bagi warga asing masih bukan satu harga yang tinggi atas sebab kadar *for rent exchange* wang asing khususnya bagi warga asing dari Negara Eropah, Amerika Syarikat, Jepun, Singapura dan Australia mata wang mereka tinggi jika berbanding dengan ringgit, sekiranya boleh saya mencadangkan harga minimum mungkin boleh dinaikkan iaitu harga minimum untuk warga asing mungkin boleh dinaikkan kepada RM5 juta bagi semua hartanah.

Saya memang mempunyai pandangan yang bersama dengan rakan saya Y.B. Ahli Komtar bahawa kita mungkin juga berfikir untuk melarang sama sekali semua warga asing untuk memiliki hartanah yang bertanah di Negeri Pulau Pinang, tetapi mereka masih boleh dibenarkan untuk membeli atau memiliki hartanah berstrata, contohnya kondominium atau apartmen. Langkah seperti ini telah lama dilaksanakan di Negara Singapura di mana warga asing yang menduduki di Singapura hanya dibenarkan membeli harta berstrata dan tidak dibenarkan untuk membeli harta hartanah, tetapi sekiranya untuk harta berhartaan hanya dibenarkan di kawasan khusus iaitu di Pulau Sentosa, mungkin juga kita pun boleh meniru polisi di Singapura ini, warga asing boleh membeli hartanah yang bertanah di tempat tertentu di Negeri Pulau Pinang,

contohnya di Street Key atau di Batu Feringghi sahaja, tetapi tidak had di mana-mana tempat untuk harta berstrata. Kita memang mengalu-alukan warga asing datang untuk menduduki di Pulau Pinang, tetapi pada masa yang sama kita juga harus menjaga kepentingan orang tempatan. Setelah George Town diisytiharkan sebagai George Town World Heritage City, memang banyak rumah-rumah lama, *free old houses*....(dengan izin), di Bandar George Town telah menjadi *hot cake*....(dengan izin), dan banyak telah dibeli oleh warga asing khususnya warga daripada Singapura.

Saya difahamkan Pulau Pinang ini memang merupakan kegemaran bagi banyak warga asing atas sebab keunikan Negeri Pulau Pinang, contohnya pantai yang bersih, keselamatan, makanan yang enak, rakyat yang bersopan santun, adanya Lapangan Terbang Antarabangsa memang banyak faktor-faktor yang unik menjadikan Negeri Pulau Pinang untuk menarik warga asing datang ke Pulau Pinang, termasuklah *film star* seperti Jackie Chan pada suatu masa dahulu dikatakan juga memiliki hartanah di Negeri Pulau Pinang. Baru-baru ini, kelmarin saya juga nampak di surat khabar bahawa seorang lagi *film star* di Hong Kong iaitu Sai Ben Yam yang juga menunjukkan minat beliau untuk membeli hartanah di Negeri Pulau Pinang. Untuk warga asing yang berminat untuk membeli hartanah yang bertanah di Negeri Pulau Pinang, mungkin kerajaan boleh menetapkan satu peraturan tidak membenarkan mereka membeli, tetapi membenarkan mereka untuk memajak bagi satu tempoh yang tertentu.

Y.B. Dato' Speaker, mengenai isu perumahan kos rendah atau sederhana rendah yang dibanjiri oleh pekerja asing, isu ini memang tidak lagi asing untuk saya sebagai ADUN Paya Terubong sebab memang banyaknya rumah kos rendah atau sederhana rendah di KADUN saya khususnya di Relau dan Paya Terubong, banyak rumah pangsa dibanjiri dan diduduki oleh pekerja-pekerja asing. Rumah kos rendah atau sederhana rendah yang dibanjiri oleh pekerja asing telah banyak menimbulkan masalah sosial kepada penduduk tempatan dan merunsingkan kehidupan orang tempatan. Saya berharap kerajaan harus mengambil langkah inisiatif dengan kilang-kilang untuk menyelesaikan masalah ini mungkin selain membina rumah kos rendah untuk rakyat tempatan, Kerajaan Negeri juga mungkin berfikir sama ada kita boleh menghadkan satu tempat yang khusus sebagai hostel untuk pekerja asing, supaya pekerja-pekerja asing ini tidak merebut rumah kos rendah dengan penduduk tempatan dan seterusnya menimbulkan masalah sosial untuk rakyat tempatan.

Y.B. Dato' Speaker, selain isu harga rumah yang melambung tinggi. Saya juga ingin menarik perhatian Kerajaan Negeri terhadap isu tapak perindustrian yang juga menghadapi masalah yang sama. Negeri Pulau Pinang memang menghadapi kekurangan tanah dan ini adalah satu fakta yang tidak dapat dinafikan, bukan sahaja kekurangan tapak untuk pembinaan

projek perumahan, saya mendapati juga wujudnya masalah kekurangan tapak kilang di Zon Industri Bayan Lepas. Oleh kerana tapak kilang yang ada di Zon Perindustrian Bayan Lepas adalah terhad, maka harga pembelian tapak kilang di Zon Perindustrian Bayan Lepas juga melambung tinggi sejak beberapa tahun ini. Oleh kerana lokasi yang strategik dan mendekati Lapangan Terbang Antarabangsa kebanyakan pengusaha atau syarikat asing atau syarikat tempatan adalah lebih cenderung membuka kilang atau menempati di Zon Perindustrian Bayan Lepas jika berbanding dengan Seberang Perai, sebab ini telah menjadikan tapak kilang di Zon Perindustrian Bayan Lepas menjadi *hot cake* juga kesemua transaksi yang melibatkan tapak kilang atau kilang di Zon Perindustrian Bayan Lepas memang perlu mendapat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri secara amnya dan kebenaran PDC secara khususnya.

Kerajaan Negeri harus mengambil perhatian terhadap satu fenomena, di mana fenomena spekulatif bukan sahaja boleh berlaku di sektor perumahan tetapi juga boleh berlaku di sektor tapak perindustrian, kerajaan harus mengambil perhatian fenomena spekulatif ini, adalah *feedback* ...(dengan izin), di mana ada syarikat yang tertentu juga boleh membeli tapak kilang di Zon Perindustrian dan lepas ini melupuskan tapak kilang dalam masa dua atau tiga tahun setelah mengaut keuntungan beberapa juta ringgit. Syarikat tertentu mungkin membeli kilang ini pada harga RM3 juta, tetapi boleh melupuskan kilang tersebut dalam dua tiga tahun dengan harga lebih kurang RM7 juta atau RM8 juta. Fenomena ini mungkin kita banyak diperasan oleh orang ramai, tetapi ini memang satu *feedback* daripada pengusaha-pengusaha tertentu.

Pihak kerajaan atau PDC perlu mengambil tindakan untuk mengenakan syarat yang lebih ketat contohnya syarat tidak boleh pindah milik dalam masa lima (5) tahun atau dalam sepuluh tahun (10), sekiranya dilupuskan dalam had yang ditentukan satu jumlah penalti mungkin harus dikenakan kepada pelupus, tindakan juga haruslah diambil untuk menghentikan fenomena spekulatif bukan sahaja di sektor perumahan dan juga di sektor perindustrian.

Tidak dapat dinafikan perusahaan teknologi tinggi merupakan sektor yang mustahak bagi perkembangan Negeri Pulau Pinang, namun kita tidak boleh mengabaikan peranan yang dimainkan oleh pengusaha-pengusaha Industri Kecil Sederhana Tempatan (IKS) *Local SME* yang juga merupakan induk kegiatan ekonomi. Perkembangan Industri Perusahaan Kecil Sederhana yang bagus juga dapat membuka peluang pekerjaan yang lebih banyak kepada orang tempatan. Oleh yang demikian Kerajaan Negeri Pulau Pinang harus juga mengambil berat dan mengambil langkah untuk membantu para pengusaha kecil dan sederhana untuk menjadi lebih berdaya saing dan inovatif. Pengusaha kecil sederhana bukan sahaja boleh menjana pulangan yang lebih lumayan di Malaysia tetapi juga di peringkat antarabangsa dengan proses globalisasi. Proses globalisasi memang telah menjadi satu *trend* yang

tidak dapat dihalang pada zaman ini, maka pengusaha kecil sederhana harus sentiasa peka dan berupaya untuk menghadapi sebarang perubahan dalam pasaran dan permintaan bukan sahaja di tempatan tetapi juga di peringkat antarabangsa. Saya ingin memberi kepujian kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang atas usaha mewujudkan satu Pusat Perusahaan Kecil Sederhana, Pusat PKS atau SME Centre kini sedang dalam pembinaan oleh PDC dan akan siap tidak lama lagi di Bayan Lepas *Industrial hard phase 4*, bangunan empat yang melibatkan RM40 juta dengan keluasan 160 kaki persegi ini bertujuan untuk membantu memupuk dan menjana inovasi SMU untuk mengembangkan nilai rangkaian melalui penyediaan ruang dengan kadar sewa yang berdaya saing. Di samping itu pusat PKS ini juga menawarkan ruang untuk PKS tempatan untuk mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka sekali gus memudahkan pembangunan dan melengkapkan nilai rangkaian untuk menggalakkan industri di Pulau Pinang. Saya difahamkan bahawa Pusat PKS atau SME Centre ini akan diuruskan oleh Majlis Pengurusan Pusat SME yang terdiri daripada usahawan mentor Majlis Sains Pulau Pinang, investPenang dan PDC.

Kerajaan Negeri melalui investPenang telah merancang beberapa program seperti penubuhan penasihat pemasaran SME, Pusat Sumber dan Latihan SMART dan Pusat Latihan CAT untuk menghadapi masalah kekurangan pekerja. Selain langkah-langkah di atas saya juga ingin mencadangkan supaya investPenang atau mana-mana autoriti dengan misi mempromosikan pelaburan-pelaburan perniagaan tempatan di Negeri Pulau Pinang juga boleh menggalakkan kursus-kursus kepada pengusaha kecil sederhana tempatan untuk terus melengkapkan diri dengan segala ilmu mereka mahirkan menjadikan segala cabaran dalam perniagaan sebagai kejayaannya.

Y.B. Dato' Speaker, 20hb. Februari 2012, tarikh ini merupakan satu hari yang bersejarah bagi KADUN Paya Terubong dan juga hari yang bersejarah untuk penduduk di KADUN Paya Terubong. Pada 29hb. Februari 2012 masalah isu kilang getah Lee Rubber yang telah merunsingkan penduduk Paya Terubong selama 30 tahun lebih telah diselesaikan. Kilang Lee Rubber telah secara rasminya menghentikan operasi pada tarikh itu iaitu 29hb. Februari 2012. Pada zaman pentadbiran Barisan Nasional, pemimpin-pemimpin Barisan Nasional dalam beberapa pilihan raya memberi janji kosong untuk menutupkan, menghentikan operasi kilang Lee Rubber ini untuk memancing udang...(ketawa), memancing undi. Namun begitu semua janji ini tidak ditunaikan, sebaliknya Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat telah membawa satu perubahan yang besar untuk penduduk di Paya Terubong, dengan hentinya kilang Lee Rubber ini penduduk di Paya Terubong tidak lagi perlu menghadapi bau busuk getah tiap-tiap hari, Sungai Dondang di kawasan ini juga telah menjadi jernih dan bersih.

Penutupan kilang Lee Rubber ini juga membawa kenaikan nilai pasaran bagi hartanah di kawasan Paya Terubong, kesemua ini adalah menguntungkan *benefit*....(dengan izin) semua penduduk di kawasan itu. Saya difahamkan juga pihak pengurusan kilang Lee Rubber yang sudi menghentikan operasi kilang ini juga harus diberi kepujian yang tinggi kepada Kerajaan Pakatan Rakyat yang telah banyak menjalankan polisi-polisi cintai alam sekitar.....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Tuan Koid Teng Guan):

Penjelasan boleh? Ahli Paya Terubong saya hendak tahu, adakah bapa mertua Ahli Paya Terubong manager Lee Rubber? Adakah *your father in-law is manager* Lee Rubber? Pasal dulu sebelum kilang ini tutup, bekas ADUN kata *father in-law is manager* Lee Rubber, sekarang saya hendak tahu Lee Rubber sudah tutup adakah *you* punya *father in-law* *your* bapak mertua adalah manager Lee Rubber?

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin):

Ingin saya jelaskan, *my father in-law* bukan terlibat dalam sektor getah ini. Saya tidak tahu sama ada bekas ADUN Paya Terubong bapa mertua dia, ada beza atau tidak. *I* pun tidak ada fakta, mungkin Y.B. Sungai Pinang ada fakta atau data, tetapi saya ingin menekankan....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Tuan Koid Teng Guan):

Penjelasan boleh? Bila pilihan raya 1999 dan 2004 calon Barisan Nasional bagi kawasan juga bekas ADUN Paya Terubong, dia kata masalah ini senang selesai, dia punya bapa mertua Paya Terubong, *father in-law* adalah Manager di Lee Rubber. Oleh itu semua rakyat, pengundi percaya kepada beliau dan pada pilihan raya 1999 dan 2004 dia menang di kawasanya. Sekarang Lee Rubber pun telah keluar, saya berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana pencemaran air sungai di Sungai Pinang dari sejak zaman Barisan Nasional berada di tahap 5 tetapi sekarang menjadi tahap tiga (3). *Already I think these two (2) days* saya baca di surat khabar dan nampak ianya sudah sampai ke tahap kedua. Oleh itu saya pernah berjanji jika sudah sampai ke tahap kedua, mungkin saya akan jemput semua Ahli di Dewan ini untuk berenang di Sungai Pinang. Terima kasih....(ketawa).

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin):

Okey, mungkin saya akan mengajak Y.B. Sungai Pinang untuk terjun ke Sungai Dondang di kawasan tersebut....(ketawa) *it is safe*, selamat. Ini memang menunjukkan satu perubahan yang besar yang telah dibawa oleh Pakatan Rakyat untuk Negeri Pulau Pinang dan juga KADUN Paya Terubong.

Selepas perhentian operasi di kilang getah Lee Rubber ini, tapak kilang yang seluas 22 ekar lebih ini mestilah digunakan atau *utilised*, ...(dengan izin), untuk pembangunan mampan dan bukan pembangunan pesat yang tidak ada rancangan yang baik.

Masalah trafik, masalah kekurangan kemudahan awam, kekurangan tempat rekreasi, masalah *poor maintenance* ...(dengan izin), di rumah kos rendah di kawasan Paya Terubong semua ini adalah akibat ketiadaan satu rancangan pembangunan yang tersusun dan baik daripada kerajaan terdahulu. Oleh itu pada masa kini kita mesti mempunyai satu pelan yang tersusun untuk kawasan tersebut. Sebagai wakil rakyat tempatan, saya berharap semoga 22 ekar tapak kilang ini dapat dibangunkan sebagai satu *integrated city* yang merangkumi *affordable housing* ...(dengan izin), juga merangkumi tapak perniagaan, pejabat, sekolah, dewan serbaguna, tapak rekreasi, klinik, tapak untuk agama dan lain-lain kemudahan awam untuk meningkatkan kualiti kehidupan rakyat di kawasan Paya Terubong.

Saya juga banyak berharap supaya sebahagian daripada tapak yang seluas 22 ekar ini dapat dibina dengan satu terminal bas yang merupai terminal perantaraan antara Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya. Oleh kerana kedudukan strategik Paya Terubong yang berada di sempadan Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya, dengan adanya binaan satu bas terminal perantaraan adalah merupakan satu langkah yang baik untuk menyelesaikan masalah trafik bukan sahaja di kawasan ini tetapi juga dapat menghubungkan penduduk di Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya. Populasi yang paling tinggi dan pesat di KADUN ini juga merupakan satu sebab atau satu faktor kenapa satu terminal bas harus dibina di kawasan tersebut. Jadi saya berharap pada satu hari nanti, sekiranya pemilik tanah ini iaitu Syarikat Lee Rubber yang pejabatnya berada di Singapura jika terdapat pelan perancangan pembangunan dimasukkan ke MPPP dan harap MPPP dapat mengkaji dengan teliti supaya satu pembangunan yang mampan dapat dibenarkan.

Akhir sekali saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menuntut supaya pihak Polis DiRaja Malaysia memberi satu laporan kepada awam terhadap apakah tindakan yang telah diambil terhadap pengganas-pengganas yang telah menimbulkan kekecohan dan telah memukul seorang wartawan dan juga mengasari Ketua Menteri pada Perhimpunan Hijau di Esplanade pada 26hb. Februari 2012 yang lalu. Adakah keganasan...(ganguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid BinSaad):

Penjelasan Y.B. Paya Terubong. Bolehkah saya tahu adakah wartawan itu masih bekerja sebagai wartawan atau apakah pekerjaan beliau sekarang ini?

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin):

Di manakah wartawan itu bekerja sekarang bukanlah satu faktor yang *relevan*. Apa yang penting ialah beliau memang telah dipukul pada hari tersebut dan memang pihak Polis mesti ambil tindakan. Tetapi apa yang mengecewakan sehingga hari ini masih tidak ada satu tindakan diambil terhadap pengganas-pengganas tersebut dan tidak ada satu laporan untuk menjelaskan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Polis. Langkah-langkah tegas harus diambil oleh pihak Polis untuk meyakinkan kepercayaan orang awam terhadap kredibiliti Polis DiRaja Malaysia.

Sebelum saya menamatkan ucapan saya pada petang , saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menyeru rakyat Pulau Pinang supaya terus memberi sokongan kepada Pakatan Rakyat pada pilihan raya yang akan datang dan berharap semoga rakan-rakan saya di Pakatan Rakyat di sini supaya dapat sama-sama berjumpa lagi di Persidangan Dewan Undangan selepas Pilihan Raya Ke-13. Sekian terima kasih, saya memohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Pengkalan Kota.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ucapan T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dalam Dewan yang mulia ini.

Y.B. Dato' Speaker, banyak perubahan dapat dilihat selepas Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih pemerintahan di Negeri Pulau Pinang walaupun kerajaan baru hanya ditubuhkan dalam masa empat (4) tahun sahaja. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan banyak projek dan polisi baru yang membawa manfaat kepada rakyat jelata. Ini merupakan satu perbezaan besar yang dapat kita lihat jika dibandingkan semasa pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional.

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan Pakatan Rakyat yang telah melulus dan melaksanakan beberapa projek pembangunan di kawasan Pengkalan Kota. Projek-projek ini adalah amat dialu-alukan oleh penduduk setempat kerana ia telah berjaya meningkatkan taraf hidup dan suasana keselesaan hidup penduduk di kawasan tersebut. Ini termasuk projek menaik taraf papan dan struktur di Clan Jetty. Kerajaan Negeri dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah bekerjasama dalam projek menaik taraf ini dengan memberi peruntukan sebanyak lebih RM1 juta untuk menukarkan

papan dan struktur keenam-enam Clan Jetty di Pengkalan Weld. Saya difahamkan daripada penduduk bahawa papan dan struktur jeti yang telah ditukar kali ini merupakan kayu yang memang berkualiti tinggi dan dapat bertahan selama lebih kurang 10 tahun. Penduduk-penduduk di Clan Jetty amat gembira bila melihat projek ini dilaksanakan kerana dengan penukaran papan-papan dan struktur jeti, keselamatan penduduk serta pelancong yang berkunjung ke Clan Jetty terjamin.

Selain itu, satu lagi projek di mana saya rasa berbesar hati adalah Pasar Lebuh Cecil. Dua tahun yang lalu pasar Lebuh Cecil merupakan satu pasar yang lama dan tidak mempunyai sistem pembetulan yang baik dan sempurna. Oleh itu saya telah membuat permohonan untuk menaik taraf pasar tersebut. Permohonan ini juga telah diluluskan dan pada hari ini kita dapat melihat pasar Lebuh Cecil yang telah berjaya dinaik taraf sebagai satu pasar baru yang ceria dan lebih selesa. Projek ini sekali lagi menunjukkan kebolehan Kerajaan Pakatan Rakyat yang betul-betul menjaga kebaikan rakyat jelata. Kerajaan Barisan Nasional yang telah memerintah selama 50 tahun pun tidak mampu membuat sebegini.

Y.B. Dato' Speaker, untuk menjamin keselamatan penduduk di sekitar Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu dan juga pengguna jalan raya, pagar telah dipasang di bahagian tengah berdekatan dengan kawasan perumahan, Gat Lebuh Macallum, di Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu. Tujuan pemasangan pagar ini adalah bagi menghalang penduduk dan pejalan kaki melintas lebuhraya tersebut supaya dapat mengelakkan kemalangan berlaku. Selain itu, lampu isyarat *count down*(dengan izin), untuk pejalan kaki melintas jalan lampu peringatan menyala di setiap 50 meter mulai 300 meter dari jarak lampu isyarat dan juga CCTV untuk menangkap kenderaan laju telah dipasang. Saya difahamkan bahawa di bawah Fasa 2 Projek JE iaitu yang sekarang telah ditukar nama kepada Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu sepatutnya terdapat satu jejantas di bina di persimpangan Gat Lebuh Cecil dan Gat Lebuh Macallum, tetapi jejantas ini telah digantikan dengan lampu isyarat seperti apa yang kita dapat lihat pada hari ini.

Apa yang ingin saya bangkitkan di sini adalah terdapat lebih daripada 20,000 penduduk yang tinggal di kawasan Lebuh Macallum, sebelum JE dibina, penduduk di kawasan tersebut tidak menghadapi masalah kesesakan lalu lintas dan tiada juga masalah keselamatan timbul. Tetapi sebaik sahaja JE Fasa 1 siap dibina dan diguna, kenderaan yang mengguna lebuhraya ini begitu sesak dan memandu dengan begitu laju. Ini telah menimbulkan masalah keselamatan terhadap penduduk setempat. Di samping itu kenderaan penduduk yang ingin keluar dari Gat Lebuh Cecil dan Gat Lebuh Macallum juga menghadapi masalah kesesakan lalu lintas.

Oleh itu saya mengharap Kerajaan Negeri dapat mengkaji semula keperluan jejantas yang sepatutnya dibina supaya dapat menyelesaikan masalah trafik dan menjaga keselamatan penduduk di kawasan tersebut. Walaupun kita faham masalah kesesakan lalu lintas dan pengangkutan jalan raya bukan satu isu yang senang ditangani. Pelan Induk pengangkutan juga adalah perlu untuk perancangan jangka masa panjang 15 tahun atau 20 tahun, tetapi pada masa yang sama, cadangan dan langkah-langkah untuk jangka masa pendek adalah juga perlu disediakan bagi menangani bilangan kenderaan yang semakin bertambah banyak dan masalah kesesakan yang semakin serius.

Y.B. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melancarkan inisiatif Cleaner Greener Penang sejak dua (2) tahun yang lalu. Usaha ini telah mendapat sambutan baik dari kalangan rakyat jelata bagi membolehkan Pulau Pinang menjadi sebuah bandar raya yang paling didiami di Malaysia. Baru-baru ini satu program *Mud Ball* juga telah diadakan di kawasan Pengkalan Kota. Apa yang saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini adalah masalah sistem pembetulan di Clan Jetty. Walaupun papan dan struktur telah dinaik taraf tetapi sistem pembetulan juga menghadapi kekurangannya kerana Clan Jetty merupakan kawasan yang unik dan bersejarah, malangnya sistem pembetulan di sana juga sangat *heritage*. Seperti kita semua maklum, najis dan kekotoran cecair terus masuk ke laut. Keadaan ini memang tidak selaras dengan inisiatif Cleaner Greener Penang kita.

Oleh itu saya amat berharap satu sistem pembetulan dapat diwujudkan di Clan Jetty supaya dapat memberi satu suasana kehidupan yang bersih dan sihat kepada penduduk. Saya pernah bermesyuarat dengan pihak IWK dan Pegawai di Pejabat Daerah tentang mewujudkan memasang sistem pembetulan ini mendapati bahawa kos pemasangan projek ini memerlukan lebih kurang RM10 juta. Dalam pandangan saya, sistem pembetulan ini masih dan amat diperlukan walaupun Clan Jetty merupakan tapak warisan tetapi kebersihan dan kesihatan penduduk setempat juga perlu diutamakan.

Y.B. Dato' Speaker, isu seterusnya yang ingin saya bangkitkan adalah tentang isu perumahan, ini merupakan satu isu yang bukannya hanya berlaku di kawasan Pengkalan Kota sahaja, kerana tadi saudara saya Ahli daripada Paya Terubong pun juga menghadapi masalah tersebut. Saya amat tertarik apabila mendengar dengan Exco Perumahan tersebut ada berkata Jabatan Perumahan ada *practice* membuat penguatkuasaan terhadap pemilik rumah kos rendah atau LMC yang menyewa rumah kepada warga asing. Saya amat berharap Jabatan Perumahan dapat membuat pemantauan dan penguatkuasaan atas semua rumah kos rendah dan LMC di seluruh negeri.

Saya juga menjemput Jabatan Perumahan mengunjungi dalam melawat ke LMC di kawasan Pengkalan Kota seperti contoh Rumah Pangsa Seri Saujana. Isu ini telah dibangkitkan oleh banyak kali di Dewan yang mulia ini. Rumah yang disewa kepada warga asing telah menimbulkan masalah sosial. Masalah terdapat ramai penduduk ingin memohon LMC atau rumah kos rendah dan betul-betul memerlukan kos rendah tersebut tapi mereka masih belum dapat, tetapi pada masa yang sama kita boleh nampak terdapat kes sebegini orang yang dapat rumah LMC tersebut tetapi tidak duduk dan menyewanya kepada warga asing. Oleh itu saya berharap masalah ini dapat dipantau dan diselesaikan.

Walau bagaimanapun saya memang mengalu-alukan ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana mempunyai inisiatif untuk membekalkan rumah mampu milik kepada rakyat jelata. Akan tetapi jika sehari masalah LMC atau rumah kos rendah telah menyewa kepada warga asing tidak diselesaikan, saya amat risau inisiatif kerajaan tersebut akan tidak dapat berjaya dan oleh itu saya memang berharap dan saya merayu kepada Kerajaan Negeri supaya dan perlu mencari jalan untuk menghalang masalah tersebut berterusan lagi.

Saya ingin juga mengambil kesempatan ini berterima kasih kepada semua pegawai dan kakitangan kerajaan memberi sokongan serta kerjasama penuh kepada kami dalam empat (4) tahun ini membolehkan Kerajaan Pakatan Rakyat menunaikan janji dalam membawa perubahan yang baik kepada Pulau Pinang dan rakyat jelata Pulau Pinang saya yakin bahawa dengan sokongan dengan golongan rakyat jelata Kerajaan Pakatan Rakyat yang berjiwa rakyat akan terus memimpin kita ke arah yang lebih maju. Dengan ini saya memohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Terima kasih, Tanjung Bunga.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Terima kasih memberi saya peluang untuk berbahas dalam ucapan T.Y.T. hari ini. Sepertimana yang sedia maklum negara kita yang tercinta ini Malaysia dan juga Negeri Pulau Pinang ini telah mengamalkan Sistem Demokrasi Berparlimen sejak pilihan raya yang pertama 1959. Sebagai rakyat Malaysia saya amat berbangga dengan sistem demokrasi yang sedia ada dalam kalangan rakyat negara kita, tetapi selepas berbanding negara-negara maju yang juga mengamalkan sistem demokrasi yang sedia ada, saya berasa adalah perlu bagi saya untuk merenung kembali kenyataan tersebut.

Negara Amerika Syarikat, Taiwan dan sebagainya mahupun Republik Kazakhstan dan Quebec telah mengehend tempoh memegang jawatan Presiden kepada dua (2) penggal. Dasar ini telah diluluskan dalam Parlimen mereka untuk mengelak penyalahgunaan dan penyelewengan kuasa bagi pihak pemerintah dan juga menjamin semua generasi tidak akan ketinggalan dalam proses membuat keputusan penting. Inilah cara sistem demokrasi. Pada masa kini kebanyakan masyarakat menganggap bahawa politik dalam demokrasi sudah menjadi satu saluran yang mudah bagi segelintir orang memperoleh kuasa dan peluang untuk menambah kekayaan. Justeru mereka percaya wakil rakyat yang dipilih semata-mata hanya menyamar sistem demokrasi kononnya mempolitikkan berjasa sebaliknya mempropagandakan satu budaya korupsi yang halus dengan peralatkan sistem demokrasi untuk kepentingan kroni masing-masing.

Ahli-ahli Yang Berhormat terutamanya Pembangkang bukalah mata, pakailah telinga dan gunakan telinga, gunakan hati dan belajarlah bagaimana pendemokrasian Dewan ini boleh dipertingkatkan oleh Pakatan Rakyat dengan minda dan hati yang terbuka menghadapi kritikan dan cadangan hebat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sendirinya.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Minta laluan, penjelasan.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Tak cukup masa...(gangguan) ada yang lain.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Penjelasan sikit saja.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Nanti, nanti.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Sikit saja, nanti isu yang lain. Ini nak cakap tentang.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Nanti Y.B. Speaker tak tahan dia kena....(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Y.B. Dato' Speaker, minta pembetulan berkenaan isu...(gangguan).

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Sakit pinggang, tak tahan.

Y.B. Dato' Speaker:

Dia tidak benarkan, duduklah.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Y.B. Dato' Speaker, untuk menyakinkan rakyat saya rasa Dewan ini harus mempertimbangkan mewujudkan satu dasar baru menegad tempoh memegang jawatan Ketua Menteri, Timbalan Ketua Menteri I dan II kepada dua (2) penggal sahaja. Jikalau sepanjang tempoh perkhidmatan tersebut pemimpin tertinggi hanya membuat keputusan yang merugikan sendiri dan rakyat, maka dua (2) penggal adalah cukup untuk menamatkan perkhidmatan beliau. Ini termasuk juga Ketua Pembangkang. Kita sebagai sebuah negeri yang berlandas prinsip C.A.T....(gangguan).

Ahli Kawasan Sebrang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Penanti setuju?

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Seharusnya menghapuskan *trend authoritarian* atau kuku besi yang telah diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional, sebaliknya kita harus mencontohi negara-negara maju supaya tidak menjejak langkah mereka yang mempunyai sejarah pemimpin....(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Minta laluan, tak boleh bagi.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Tak boleh, saya habiskan

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Itu sudah *authoritarian*.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Dengar dulu.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Tidak demokrasi.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Yang Berhormat Dato' Speaker, tambahan pula Dewan yang berfungsi sebagai penggubal undang-undang di peringkat Persekutuan mahupun peringkat negeri adalah bertujuan untuk menyampaikan hasrat rakyat. Saya fikir oleh itu cadangan mengehend tempoh perkhidmatan ini sebenarnya bukan terletak keada tangan ahli politik, sebenarnya rakyatlah diberi kuasa untuk membuat keputusan sama ada kita patut mengekalkan pemimpin negara ataupun negeri atau tidak. Sebab itulah Malaysia wujud dan kekal sebagai sebuah negara yang mengamalkan demokrasi dan terdapat pilihan raya. Saya percaya jika seseorang terlalu lama memegang jawatan Perdana Menteri ataupun jawatan pemimpin tertinggi 1,000 gaya dan lain-lain akan ditunjuk kemudian sebagainya. Sebagai contoh Negara Mesir pernah diperintah di bawah Rejim Hosni Mubarak selama 30 tahun beliau telah melakukan penindasan terhadap rakyat, penipuan dalam pilihan raya, rakyat terus tertekan dengan kehidupan sedemikian.

Kemarahan rakyat Mesir yang meluap-luap telah mencapai kemuncak kemuncak bagi menuntut kembali pemerintahan lebih adil kepada mereka akhirnya Mubarak terpaksa meletak jawatan setelah berjaya digulingkan oleh rakyat sendiri pada tahun lepas, ini telah akan dibuktikan 428. Selain itu pilihan raya yang dianggap sebagai *referendum* di mana ia boleh digunakan untuk memutuskan isu perlembagaan atau moral penting seharusnya menetapkan satu masa untuk diadakan. Sebagai contohnya di Australia dan New Zealand pilihan raya diadakan setiap tiga (3) tahun pilihanraya diadakan pada setiap empat (4) tahun setiap lima (5) tahun di India dan setiap tahun di Ireland mengapa sampai sekarang amat dan tanda tanya bilakah pilihan raya akan diadakan?(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Seri Delima boleh, saya tak bagi.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Tak bagi juga.....(ketawa), demokrasi, *fair* ya.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Y.B. Dato' Speaker, masyarakat yang madani memerlukan sistem demokrasi yang sihat dengan menetapkan tarikh pilihan raya, kita harus sentiasa ingat bahawa entiti parti dan kerajaan adalah terpisah. Oleh itu saya fikir setiap keputusan penting yang dibuat dalam Dewan yang mulia ini harus mengutamakan kebaikan rakyat dan bukannya parti sendiri. Jika kita masih mengamalkan budaya sepertimana BN yang memilih tarikh pilihan raya yang mendatangkan faedah kepada parti sendiri, maka tiada bezanya antara demokrasi dan demokrasi palsu. Yang dinamakan sesetengah Sarjana Sains Politik.....(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Belum lagi.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Sikit saja, petang ini.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Belum lagi, tak bagi, belum lagi masa ada lagi. Memang demokrasilah. Kena hormati....(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Kalau demokrasi bagi sedikit saja. Apakah kaedah....(gangguan).

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Saya akan bagi....(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Boleh bagi kaedah, hendak menetapkan tarikh pilihan raya itu macam mana?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Tak faham dia kata tak mahu kasi.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Orang berkata, jika kita telah mula menghidu bau yang diguna untuk menurap jalan maknanya tarikh pilihan raya sudah berdekatan, sudah berlaku, itu Barisan Nasional *style* lah. Jadi untuk menunjukkan demokrasi sebenar, kita harus menjadi negeri di bawah pemerintahan Pakatan Rakyat. Yang pertama menetap tarikh pembubaran Undangan Negeri kepada 5 tahun dengan tarikh yang tetap. Dasar ini adil dan saksama bagi parti pemerintah dan pembangkang ini bermakna suara rakyat mempunyai lebih banyak disalurkan untuk diperdengarkan Kerajaan Negeri tanpa ada sebarang prejudis mana-mana wakil rakyat. Biar kita ubah dari sini.

Y.B. Dato' Speaker, satu perubahan atau reformasi alternatif saya ingin mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa. Pihak Berkuasa Tempatan terutamanya YDP Perbandaran harus dipisahkan daripada salah seorang ADUN atau *backbenchers* melalui pemilihan ke jawatan-jawatan tertentu pada masa interim di mana sebelum Pilihan Raya Kerajaan Tempatan dilaksanakan sepenuhnya. Walaupun hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan membentangkan dan meluluskan satu Enakmen Pilihan Raya Kerajaan Tempatan dalam Dewan yang mulia ini.....(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Minta laluan, penjelasan.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Saya ingin menyokong enakmen ini, ia amat menggalakkan dan dialu-alukan ramai untuk memperkuatkan *prinsip separation of power*(dengan izin). Tetapi pelaksanaan sepenuhnya pilihan raya ini iaitu pilihan raya umum untuk Kerajaan Tempatan tidak dapat ditentukan jadualnya maka Ahli Majlis masih perlu digantikan. Justeru itu, pada masa interim ini iaitu antara pelaksanaannya pilihan raya umum Kerajaan Tempatan dan pelantikan Ahli Majlis terutamanya YDP patut dipisahkan melalui pemilihan ke jawatan tertentu pada salah seorang *backbenchers*. Y.B. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Minta penjelasan sebelum ke tajuk lain. Nak dapatkan penjelasan isu yang ...(gangguan).

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Saya hendak teruskan supaya jadi satu gambaran yang betul ni. (gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Saya hendak dapatkan gambaran yang betul ini.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Lain, lain, nanti, nanti.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Saya tak faham ini, nanti saya nak cerita kata rakyat kawasan saya..... (gangguan).

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Nanti, sekejap *you* faham bila ada....(gangguan), pembentangan... (gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Di Amerika kita boleh cakap tau. Ha dia bagi....(gangguan).

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Y.B. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahya):

Tak adalah macam ni.

Y.B. Dato' Speaker:

Permatang Berangan dah tak dibenarkan, jangan ganggu lagi dah.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Y.B. Dato' Speaker terima kasih. Ini adalah satu alternatif yang berdemokrasi kerana saya fikir ADUN sebagai Wakil Rakyat dipilih rakyat perwakilannya tidak boleh dinafikan lebih *justify*(dengan izin), berjiwa rakyat daripada calon yang dilantikkan. Jikalau dipilihnya Wakil Rakyat sebagai Y.D.P. itu, maka Yang Berhormat yang dipilih itu pasti bertanggungjawab kepada Dewan yang mulia ini dan rakyat. Jadi dengan alternatif ini, ia lebih bersemangat demokrasi.

Y.B. Dato' Speaker, ini saya fikir adalah tepat masanya untuk menerima dan adakan satu reformasi atau perubahan di peringkat perbandaran iaitu Pihak Berkuasa Tempatan yang boleh menjalankan kuasa menerima dan menolak sebarang projek, polisi, garis panduan, *by laws* dan di peringkat administrasi tempatan untuk meningkatkan prestasi perbandaran. Kalau kita mahu menjadi sebuah bandaran bandar raya antarabangsa apatah lagi kita pada masa ini berada di tempat kelapan iaitu satu bandar raya yang sesuai untuk diduduki di Asia.

Y.B. Dato' Speaker:

Yang Berhormat Tanjong Bunga kita ada dalam atur cara kita ialah Rang undang-undang dan elok dibahaskan dalam bila sampai jadualnya nanti. Mungkin Yang Berhormat boleh tengok tajuk lain.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Okey, Y.B. Dato' Speaker, seterusnya saya ingin membahaskan satu isu yang bertajuk sudahkah kita bersedia menghadapi mala petaka yang mungkin berlaku pada bila-bila masa terutamanya tsunami, gempa bumi, keruntuhan tanah di pembangunan bukit dan lereng bukit yang melebihi 25 darjah atau melebihi ketinggian 250 kaki. Banyak laporan boleh didapati bahawa kerana berlakunya gempa bumi di lautan berdekatan Sumatera terutamanya di Lautan Pekan Aceh pada tahun 2004 itu yang bermagnitud 9.3 sudah membunuh 230 ribu orang dan diramalkan laporan juga bahawa gempa bumi tersebut disebabkan pergerakan ketulan tanah bumi, telah mengakibatkan pecahan tanah lebih kurang 1,000 kilometer. Antara Padang, lautan Padang ke Adaman dan De'Coba Island.

Selepas gempa bumi 2004 itu, beberapa gempa bumi juga berlaku di atas sepanjang garis pecahan tanah tersebut iaitu Mac 2005 di Nias bermagnitud 8.6 membunuh lebih kurang 1,000 orang, September 2007 di Padang juga bermagnitud 8.4 dan yang kebelakangan ini pada 11 April dengan magnitud 8.6 dan pada hari itu lebih kurang pukul 4.35 petang seluruh Negeri Pulau Pinang tidak kira bangunan tinggi mahupun rumah-rumah biasa

merasai gegaran itu, yang kuat itu dan terus takut tsunami akan berlaku. Ini menunjukkan bahawa gempa bumi di kawasan garis pecahan tersebut semakin aktif dan frekuensinya bertambah. Kita juga diramalkan laporan bahawa sekiranya gempa bumi yang berskala 8.5 magnitud ke atas berlaku di atas garis pecahan tersebut terutamanya di lautan di antara Bandar Aceh, Adaman, De'Coba Island maka berkemungkinan besar Pulau Pinang akan diancamkan tsunami yang kuat. Ombaknya boleh setinggi empat (4) hingga enam (6) meter dijangkakan terutamanya di kawasan rendah pantai misalnya Seri Tanjung Pinang, Tanjong Tokong, Tanjong Bunga, Batu Feringghi, Teluk Bahang dan juga sepanjang pantai dari Bandar Aceh hingga Pulau Betong.

Dengan adanya maklumat-maklumat tersebut dan lain-lain, diharap Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempertingkatkan Sistem Bilik Bencana dan kemudahan pusat bencana supaya menghadapi berlakunya kemalangan tersebut pada bila-bila masa yang akan datang. Dicadangkan bahawa terutamanya di Tanjong Tokong dan Seri Tanjung Pinang, satu pusat kecemasan yang lebih besar dan berkemudahan penyelamatan dan bekalan diwajibkan pemaju termasuk bot-bot *rescue* disediakan dan tembok penentang ombak diperkuatkan dan dipertingkatkan terutamanya di belakang berdekatan dengan TESCO. Di Tanjong Bunga kawasan rendah dari Kuala Sungai Keliang hingga Pusat Sukan Air diperkuatkan tembok penentang ombak dan NGO's seperti PKS, PPTS dan lain-lain diberikan latihan *emergency rescue program*, dengan kerjasama St. John Ambulance dan Bulan Sabit supaya mereka boleh menghadapi kemalangan ini.

Pasar Awam Tanjong Bunga, MPPP harus dibekalkan dengan kemudahan-kemudahan sebagai pusat kecemasan dan sekolah-sekolah dijadikan satu pusat *standby*. Di Batu Feringghi, pada masa ini masih tiada sebarang dewan yang besar untuk tujuan tersebut. Balai Rakyat JKKK dan nelayan kecil yang sedia ada tidak lengkap untuk menjalankan fungsi tersebut tetapi satu pasar awam Batu Feringghi baru akan dibina pemaju dan diserahkan balik kepada MPPP itu, kita cadangkan ditambahkan peruntukan MPPP katakan RM2 juta untuk membina satu tingkat tambahan lagi ke atas pelan permohonan Pasar Awam satu tingkat itu. Tingkat tambahan itu bolehlah diadakan satu dewan besar dan kemudahan lain untuk masa biasa dan ia boleh dijadikan pusat kecemasan pada masa kecemasan.

Y.B. Dato' Speaker, beberapa aspek dalam perasmian ucapan T.Y.T., di sini saya ingin bahaskan sedikit, untuk tujuan mengekalkan pembangunan negeri ke arah sebuah ekonomi berpengetahuan yang berpendapatan tinggi dan mampan. Saya yang dicadangkan Kerajaan Negeri juga mengadakan program-program untuk naik taraf golongan miskin dan miskin sederhana ke peringkat pertengahan (*medium class*). Satu cara yang saya fikir ialah menggalakkan sektor swasta juga mengikuti cara Kerajaan Negeri mengadakan gaji minimum RM1,100.00 (*take home pay*).

Sektor ternakan dan industri *aquaculture* memang membawa faedah ekonomi tetapi kawalan pencemaran sisa kumbahan, ternakan dan air kolam *aquaculture* mesti dipantau ketat. Pencerobohan tanah oleh kedua-dua industri ini mesti didakwakan dan didendakan kerana ekosistem kawasan bakau dan Taman Negara Pulau Pinang telah dicerobohi.

Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM5 juta bagi menaik taraf pasar-pasar awam di Pulau Pinang bagi tahun 2012. Sebanyak 21 buah pasar awam telah berjaya dinaik taraf dengan peruntukan sebanyak RM 5 juta pada tahun lalu. Pasar-pasar ini juga harus berkemampuan menjalankan peranan kecemasan pada bila-bila masa berlakunya mala petaka terutamanya Tsunami dan gempa bumi. Untuk memupukkan belia yang lebih aktif, sihat dan gembira, supaya mereka dapat berperanan di pentas internasional *dan ber interact* dengan belia sedunia. Maka satu kem khas untuk kegiatan belia harus dibina seperti *Confederation Youth Camp* harus boleh dipeliharakan dan dibina semula untuk maksud tersebut. Belia harus diberi satu *camp site* untuk menjalankan kegiatan yang lebih bermakna.

Untuk Hal Ehwal Wanita, tahniah bahawa Penang Women's Development Corporation (PWDC) Sdn. Bhd., dapat ditubuhkan untuk membangun dan memperkasa kepentingan peranan wanita dalam masyarakat maka dengan adanya PWDC, janganlah terlupa membelakan hak asasi manusia *transgender* terutamanya mak nyah sebagai satu *gender* dalam *spectrum gender* demi *gender equality*.

Y.B. Dato' Speaker, Jabatan Perhutanan berperanan mempertahankan hutan rimba kita yang kian kurang keluasannya dan dirosakkan manusia dan kebanyakan penghuni-penghuninya akan kehilangan sumber kehidupan dan juga penghuni-penghuni khas menghadapi keluputan. Pencerobohan kawasan hutan pada masa ini amat membimbangkan juga misalnya ada pencerobohan hutan simpanan dan kawasan hutan bakau berlaku di Bukit Bendera dan Balik Pulau. Bila laporan dibuat oleh kerana amat terpencilnya dan tinggi kawasan dan juga dalaman hutan itu dicerobohi, maka ia memerlukan pasukan renjer yang kuat dan berpengalaman untuk siasat dan mempertahankan hutan yang dicerobohi dan jalankan tugas dan siasatan tetapi difahamkan Jabatan Perhutanan Pulau Pinang tidak dapat jalan tugas ini dengan berkesan disebabkan beberapa faktor seperti satu, kekurangan pegawai dan renjer terutamanya misalnya di DTL, DBD, SPS, SPT dan SPU, difahamkan di setiap daerah enam orang pekerja dan satu renjer, maka seorang renjer itu tidak dapat mengawal hutan simpanan yang luas seperti di Bukit Bendera terutamanya.

Kedua, kekurangan pengangkutan yang lengkap misalnya jabatan ini tiada *Four Wheel Drive* yang kuat untuk naik bukit masuk ke dalam hutan bagi menjalankan tugasnya.

Ketiga, kelayakan renjer misalnya renjer sedia ada selepas *probation period* nya ...(dengan izin) renjer itu harus dikekalkan secepat mungkin dan kebajikannya ditetapkan agar renjer itu berkhidmat dengan sepenuh hati dan selesa. Renjer juga harus diberi latihan yang sewajarnya, dan keempat, kakitangan di Jabatan ini juga berkurangan memandangkan kesemua lima daerah itu berkurangan kakitangan untuk menjalankan tugas tersebut dengan berkesan, maka bilangan kakitangan harus ditambah agar hutan simpanan Pulau Pinang yang tertinggal tak sampai 10% itu dapat dikekalkan.

Y.B. Dato' Speaker, Y.B. Kawasan Sungai Bakap ada satu soalan tentang isu penetapan dan bangun semula kampung tradisi Melayu yang sempurna. Ahli-ahli Yang Berhormat Pembangkang turut bertanya pelbagai soalan Pembangkang menunjukkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang harus buat itu, buat ini dan lain-lain. Jangan Ahli-ahli Yang Berhormat UMNO lupakan bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang telah menyenaraikan semula kampung Tanjung Tokong sebagai salah satu kampung tradisi Melayu dalam draf plan tempatan di mana kampung Melayu ini dikeluarkan oleh pentadbir yang dahulu.

Saya nak tanya di sini, Ahli-ahli Yang Berhormat UMNO Pembangkang, apakah keikhlasan UMNO dan ejennya iaitu UDA untuk mengekalkan Kampung Tanjung Tokong sebagai kampung warisan Melayu dan menyelesaikan isu pemuliharaan pembangunan semula kampung tradisi Melayu yang berumur melebihi 200 tahun itu yang kian lama diperjuangkan penduduk-penduduk? Apakah keikhlasan dan hasrat Perdana Menteri menunaikan kewajipan UDA untuk memelihara kampung Tanjung Tokong sebagai kampung tradisi Melayu yang selalu diuar-uarkan UMNO. Perbahasan saya hari ini bukan untuk(gangguan). Tetapi akan menjadikan satu nasihat yang berniat baik dan konstruktif untuk Kerajaan Pakatan Rakyat maju dan terus maju dan akan mendorong pendemokrasian Dewan ini agar Barisan Nasional ketinggalan zaman dan ditolak rakyat selama-lamanya. Selagi BERSIH 3.0 ditindaskan, Barisan Nasional....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Sebelum tutup bagi saya cerita pasal Barisan sikit saja, satu (1) minit saja.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Bebas dari media.....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Saya hendak tahu, sudahkah Kerajaan Negeri mengeluarkan arahan SPRM....(gangguan), dia tidak boleh jawab.

Y.B. Dato' Speaker:

Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Kalau hendak tuduh.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Hentikan Lynas, hentikan nuklear. Hidup-hidup rakyat, bangkit-bangkit anda, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Terima kasih Y.B. Tanjong Bunga. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan bersidang semula pada hari Isnin 7hb. Mei 2012, jam 9.30 pagi. Terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.00 Petang.